



**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 38

Khamis

17 Oktober 2024

K A N D U N G A N

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI	(Halaman 1)
PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman 15)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 47)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024	(Halaman 47)

**KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN
17 OKTOBER 2024**

Ahli-Ahli Yang Hadir:

1. Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul
2. Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim (Tambun)
3. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi (Bagan Datuk)
4. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Yusof (Petra Jaya)
5. Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
6. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu (Kota Raja)
7. Menteri Pertahanan, Dato' Seri Haji Mohamed Khaled Bin Nordin (Kota Tinggi)
8. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
9. Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
10. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)
11. Menteri Pendidikan, Puan Fadhlina Binti Sidek (Nibong Tebal)
12. Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (Kanowit)
13. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Bin Mohd Ali (Papar)
14. Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
15. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor)
16. Menteri Sumber Manusia, Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
17. Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Haji Ahmad Bin Haji Maslan (Pontian)
18. Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Haji Mohd Nasir (Johor Bahru)
19. Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Haji Adly Bin Zahari (Alor Gajah)
20. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Mohamad (Lipis)
21. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah (Lenggong)
22. Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tuan Liew Chin Tong (Iskandar Puteri)
23. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dato' Ramli Dr. Bin Dato' Mohd Nor (Cameron Highlands)
24. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
25. Menteri Ekonomi, Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli (Pandan)
26. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
27. Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan (Rembau)
28. Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi (Kapit)
29. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick (Penampang)
30. Menteri Komunikasi, Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
31. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Nancy Shukri (Santubong)
32. Menteri Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Bin Abdul Ghani (Titiwangsa)
33. Menteri Digital, Tuan Gobind Singh Deo (Damansara)
34. Menteri Belia dan Sukan, Puan Hannah Yeoh (Segambut)
35. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Binti Mustafa (Sekijang)
36. Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah (Limbang)
37. Timbalan Menteri Perlindungan dan Komoditi, Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)
38. Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Hajah Rubiah Binti Haji Wang (Kota Samarahan)
39. Timbalan Menteri Ekonomi, Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib (Mukah)

40. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Mohammad Yusof Bin Apdal (Lahad Datu)
41. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
42. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu (Sepang)
43. Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Huang Tiong Sii (Sarikei)
44. Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Mohamad Alamin (Kimanis)
45. Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Khairul Firdaus Bin Akbar Khan (Batu Sapi)
46. Timbalan Menteri Komunikasi, Puan Teo Nie Ching (Kulai)
47. Timbalan Menteri Kewangan, Puan Lim Hui Ying (Tanjong)
48. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Adam Adli Bin Abd Halim (Hang Tuah Jaya)
49. Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud (Sepanggar)
50. Timbalan Menteri Kesihatan, Dato Lukanisman Bin Awang Sauni (Sibuti)
51. Timbalan Menteri Digital, Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
52. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong)
53. Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
54. Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Ramanan Ramakrishnan (Sungai Buloh)
55. Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Wong Kah Woh (Taiping)
56. Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali (Pekan)
57. Tuan Haji Aminolhuda Bin Hassan (Sri Gading)
58. Tuan Zahir Bin Hassan (Wangsa Maju)
59. Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj (Segamat)
60. Datuk Jonathan Bin Yasin (Ranau)
61. Datuk Matbali Bin Musah (Sipitang)
62. Datuk Suhaimi Bin Nasir (Libaran)
63. Datuk Ir. Shahelmey Bin Yahya (Putatan)
64. Tuan Lee Chean Chung (Petaling Jaya)
65. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Klang)
66. Tuan Syahredzan Bin Johan (Bangi)
67. Puan Rodziah Binti Ismail (Ampang)
68. Tuan Manndzri Bin Nasib (Tenggara)
69. Tuan Tan Kar Hing (Gopeng)
70. Tuan Chow Yu Hui (Raub)
71. Tuan Tan Hong Pin (Bakri)
72. Dato' Mohd Isam Bin Mohd Isa (Tampin)
73. Dato' Haji Adnan Bin Abu Hassan (Kuala Pilah)
74. Dato' Haji Shamsulkahar Bin Mohd Deli (Jempol)
75. Tuan Richard Rapu @ Aman Anak Begri (Betong)
76. Datuk Andi Muhammad Suryady Bin Bandy (Kalabakan)
77. Puan Young Syefura Binti Othman (Bentong)
78. Puan Syerleena Binti Abdul Rashid (Bukit Bendera)
79. Tuan Lo Su Fui (Tawau)
80. Tuan Mohd Sany Bin Hamzan (Hulu Langat)
81. Tuan Azli Bin Yusof (Shah Alam)
82. Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Tebrau)
83. Tuan Haji Onn Bin Abu Bakar (Batu Pahat)
84. Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli (Batang Lupa)
85. Tuan Chong Zhemini (Kampar)
86. Tuan Lee Chuan How (Ipoh Timor)
87. Dr. Mohammed Taufiq Bin Johari (Sungai Petani)
88. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Dr. Wan Ismail (Bandar Tun Razak)
89. Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob (Bera)

90. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
91. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Bin Haji Apdal (Semporna)
92. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
93. Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein (Sembrong)
94. Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem (Serian)
95. Datuk Seri Saravanan A/L Murugan (Tapah)
96. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
97. Dato' Sri Doris Sophia Anak Brodi (Sri Aman)
98. Tuan Chow Kon Yeow (Batu Kawan)
99. Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun (Port Dickson)
100. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
101. Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh (Bukit Gelugor)
102. Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu (Batu Gajah)
103. Dato' Seri Amirudin Bin Shari (Gombak)
104. Datuk Seri Panglima Bung Moktar Bin Radin (Kinabatangan)
105. Dato' Indera Mohd Shahar Bin Abdullah (Paya Besar)
106. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
107. Datuk Seri Haji Jalaluddin Bin Haji Alias (Jelebu)
108. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
109. Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
110. Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
111. Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)
112. Puan Yeo Bee Yin (Puchong)
113. Puan Isnaraissah Munirah Binti Majilis (Kota Belud)
114. Dato' Muhammad Bakhtiar Bin Wan Chik (Balik Pulau)
115. Tuan Hassan Bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
116. Tuan Wong Chen (Subang)
117. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)
118. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
119. Datuk Seri Panglima Dr. Gapari Bin Katingan @ Geoffrey Kitingan (Keningau)
120. Datuk Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
121. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
122. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
123. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
124. Datuk Hajah Siti Aminah Binti Aching (Beaufort)
125. Tuan Haji Yusuf Bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
126. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
127. Datuk Seri Utama Ir. Hasni Bin Mohammad (Simpang Renggam)
128. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
129. Tuan Mordi Bimol (Mas Gading)
130. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
131. Tuan Chiew Choon Man (Miri)
132. Dato Anyi Ngau (Baram)
133. Tuan Kesavan A/L Subramaniam (Sungai Siput)
134. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
135. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji (Jelutong)
136. Tuan Suhaizan Bin Kaiat (Pulai)
137. Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh (Ledang)
138. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
139. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
140. Tuan Haji Ahmad Johnie Bin Zawawi (Igan)
141. Tuan Roy Angau Anak Ginkoi (Lubok Antu)
142. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
143. Tuan Prabakaran A/L M. Parameswaran (Batu)
144. Tuan Riduan Bin Rubin (Tenom)
145. Dato' Verdon Bin Bahanda (Kudat)
146. Puan Rodiyah Binti Sapiee (Batang Sadong)
147. Datuk Wetrom Bin Bahanda (Kota Marudu)
148. Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim (Arau)

149. Tuan Afnan Hamimi Bin Dato' Haji Taib Azamuddin (Alor Setar)
150. Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib (Maran)
151. Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli (Dungun)
152. Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah (Langkawi)
153. Tuan Sabri Bin Azit (Jerai)
154. Dr. Hajah Halimah Ali (Kapar)
155. Tuan Shaharizukirnain Bin Abd Kadir (Setiu)
156. Tuan Haji Kamal Bin Ashaari (Kuala Krau)
157. Dr. Siti Mastura Binti Muhammad (Kepala Batas)
158. Kapten Azahari Bin Hasan (Padang Rengas)
159. Dr. Haji Abd Ghani Bin Haji Ahmad (Jerlun)
160. Dato' Haji Abdul Khalib Bin Abdullah (Rompin)
161. Tuan Zakri Bin Hassan (Kangar)
162. Tuan Rushdan Bin Rusmi (Padang Besar)
163. Puan Hajah Salaria Binti Mohd Nor (Temerloh)
164. Komander Nordin Bin Ahmad Ismail TLDM (B) (Lumut)
165. Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib (Parit)
166. Tuan Kalam Bin Salan (Sabak Bernam)
167. Tuan Wan Razali Bin Wan Nor (Kuantan)
168. Tuan Jamaludin Bin Yahya (Pasir Salak)
169. Tuan Syed Saddiq Bin Syed Abdul Rahman (Muar)
170. Datuk Iskandar Dzulkarnain Bin Abdul Khalid (Kuala Kangsar)
171. Dato' Syed Abu Hussin Bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
172. Kapten Datuk Dr. Zulkafperi Bin Hanapi (B) (Tanjong Karang)
173. Tuan Mohd Azizi Bin Abu Naim (Gua Musang)
174. Tuan Zahari Bin Kechik (Jeli)
175. Dato' Indera Dr. Suhaili Bin Abdul Rahman (Labuan)
176. Datuk Haji Idris Bin Haji Ahmad (Bagan Serai)
177. Dr. Radzi Jidin (Putrajaya)
178. Dato' Sri Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
179. Dato' Haji Ahmad Bin Saad @ Yahaya (Pokok Sena)
180. Datuk Muslimin Bin Yahaya (Sungai Besar)
181. Datuk Dr. Ahmad Marzuk Bin Shaary (Pengkalan Chepa)
182. Dato' Hajah Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
183. Datuk Wan Saifulruddin Bin Wan Jan (Tasek Gelugor)
184. Dato' Khilir Bin Mohd Nor (Ketereh)
185. Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh (Besut)
186. Dato' Hajah Mumtaz Binti Md Nawli (Tumpat)
187. Tuan Haji Mohd Misbahul Munir Bin Masduki (Parit Buntar)
188. Dato' Dr Ahmad Yunus Bin Hairi (Kuala Langat)
189. Tuan Zulkifli Bin Ismail (Jasin)
190. Dato' Dr. Haji Alias Bin Razak (Kuala Nerus)
191. Dr. Ahmad Fakhrudin Bin Fakhrurazi (Kuala Kedah)
192. Tuan Fathul Huzir Bin Ayob (Gerik)
193. Tuan Nurul Amin Bin Hamid (Padang Terap)
194. Tuan Roslan Bin Hashim (Kulim Bandar Baharu)
195. Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin (Larut)
196. Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Mohd. Yassin (Pagoh)
197. Dato' Sri Tuan Ibharim Bin Tuan Man (Kubang Kerian)
198. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
199. Datuk Seri Takiyuddin Bin Hassan (Kota Bharu)
200. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Binti Haji Samsudin (Masjid Tanah)
201. Tuan Haji Mohd Syahir Bin Che Sulaiman (Bachok)
202. Dato' Rosol Bin Wahid (Hulu Terengganu)
203. Datuk Ali Anak Biju (Saratok)
204. Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
205. Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Bin Haji Salleh (Pasir Puteh)
206. Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
207. Tuan Haji Abdul Latiff Bin Abdul Rahman (Kuala Krai)

208. Tuan Ahmad Tarmizi Bin Sulaiman (Sik)
209. Tuan Ahmad Fadhli Bin Shaari (Pasir Mas)
210. Tuan Mohd Nazri Bin Abu Hassan (Merbok)
211. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Bin Ku Ismail (Kubang Pasu)
212. Tuan Muhammad Fawwaz Bin Mohamad Jan (Permatang Pauh)
213. Dato' Azman Bin Nasrudin (Padang Serai)
214. Tuan Haji Mohd Hasnizan Bin Harun (Hulu Selangor)
215. Ir. Ts. Haji Khairil Nizam Bin Khirudin (Jerantut)
216. Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas (Mersing)
217. Tuan Hassan Bin Saad (Baling)

Senator Yang Turut Hadir:

1. Menteri Dalam Negeri, Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail
2. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar
3. Menteri Pendidikan Tinggi, Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir
4. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Senator Puan Hajah Fuziah Binti Salleh
5. Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dr. Zulkifli Bin Hasan

Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir:

1. Tuan Edwin Anak Banta (Selangau)
2. Tuan Haji Bakri Bin Jamaluddin (Tangga Batu)
3. Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar (Kemaman)
4. Tan Sri Haji Abdul Hadi Bin Haji Awang (Marang)

Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir Di Bawah Peraturan Mesyuarat 91:

1. Datuk Haji Awang Bin Hashim (Pendang)

Ahli Digantung Daripada Perkhidmatan Majlis Mesyuarat:

1. Tuan Wan Ahmad Fayhsal Bin Wan Ahmad Kamal (Machang)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 17 Oktober 2024**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor)
mempengerusikan Mesyuarat]*

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]:
Assalamualaikum. Kita persilakan Majlis pada hari ini. Dipersilakan Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Yang Berhormat Tanah Merah untuk membaca soalan.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih. Saya pantun dulu. *Bismillahi Rahman Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera. Pantun dulu ya.

*BN menang di DUN Mahkota
Bukti Umno-DAP semakin padu
Parti AMANAH pula gelisah tak berkata*

*Bangun pagi batuk-batuk
Bahana minum air batu
Menarik sungguh cerita PRU 15 di Bagan Datuk
Kepada Naib Presiden UMNO, soalan MQT saya nombor satu.*

1. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta Menteri Pertahanan menyatakan situasi keselamatan Pasukan Batalion Malaysia (MALBATT850-11) di dalam misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) UNIFIL di Lubnan dengan mengambil kira perkembangan terkini serangan tentera Israel dan amaran daripada Perdana Menteri Israel, Benjamin Nentanyahu supaya pasukan UNIFIL segera meninggalkan selatan Lubnan. Terima kasih.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Amboi pantun dia tu. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri, untuk jawapan.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Tanah Merah. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menyertai misi pengaman di bawah Pasukan Interim Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu di Lubnan, UNIFIL dengan izin, bermula pada tahun 2007 melalui satu MoU yang telah dimeterai antara Malaysia-United Nations Department of Peacekeeping Operations dan juga UNIFIL.

Penggiliran atur gerak terbaharu adalah daripada 14 November 2023 sehingga 14 November 2024 dengan melibatkan seramai 853 anggota dan pegawai. Pasukan ini dikenali sebagai MALBATT850-11 dan ini termasuk 29 anggota daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Selain Malaysia, sebanyak 50 negara anggota PBB menyertai misi UNIFIL ini dengan jumlah anggota dan pegawai keseluruhan seramai 10,058 orang. MALBATT850-11 melaksanakan mandat di bawah Majlis Keselamatan PBB Resolusi 425 dan 426.

Dan tanggungjawab utama pasukan ini adalah pertama, memantau dan memastikan pengunduran Israel Defence Force (IDF) dari selatan Lubnan, mengembalikan keamanan dan keselamatan antarabangsa dan membantu Kerajaan Lubnan memerintah secara efektif di selatan Lubnan.

Berdasarkan laporan yang diterima, keadaan semasa anggota dan pasukan MALBATT850-11 Malaysia di Lubnan masih dalam keadaan terkawal. Tahap keselamatan semasa pasukan adalah selamat dan tiada sebarang kemalangan jiwa serta kerosakan aset di kawasan yang dijaga dan dikawal oleh pasukan kita sepanjang tempoh perang Hezbollah dan Israel.

Kesemua pasukan di bawah pasukan interim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu UNIFIL, termasuk pasukan MALBATT850-11 yang beroperasi di selatan Lubnan telah diarahkan untuk tidak melaksanakan operasi rondaan atau pergerakan logistik dan kekal di penempatan masing-masing. Mengambil kira keselamatan petugas, markas UNIFIL juga telah mengaktifkan perlindungan di dalam kubu mengikut prosedur yang telah ditetapkan sehingga keadaan terkawal.

Dan seperti yang saya telah tegaskan dalam kenyataan media bertarikh 14 Oktober yang lalu, Kementerian Pertahanan melalui Angkatan Tentera Malaysia akan terus memantau situasi di selatan Lubnan dan akan mengemas kini sebarang perkembangan melibatkan pasukan MALBATT850-11. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan Yang Berhormat Tanah Merah.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Walaupun Yang Berhormat Menteri kata terkawal tapi rakyat Malaysia dan keluarganya dalam penuh kerisauan ya, keadaan MALBATT kita. Kenapa? Kerana kita lihat anggota MALBATT di Lubnan.

Saya nak tahu, apakah anggota MALBATT di Lubnan ini dibenarkan membuat serangan tembakan balas, sekiranya kedudukan mereka diserang oleh Tentera Israel, sebagaimana yang dah berlaku ke atas tentera Sri Lanka dan juga Indonesia yang beberapa hari yang lalu, yang mana kita juga tahu berlakunya kekerapan serangan tembakan senjata api kecil dan tembakan kereta kebal yang dibuat secara sengaja ke atas kedudukan pasukan pengaman Sri Lanka dan Indonesia.

Dan seandainya di Kem MALBATT kita, UNIFIL di Kem Ma'rakah dan Tibnin ini, adakah kita mempunyai dewan bedah dan juga pegawai perubatan pakar sebagai persediaan jika berlaku kecemasan, sekiranya berlaku serangan tentera Israel.

■1010

Yang akhir sekali, Yang Berhormat MENHAN. Apakah pasukan kita ini bersedia melaksanakan misi evakuasi dari Lubnan sekiranya — *evacuate* sekiranya PBB memutuskan Pasukan Pengaman UNIFIL perlu tinggalkan negara tersebut? Apakah *threshold* ataupun garis merah yang ditetapkan oleh PBB untuk pasukan UNIFIL meninggalkan selatan Lubnan? Terutama kem-kem pemerhati Pasukan Pengaman PBB kita berada di garisan biru, termasuk kem Malaysia yang berada di Tibnin bagi mengelakkan Pasukan Pengaman PBB menjadi mangsa serangan jahat tentera Israel ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri, jawapan.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita terima hakikat bahawa ketika ini ancaman semakin meningkat dan semua perkara-perkara yang dilalui itu adalah di bawah kawalan UNIFIL dan UNIFIL telah meletakkan garis panduan. Antaranya soal semua ancaman dan cabaran yang dihadapi tertakluk kepada tindakan-tindakan *force protection* yang telah disediakan.

Jadi, merujuk kepada soalan tambahan khusus yang dikemukakan. Jika berlaku serangan, dari segi *force protection measure* yang telah ditetapkan, kalau untuk *self-defence*, maka memang boleh untuk kita membalas tembakan dan sebagainya tetapi kalau untuk kita lakukan *offensive attack*, maka itu tidak dibenarkan kerana peranan dan tanggungjawab pasukan UNIFIL ini adalah sebagai pengaman tetapi kalau dia di-*attack*, maka untuk *self-defence*, maka boleh dilakukan.

Untuk soal fasiliti dewan bedah dan sebagainya, memang ada fasiliti UNIFIL kerana kita harus faham bahawa ada 50 negara lain yang terlibat. Jadi, dalam soal menyediakan dewan bedah dan sebagainya, maka itu diambil tanggungjawab dan disediakan sendiri oleh UNIFIL dan ia terletak kira-kira satu jam daripada kem kita,

kem MALBATT. Manakala di kem kita sendiri, kita ada kemudahan-kemudahan asas untuk merawat *level* 2 dan pada masa yang sama, kita juga telah mewujudkan kerjasama dengan hospital-hospital tempatan.

Perkara seterusnya yang dipersoalkan ialah soal *termination*. Semua soal sama ada pengunduran dan sebagainya, kita memang sudah ada pelan-pelan yang disediakan sekiranya keadaan meruncing tetapi keputusannya semua mestilah dibuat oleh UNIFIL. Seperti yang telah saya katakan bahawa kedudukan kita di sana, kita di bawah *command structure* UNIFIL. Semua operasi dan pergerakan kita adalah di bawah tanggungjawab UNIFIL. Mereka yang akan buat keputusan. Jadi, sama ada kita undur atau tidak, bergantung kepada keputusan UNIFIL dan juga persetujuan bersama semua negara-negara yang terlibat menghantar pasukan pengaman iaitu sebanyak 50 buah negara, termasuk negara kita. Bukannya tindakan unilateral kita bersendirian.

Untuk makluman Yang Berhormat, Indonesia pun yang mana tentera mereka terlibat, cedera atas serangan daripada Israel, Menteri Luar Indonesia membuat kenyataan pada 14 September, mereka akan terus bersama menjayakan pasukan pengaman di bawah UNIFIL. Jadi, walaupun cedera, keputusan pertama bukan untuk *retreat* ataupun *withdraw*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, dipersilakan Yang Berhormat Putatan.

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah pelan pembangunan yang sedang direncanakan oleh MINDEF dalam meningkatkan kredibiliti serta keupayaan fizikal ketenteraan pasukan pengaman negara, terutamanya untuk berdepan dengan sebarang ketidaktentuan jaminan keselamatan dalam satu-satu misi pengaman antarabangsa yang akan disertai pada masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Dato' Yang di-Pertua, sepertimana kita sedia maklum, penyertaan kita dalam pasukan pengaman ini bukannya satu yang baharu. Kita selain daripada telah selama 11 tahun berada di Lubnan, kita juga pernah menghantar pasukan-pasukan pengaman di negara-negara lain sebagai menyahut kehendak ataupun keputusan yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Jadi dalam soal ini, memang pasukan-pasukan kita akan melalui pelbagai latihan dan pendedahan dan ia dilakukan di pusat latihan di Port Dickson yang

memang terkenal di seluruh dunia. Malah, banyak juga negara-negara lain yang menghantar pegawai-pegawai dan anggota-anggota mereka untuk dilatih di sana. Kita juga sentiasa memastikan sebelum anggota-anggota kita, pasukan kita dihantar ke luar negara, mereka mendapat cukup pendedahan dan juga latihan.

Atas sebab itulah kita antara pasukan yang sentiasa diyakini, yang mempunyai penghormatan dan pengiktirafan oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Jadi *insya-Allah*, tentunya kita tidak akan menggadai ataupun menyebabkan keadaan risiko yang tinggi kepada nyawa dan juga anggota-anggota kita. Jadi, itu kita beri jaminan, apa-apa misi yang kita akan terlibat, kita akan pastikan anggota-anggota kita cukup terlatih dan sangat-sangat bersedia untuk menunaikan tanggungjawab itu demi nama baik negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Majlis beransur ke soalan yang kedua. Berikut, saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Lee Chuan How, Yang Berhormat Ipoh Timor. Bacakan soalan.

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Terima kasih Speaker.

2. Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai tindakan yang telah dibuat oleh pihak kementerian susulan kematian seorang pakar perubatan patologi di Hospital Lahad Datu yang dilaporkan telah dibuli di tempat kerja dan apakah langkah yang dirancang untuk mengelakkan kejadian buli daripada berulang dalam kalangan doktor.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri Kesihatan, tolong jawab.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Haji Dr. Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ipoh Timor, sahabat saya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani semuanya. Ya, sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor, yang sentiasa menunjukkan sifat cakna dan keprihatinan beliau, khasnya kepada para doktor yang kita tahu saban hari bertugas memberi khidmat bakti kepada seluruh rakyat Malaysia.

Ya, terlebih dahulu juga saya mengambil sekali lagi peluang untuk mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Dr. Tay yang telah meninggal dunia, yang kita tahu semua adalah 29 Ogos 2024. Ada dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, yang pertama adalah terkait dengan apakah tindakan KKM untuk menangani kes ini, untuk mendapat apa yang dikatakan sebagai *closure* kepada kes ini?

Kedua adalah apakah langkah-langkah seterusnya untuk mengelakkan berulangnya kes seumpama ini? Pertama, untuk saya sebutkan, KKM telah meneliti perkara ini dan setelah kita lakukan kajian ataupun jawatankuasa dalaman (*internal investigation*) yang dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah berserta dengan Hospital Lahad Datu itu, ini adalah tindakan susulan yang telah saya putuskan dalam *Post-Cab* untuk mewujudkan satu jawatankuasa bebas. Jadi, kita sudah lakukan segera ketika berlakunya kematian itu.

Ini adalah langkah seterusnya untuk mewujudkan ataupun telah pun diwujudkan jawatankuasa bebas siasatan ini yang dipimpin oleh YBhg. Tan Sri Borhan bin Dollah, mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Utamanya yang perlu saya sebutkan ialah *terms of reference* itu adalah antara lain menjalankan siasatan terperinci secara bebas dan inklusif untuk kita memastikan segalanya dalam siasatan untuk kita ada satu *closure*, dengan izin.

Kedua adalah mengenal pasti punca kes insiden kematian berlaku dan mengesahkan sama ada benar wujud apa yang dikatakan sebagai dakwaan buli itu dan ketiga adalah menyediakan laporan lengkap berhubung hasil siasatan dan penelitian pasukan petugas khas dalam masa tiga bulan Tuan Yang di-Pertua, bertarikh bermula 10 Oktober yang lalu.

■1020

Adapun jawapan kedua ini yang terkait dengan apakah langkah-langkah kami, mustahak untuk saya tekankan betapa mustahaknya, betapa pentingnya untuk pertama-tama mewujudkan dalam iklim (*ambience*), suasana kerja (*work culture*) yang kalau, dengan izin, saya sebutkan sebagai *adjust work culture* dalam MOH ataupun mewujudkan satu suasana *ambience* sekitar tempat kerja yang mewujudkan dan membudayakan keadilan, empati, *compassion* dan ihsan belas.

Khasnya daripada mereka yang tertinggi, sama ada *consultant*, *specialist*, *junior consultant*, *senior consultant* dan terhadap mereka yang juga menjadi antara pelatih-pelatih mereka, termasuklah *the MOs* yang juga adalah kadang-kadang mengikuti kursus-kursus *masters medicine* mereka dan juga apa yang dikatakan PPS itu ataupun pelatih perubatan siswazah itu, ataupun *the house officer*. Perlunya diwujudkan, dibudayakan *adjust work culture* itu. Itu yang paling mustahak sekali.

Dan kita perlu tahu bahawa apa pun prosedur dan kerja buat dalam *setting* hospital itu perlukan kerja berpasukan. *Cardiothoracic surgeon cannot be doing surgery* itu tanpa ada *scrub nurses*, tanpa ada *perfusionist* dan sebagainya. Jadi, sangat mustahak untuk kerja pasukan itu dibudayakan pertama-tamanya.

Apa pun langkah-langkah yang lain saya ingin tekankan adalah, antara lainnya, apa yang dikatakan sebagai mewujudkan pasukan mental *health* dan psikososial. Ini *support* ya. MHPSS ini. Yang akan dapat diwujudkan dengan mengutarakan *the psychological first aid* (PFA), *psychological first aid support*. Itu *first line of defends*-nya.

Ataupun yang lebih mustahak juga untuk saya sebutkan adalah membudayakan ataupun menjadikan amalan yang dikatakan sebagai program sokongan kepada pegawai-pegawai perubatan dan juga petugas kesihatan yang dinamakan *kintsukuroi*. Ini adalah satu amalan yang, kalau boleh saya sebutkan, yang dilakukan di mana kita punya satu *support group* ya dilakukan di beberapa hospital.

Umpama di HKL, beberapa hospital yang di mana sokongan ataupun kumpulan sokongan yang ditubuhkan untuk khasnya pegawai-pegawai perubatan, *the junior doctors*, Dato' Yang di-Pertua dan juga pegawai latihan siswazah, *the house officers* dan juga yang lain di mana dapat diberikan sokongan (*support*) dalam usaha mereka untuk mendapat mewujudkan antara lainnya *coping capacity* untuk mampu berdaya tahan dan juga mampu berdepan dengan *setting* — kita tahu hospital itu adalah satu *setting* kerja yang sangat *stressful*.

Bukan sahaja *patient stress* tapi juga doktor, juga pakar dan sebagainya. Jadi, perlu kepada *this approach* yang dikatakan ini. Ini adalah satu pendekatan yang diamalkan di negeri jepun. *Kintsukuroi* ini adalah satu sokongan daripada kumpulan sokongan daripada yang mereka yang senior kepada yang junior.

Juga begitu kita dapat melaksanakan sokongan warga kerja KKM turut diberikan oleh Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB). Ini kita laksanakan di hampir semua *facility* KKM dan juga dengan pendekatan-pendekatan yang lain yang boleh juga saya sebutkan ya adalah untuk memberikan ataupun mengelak berulangnya apa yang dikatakan sebagai buli ini. Saya sekali lagi tegaskan bahawa KKM tidak akan berkompromi. KKM tidak akan berkompromi dalam isu buli dan dengan itu juga, saya tidak — saya tahu ada lagi *cases*.

Walaupun kita berikan tiga bulan untuk kes Lahad Datu, mendiang Dr. Tay itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk kita tangani, kita langsungkan tiga bulan lagi kepada jawatankuasa bebas itu untuk melaksanakan siasatan kepada semua dakwaan buli di seluruh negara. So, *another extra three months* kita berikan kepada jawatankuasa bebas ini yang dipimpin oleh Tan Sri Borhan itu.

Tan Sri Borhan memimpin satu jawatankuasa — kalau boleh, kalau diizinkan, saya boleh nak sebutkan nama-nama ahlinya. Dengan izin Dato', kita punya ahli-ahli

yang lain seumpama Yang Berbahagia Profesor Dato' Ir. Dr. Siti Hamisah, Ketua Pegawai Eksekutif *USCI University*; Datuk Profesor Ulung Dr. Looi Lai Meng, dia juga profesor ulung di Fakulti Perubatan Universiti Malaya; ketiga adalah Prof. Dr. Chan Lai Fong, Pakar Perunding Psikatri Kanan Fakulti Perubatan UKM; dan Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Azman bin Abu Bakar, yang juga merupakan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan mantan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Perubatan di KKM dahulu; dan akhir sekali, seorang mantan penasihat undang-undang, seorang ahli undang-undang, Anggota Lembaga Berkuasa Peranti Perubatan, yakni Yang Berbahagia Dato' Mohd Fazin bin Mahmud.

Tuan Yang di-Pertua, itu ringkas-ringkasnya yang dapat saya sebutkan dua aspek soalan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, sila gulunglah.

Datuk Seri Haji Dr. Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih.

Seorang Ahli: Tak ringkas tapi padat. *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Dr. Dzulkefly bin Ahmad: Kalau panjang lagi... *[Ketawa]*

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Terima kasih. Terima kasih Yang terhormat Menteri, terima kasih Timbalan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, silakan soalan tambahan.

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]: Sudah — ini pun ringkas jugalah, saya pasti. Sudah tentu buli dalam perkhidmatan kesihatan negara kita tidak bermula dengan Dr. Tay tetapi kita perlu pastikan dia akan berakhir dengan Dr. Tay.

Dalam konteks ini, saya nak minta pendirian yang jelas daripada Yang Berhormat Menteri dan juga pihak kementerian, adakah kementerian punya rencana atau cadangan sekurang-kurangnya untuk mengemukakan, atas dasar dan prinsip akauntabiliti dan ketelusan, untuk mengemukakan hasil atau dapatan laporan daripada jawatankuasa tersebut setidak-tidaknya kepada Parlimen, kepada orang ramai, kepada rakyat Malaysia?

Keduanya, apakah sebenarnya tindakan yang boleh dan akan diambil sekiranya dapatannya memang terdapat unsur atau — memang bukan saja unsur, ada pembunuhan yang telah membawa kepada kematian Dr. Tay. Apakah maksimum *sentence* atau maksimum tindakanlah yang boleh diambil, dengan izin, oleh pihak KKM? Dan sudah tentu sekiranya terdapat unsur jenayah, PDRM dan juga tindakan undang-undang perlu diambil. Tetapi, sekiranya tidak didapati unsur jenayah itu, apa

yang boleh didapat sekiranya didapati ada unsur pembulian yang telah membawa kepada kematian? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Dr. Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Ipoh Timor.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Dua soalan. Ada jawapan?

Datuk Seri Haji Dr. Dzulkefly bin Ahmad: Ya. Ringkasnya adalah ketika dapatan diketemui dan dibentangkan kepada kami daripada jawatankuasa bebas ini, kita akan mengambil sikap bahawa tidak akan kita sembunyikan ataupun *keep secret*. Kita akan mengambil sikap untuk mendedahkan atas prinsip akauntabiliti, kebertanggungjawaban dan juga atas prinsip *transparency*, ketelusan.

Sebabnya, mustahak untuk perkara ini dilakukan sedemikian supaya semua pihak dapat mengambil pengiktibaran yang penuh, sama ada pelaku mahupun dari sudut polisi, *policymakers* dan eksekutif, pelaksana dan juga kita sebagai pembuat dasar, kita mesti tahu akan sebenar-benarnya perkara itu secara *granular*, secara *detail* supaya kita mengambil iktibar dan dijadikan satu polisi seterusnya kalau mahu kita ubah polisi berdasarkan *evidence*, berdasarkan maklumat yang tepat.

Jadi, oleh kerana itu, saya tidak akan berkompromi untuk tidak mendedahkannya, bahkan sebaliknya akan mendedahkannya atas prinsip *transparency*, ketelusan dan atas prinsip kebertanggungjawaban.

Andainya — jangan lupa apa yang saya lakukan dalam 2018 ketika saya mengadakan satu *independent committee* untuk menangani satu kes buli yang, mungkin boleh Ahli-ahli Yang Berhormat *google*, berakhir dengan satu situasi di mana seorang Ketua Jabatan, saya tidak perlu sebut yang mana, di satu hospital awam, hospital MOH di Lembah Klang yang berakhir dengan Ketua Jabatan itu diambil tindakan lalu dipecat kerana beliau adalah JUSA, pengurusan tertinggi, ia melibatkan kuasa yang paling tinggi di negara ini.

Jadi, jangan ambil mudah dan saya tidak akan berkompromi dalam hal ini. Andainya benar wujud *evidence*, sangat mustahak untuk tindakan itu diambil seterusnya. Andainya juga ia tidak, jadi kita pun juga mengambil iktibar supaya jangan mudah-mudah kita membuat tuduhan. Itu pun satu hal. Kita mesti mengimbangi sikap dan *culture* itu Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi.

■1030

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Silakan Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Isu buli bukan satu perkara yang baru. Kita pernah dengar berkaitan dakwaan isu buli dan juga jenayah seksual sebelum ini yang disebutkan oleh Menteri tadi. Ketua Jabatan Ortopedik di salah sebuah hospital KKM yang melibatkan pegawai di bawahnya. Baru-baru ini saya dapat maklumat bahawa ada isu buli yang berlaku di hospital KKM, juga di Semenanjung, yang malangnya juga dakwaan melibatkan Ketua Jabatan Patologi juga dan beberapa pakar patologi yang terlibat.

Saya dimaklumkan ada laporan polis, ada laporan kepada Integriti KKM, ada laporan ke Pejabat Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri. Soalnya adalah kalau kekhuatiran kita, kalau ada rentetan apa yang berlaku kepada pakar patologi di Lahad Datu ini daripada kes yang saya dimaklumkan, empat bulan yang lalu laporan telah dihantar dan kita tak tahu apa tindakan, seolah-olah tidak ada tindakan.

Jadi, ini suatu kekhuatiran di luar sana dan apakah sebenarnya yang telah berlaku kerana kita melihat juga jawatankuasa bebas yang dibentuk ini adalah selepas berlaku kematian mendiang pakar patologi di Lahad Datu itu. Jadi mungkin boleh memberikan respons. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Dr. Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Kuala Langat. Mestilah jawatankuasa bebas itu selepas berlakunya tragedi itu. Takkan sebelum. Namun hendak saya tekankan dahulu bahawa kita telah menubuhkan siasatan dalaman. Ada tuduhan mengatakan kementerian dan saya sendiri lewat. Sejurus selepas perkara itu berlaku, kita telah mengadakan siasatan dalaman *and that was exactly*, itu juga apa yang saya lakukan dalam tahun 2018. Sebelum kita mengadakan satu jawatankuasa yang memang *completely independent* sepertimana yang telah kita tubuhkan untuk menangani kes Lahad Datu kali ini, yang dipimpin oleh Tan Sri Borhan, bekas atau mantan KPPA.

Jadi, jangan mudah-mudah mengambil sikap begitu. Sebaliknya juga, kes mungkin hari ini tidak ada pada maklumat Ahli Yang Berhormat tetapi satu kes lagi, satu kes kematian di Hospital Seberang Jaya yang juga didakwa sebagai kes buli dan saya memerhatikan apa pun dapatan, apa pun *fact* dan *figures*, datanya, informasinya. Jadi saya pun juga tidak akan mengambil mudah-mudah sikap untuk membuat *to jump to conclusion* dan membuat tuduhan itu terutama ketika kita

memerhatikan bahawa soalan ketidakcukupan tenaga di Seberang Jaya itu. Tidak sebenar-benarnya begitu.

Bahkan sebaliknya 25 keperluan MO di Hospital Seberang Jaya itu, kita punya 30 MO di sana berbanding dengan hospital-hospital berdekatan yang sangat berkurangan. Di Alor Setar, di Sungai Petani. Itu memang mereka punya kekurangan dan defisitnya.

Jadi sekali lagi saya sebutkan kepada Dato' Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini bahawa kita juga akan mengambil – saya pasti kita juga akan mengambil siasatan awal kes yang baru ini dan juga akan menyusuli mungkin juga dengan jawatankuasa bebas. Jadi saya tekankan sekali lagi. Julai ia berlaku tetapi kita telah, maaf. Ya, kita telah mengambil – 29 Ogos kes berlaku tetapi kita telah mengambil sikap menjalankan siasatan dalaman dahulu sejurus dan juga maaf, 10 Oktober adalah penguatkuasaan ataupun tertubuhkan jawatankuasa bebas yang dipimpin oleh Tan Sri Borhan itu, Dato' Yang di-Pertua.

Jadi, *put it in perspective*. Kita tidak akan berkompromi dalam hal menangani kes buli dan kita mahukan *a just work culture* di MOH. Satu suasana kerja berpasukan yang adil, yang akan menjadi budaya kerja dan saling hormat-menghormati dalam rangka semangat Madani. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas lebihan waktu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat. Berikutnya saya mempersilakan Tuan Haji Muhammad Ismi bin Mat Taib, Yang Berhormat Parit.

Tuan Haji Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi Tuan Yang di-Pertua.

3. Tuan Haji Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kementerian bagi menangani kes kanak-kanak hilang yang dilaporkan semakin meningkat dan merekodkan sehingga dua kes sehari dari tahun 2020 sehingga tahun 2024.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri KDN.

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Dato' Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih juga kepada rakan saya, Ahli Parlimen Parit. Saya ucap terima kasih

keprihatinan untuk mengikuti kes kanak-kanak hilang. Berikut saya berikan reaksi. Untuk rekod:

TAHUN	JUMLAH
2020	792
2021	594
2022	902
2023	779
2024	780
JUMLAH KESELURUHAN	3,847

Benar seperti soalan Yang Berhormat, puratanya 770 kes setahun, kurang lebih dua kes sehari. Yang menariknya adalah daripada 3,847 kes kanak-kanak hilang ini, kanak-kanak ini umur 18 tahun ke bawah ya. Yang berjaya pihak polis jumpa semula ialah 96 peratus. Maknanya bagi setiap 100 hilang, 96 kita selamatkan dan yang meninggal atau bila kita jumpa itu mati, 10 ya. Jadi, yang bakinya itu masih kita *classify*-kan sebagai masih hilang. Mari kita tengok pula kategori umur kanak-kanak yang hilang ini.

Yang paling ramai, umur 13 tahun hingga 15 tahun iaitu 54 peratus. Umur 16 hingga 18, 37 peratus. Yang paling ramai hilang adalah anak-anak perempuan 74 peratus, memberikan anak-anak lelaki yang hilang 76 peratus. Sebelum saya menyebut usaha kerajaan, mari kita tengok puncanya. Punca ialah yang pertama, umur remaja ini dia nak cari kebebasan. Yang kedua, dia ikut kawan. Yang ketiga, dia ikut kekasih. Yang keempat, dia salah faham dengan keluarga. Mengetahui punca-punca ini memberi peluang kepada pihak polis D11, Jabatan Siasatan Jenayah untuk *mitigate* apakah usaha yang boleh kita buat. Usaha ini terbahagi tiga. Sebelum, semasa insiden hilang dilaporkan dan selepas.

Sebelum Yang Berhormat, kita tumpukan kepada program-program kesedaran. Kita buat *children awareness campaign*, kita buat *women awareness campaign*. Jadi, program-program kesedaran ini kita tumpukan kepada (H), remaja yang kita sebut tadi. Untuk rekod, tahun ini sahaja kita buat 457 program kesedaran membabitkan 141,000 kanak-kanak dan kalau sudah berlaku insiden hilang, kita segera *activate*.

Yang paling penting bila lapor hilang, yang pertama hebahkan seluas mungkin. Kita gunakan NUR ALERT. Kita masukkan dalam portal kanak-kanak hilang setelah kita minta izin ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dan kita luaskan

pengarian dan bila kita jumpa, barulah kita profilkan kanak-kanak ini dan keluarganya.

Jadi selepas insiden kita temui, biasanya kita berikan sokongan terutama daripada segi moral dan psikologi kepada keluarga yang terlibat. Syor saya ialah berlaku sahaja insiden ini, kalau boleh kita minta jauh tetapi kalau berlaku, jangan tunggu melepasi 24 jam sebab ini melibatkan kanak-kanak. Pesan saya adalah lapor segera. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan Yang Berhormat Parit.

Tuan Haji Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Rasanya semua kita pada hari ini kluatir dan risau dengan kejadian ini kerana kita juga mempunyai anak-anak. Minta lindung daripada anak-anak kita hilang sebagaimana yang telah berlaku. Satu hari, dua kes. Jadi soalan saya dan saya juga mengucapkan tahniahlah kepada kementerian dan saya berasa lega kerana 94 peratus rasanya tadi disebutkan anak-anak hilang ini dijumpai.

Soalan saya berkaitan dengan adakah kementerian bercadang untuk memperkukuhkan sistem *National Urgent Response Alert* (NUR ALERT) ini bagi kes-kes kehilangan kanak-kanak ini?

■1040

Kalau kita tengok dia punya angka ini tidak berkurangan. Bahkan kadangkala ada yang bertambah. Itu soalan yang pertama. Kedua, adakah kementerian bercadang untuk melaksanakan sebarang undang-undang atau polisi baharu yang lebih ketat berkaitan dengan keselamatan kanak-kanak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Kita jumpa semula dan ialah 96 peratus bagi setiap 100, 96 kita jumpa. Empat tidak dapat jumpa.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]: [Bangun]

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: [Bangun]

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: [Bangun]

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Baik, sistem amaran NUR ALERT ini hanya setelah insiden kehilangan berlaku. Saya sambut baik gesaan Ahli Yang Berhormat supaya sistem ini diberikan penambahbaikan jika perlu. Saya sebut bahawa sistem amaran NUR ALERT ini dia libatkan pelbagai jabatan, pelbagai

agensi kerajaan dan bukan kerajaan macam Pembangunan Wanita antara watak penting, Grab, SKMM dan termasuk NGO juga.

Tujuan utama hebah seluas-luasnya. Barulah kita ada peluang untuk kemudiannya meningkatkan kebarangkalian menemui. Buat setakat ini, kalau kita tengok angka bagi setiap 100, 96 ditemui bermaksud sistem ini bolehlah kita anggap sebagai berhasil. Baik, *spot on* Yang Berhormat, bila sebut apakah kita punya usaha untuk meningkatkan kesedaran ataupun undang-undang baharu. Undang-undang baharu saya fikir setakat ini memadai sebab bila kita jumpa dan kita *profile*-kan kanak-kanak dan *parents*, kita dapati kes yang paling banyak kita buka siasatan adalah rogol ya, 306 Kanun Keseksaan. Rogol berkumpulan 305.

Bagi kes yang sepanjang kita temui ini, kes 302, kematian yang pembunuhan ini sangat-sangat kecil. Bermaksud, bila dia ikut kawan, dia ikut kekasih, dia cari kebebasan. Jadi data menunjukkan kalau itu berlaku, punca dia hilang, lari daripada rumah, dilaporkan oleh keluarga hilang berakhir dengan kita buka fail siasatan berkait dengan kes rogol.

Jadi, mari kita tengok negeri. Selangor nombor satu, nombor dua Kedah, nombor tiga Johor. Jadi, program kesedaran kita yang saya sebut 457 tadi, kita lebihkan tiga negeri ini dan 141,000 ini adalah angka setakat tahun ini. Saya buat masa sekarang saya berpendapat kanun keseksaan dan undang-undang yang ada memadai dan yang patut menjadi fokus dan tanggungjawab bersama kita adalah tingkatan program kesedaran terutama keibubapaan dan kekeluargaan.

Walaupun ini bukan *forte* KDN, ini *forte* Kementerian Pembangunan Wanita, kerana usaha sama, kerjasama rakan strategik itu berlaku, polis dan Kementerian Wanita, kita tingkatan program ini. Saya menggesa Ahli-ahli Yang Berhormat melalui pusat khidmat masing-masing yang sudah pun menjalankan program kesedaran, tingkatan dan perhebatkan. Saya bersedia berkongsi data-data yang lebih meluas sebab itu akan memberikan kita panduan. Kita buat polisi tidak boleh meraba-raba. *It has to be a database policy. Insya-Allah* kalau kita harap kejayaan, itu boleh kita capai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Silakan Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Timbalan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkait dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang punca kehilangan anak-anak khususnya berkenaan dengan keluarga. Apakah pihak kementerian ada saranan supaya kita menggunakan tunjang keluarga itu sebagai satu asas untuk memastikan supaya kes

ini dapat dikurangkan? Dengan itu, mengadakan satu gabungan kerja di antara Kementerian Dalam Negeri khususnya dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk benar-benar melihat keluarga sebagai tunjang untuk mengelakkan daripada kes-kes kehilangan pada masa akan datang. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya, Yang Berhormat Ledang. Dari sudut *governance*, Kabinet dia ada banyak Jawatankuasa Khas Kabinet. Jadi, sudah pun ada Jawatankuasa Khas Kabinet berkenaan ini termasuk Majlis Sosial Negara dan sebagainya dan tajuk ini memang selalu mengisi agenda perbincangan di mana Kementerian Dalam Negeri adalah sebahagian daripada jawatankuasa-jawatankuasa ini.

Jadi, itu adalah dari segi *governance* yang sudah sedia ada. Yang saya syorkan tadi adalah ikhtiar di luar daripada kerajaan yang saya anggap ini harus mengambil pendekatan menyeluruh melibatkan penglibatan semua. Terima kasih.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Kita mulakan Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawapan Lisan. Saya mempersilakan Tuan Zahir bin Hassan, Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju]:

*Pindaan RUU dibahas jua,
Demi desa dan kota raya,
Terima kasih Yang di-Pertua,
Soalan satu soalan saya.*

1. Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta Perdana Menteri menyatakan mengapa aktiviti persundalan, pergaduhan warga asing tanpa permit, dan banjir peniaga warga asing di Kuala Lumpur masih tidak berkurangan walaupun *KL Strike Force* telah diaktifkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) [Dr. Zaliha binti Mustafa]: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju, terima kasih Yang di-Pertua. Saya mohon supaya pertanyaan ini Yang di-Pertua dijawab bersekali dengan pertanyaan daripada YB Kulim Bandar Baharu pada 18 November nanti kerana menyentuh isu yang hampir sama. Terima kasih Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *KL Strike Force* merupakan satu unit khas bersepadu yang ditubuhkan secara pentadbiran melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri atau JKKN Wilayah Persekutuan Bilangan

1, Tahun 2024 pada 27 Mei yang lepas. Jadi, objektif *KL Strike Force* ini adalah untuk menangani isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam secara pantas, berkesan dan berterusan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sebelum penubuhan *KL Strike Force*, tiada penyelarasan bagi operasi-operasi bersepadu agensi penguatkuasaan dan keselamatan di Kuala Lumpur. Dalam hal ini, *KL Strike Force* telah mengambil alih tanggungjawab menjalankan operasi bersepadu secara mikro dan juga makro, bertindak secara aktif terhadap isu-isu yang menyentuh hal-hal keselamatan dan ketenteraman awam sama ada yang tular di media sosial mahupun aduan awam.

Jadi, saya sendiri selaku YB Menteri di Jabatan Menteri Wilayah Persekutuan merupakan penasihat kepada *KL Strike Force* ini dengan digerakkan oleh agensi-agensi utama yang lain sebagai ahli yang tetap. Adalah tidak tepat Yang Berhormat untuk mengatakan tiada pengurangan ke atas kes-kes persundalan di Kuala Lumpur ini kerana data pada tahun 2023 sendiri menunjukkan hanya 159 serbuan dan 540 tangkapan sahaja berbanding suku ketiga tahun ini.

Jadi, ingin saya kongsi statistik semenjak penubuhan *KL Strike Force* ini, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama agensi penguatkuasaan telah menyerbu sebanyak 209 buah premis yang menawarkan perkhidmatan persundalan. Statistik serbuan bermula daripada tarikh 27 Mei 2024 hinggalah 30 September 2024 menunjukkan seramai 781 orang telah ditangkap terdiri daripada 149 orang warga tempatan dan diikuti 632 orang lagi warganegara asing berusia di dalam lingkungan 18 hingga 61 tahun.

Tindakan pembanterasan giat dijalankan bagi menyekat aktiviti persundalan terutama di kawasan yang dikenal pasti berpotensi dalam menawarkan aktiviti ini dan tiada tindakan pilih kasih sama ada penawaran persundalan golongan elit mahupun golongan bawahan akan diambil tindakan yang sama.

Cuma cabaran kita kini ialah *hotspot* terbaharu persundalan yang dikenal pasti oleh *KL Strike Force* adalah contohnya kedai makan dan juga medan selera di sekitar Kuala Lumpur iaitu di Jalan Pudu dan Jalan Loke Yew di mana modus operandi sindiket ini telah pun bertambah kreatif dengan menjadikan premis-premis ini sebagai lokasi mengiklankan perkhidmatan persundalan mereka.

Malahan memasuki era pasca normal, cabaran *KL Strike Force* adalah membanteras kegiatan persundalan yang sudah mula berpindah daripada premis konvensional kepada platform digital. Lebih-lebih lagi apabila rumah inap, hotel, kediaman peribadi juga turut dijadikan sarang aktiviti ini.

Dalam hal ini, kerajaan menyeru supaya komuniti setempat menjadi juga mata-mata dan melaporkan aktiviti seumpama ini kepada adu@KL 2.0 atau mana-mana saluran aduan agensi yang menjadi ahli kepada *KL Strike Force* semudah dengan menggunakan *#KLStrikeForce* di hantaran *social media*.

Jadi, selain daripada itu DBKL juga mengetuai operasi bersepadu melalui inisiatif *smart partnership* antara agensi kerajaan ke atas premis perniagaan warga asing termasuklah dengan PDRM, Jabatan Imigresen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Jabatan Kastam pun ada dan juga jabatan-jabatan dalam DBKL sendiri.

Jadi, sehingga September 2024, empat siri operasi bersepadu telah pun dilaksanakan dan dalam operasi tersebut, 11 premis perniagaan telah dipantau dan daripada jumlah tersebut, empat premis telah diambil tindakan tutup serta-merta di bawah Seksyen 101(1)(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976 ekoran dikendalikan sepenuhnya oleh warga asing.

■1050

Manakala sebanyak lapan siri tindakan khas ke atas premis-premis kerajaan oleh warga asing telah dilaksanakan. Sebanyak 59 buah perniagaan telah dipantau dan daripada itu, 15 premis telah ditutup, 53 notis kesalahan telah dikeluarkan, 22 tindakan sitaan telah dilaksanakan dan 22 kertas siasatan juga telah dibuka.

Seterusnya, bagi tindakan khas penjaja warga asing pula, 21 siri tindakan khas telah dilaksanakan. Sehingga September 2024, sebanyak 2,261 kes sitaan terhadap penjaja warga asing telah dilaksanakan di sekitar Kuala Lumpur.

Jadi, Yang di-Pertua, secara ringkasnya yang saya hendak bagi tahu *insya-Allah*, saya pun sebenarnya menerima jolokan orang kata tiga wanita besi Yang di-Pertua, iaitu saya, Datuk Bandar dan juga Datuk KP yang menjaga KL ini, *insya-Allah* kita akan lihat Kuala Lumpur ini bersih dari segala perkara-perkara yang menjadi *concern* kepada kita warga dan *insya-Allah* saya juga hendak ingatkan jangan macam-macam di Kuala Lumpur ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Wangsa Maju]: Terima kasih atas jawapan daripada YB Menteri. Saya masih mencari-cari ya, selepas jawapan yang telah diberikan tadi mencari-cari apakah matlamat akhir (*end game*) daripada penubuhan *KL Strike Force* ini? Adakah *KL Strike Force* ini juga selaras dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 bagi kita menangani isu-isu yang kita ada di Kuala Lumpur ini.

Soalan tambahan sedikit lagi, yakni kita difahamkan YB Menteri ada buat lawatan di China, boleh tak kongsi sedikit hasil daripada lawatan tersebut di mana boleh kita mengambil manfaatnya bagi kepentingan warga kota. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat. Yang di-Pertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat akhir kitalah untuk *KL Strike Force* adalah untuk mencapai pengurangan jenayah secara menyeluruh dan mewujudkan kawasan-kawasan yang selamat dan harmoni selaras dengan visi yang saya selalu sebutkan *CHASE City* di Kuala Lumpur itu iaitu *clean, healthy, advance, safe* dan juga *ecofriendly city* yang telah saya perkenalkan dan matlamat ini turut sebenarnya Yang Berhormat menyokong PTKL 2024 yang beraspirasi menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang selamat, sejahtera, mampan dan juga berdaya huni untuk semua, tak kiralah kepada penduduk mahupun kepada pelancong dan juga pelabur.

Jadi, aspirasi kerajaan adalah untuk menjadikan kawasan yang sebelum ini dikenali sebagai *hotspot* jenayah seperti contohnya Lorong Haji Taib, Chow Kit, Pudu, Bukit Bintang dan sebagainya, sebagai zon yang bebas jenayah. Walau bagaimanapun, selain daripada penguatkuasaan, kita juga ada usaha untuk— inisiatif yang kita namakan inisiatif *place making* dengan mengenal pasti kawasan-kawasan tumpuan jenayah ini yang akan kita ubah menjadi ruang yang lebih selesa, aman, selamat. Seperti contohnya, di taman-taman, lorong-lorong yang cerah dan sebagainya juga di pusat komersial, ya.

Jadi usaha ini turut disokong juga oleh teknologi terkini dan teknologi terkini ini sebenarnya berpotensi untuk kita laksanakan di Kuala Lumpur. Dan inilah seperti Yang Berhormat tanya tadi, bagaimana lawatan saya di China dan lawatan saya *alhamdulillah* memberikan impak yang saya rasa sangat baik di mana kita belajar daripada China – Republik China di mana mereka menggunakan di panggil sistem *smart city*.

Saya telah pergi di *smart city* – contohnya di *Longgang District Council* di syarikat-syarikat besar seperti BYD dan juga HUAWEI contohnya dan mereka menggunakan teknologi secara menyeluruh dan meluas. Bagaimana dalam kita menyelaraskan kerja-kerja di bandar raya besar, sebenarnya ia sangat-sangat dibantu oleh sistem *smart city* yang menggunakan teknologi tinggi termasuk AI. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim-Bandar Baharu]: Baik, terima kasih kepada Yang di-Pertua. Baik, oleh kerana soalan saya bersama dengan soalan Wangsa Maju, tetapi bukan soalan asas jadi saya terpanggil untuk bertanya soalan tambahanlah.

Susulan *Harian Metro* pada 22 Jun 2024 lalu menerusi laporan eksklusif bertajuk “*Hanyir Lubuk Dosa*” mendedahkan lubuk pelacuran tertua di ibu negara. Kemudian pada tarikh yang sama juga, Perdana Menteri menegaskan wujud elemen rasuah dalam kegiatan persundalan dan meminta Menteri Wilayah dan Datuk Bandar untuk menangani isu ini.

Dua soalan saya telah pun dijawab, jadi soalan ketiga saya iaitu adakah pihak kementerian telah mengambil tindakan kepada penguat kuasa yang melindungi aktiviti persundalan menyebabkan ia masih aktif? Mungkin adakah ia diambil tindakan sehingga ke peringkat membuang kerja kepada penguat kuasa yang melindungi. Sebab saya nampak isu ini tak ada kesudahan, walaupun dah lama dan berpanjangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Jadi *insya-Allah* sebenarnya memang perkara-perkara seperti unsur-unsur rasuah ini kita kena melaksanakan dengan tekad yang tinggi. Jadi, *insya-Allah* di DBKL sendiri, Jabatan Wilayah Persekutuan, kita mengambil tindakan yang tegas dan tak ada kompromi. Telah beberapa kali saya sebut, tiada kompromi kepada unsur-unsur yang terkait dengan jenayah rasuah dan sebagainya.

Jadi, yang ini sebenarnya kita ada beberapa peringkat dalam pelaksanaan. Apabila kita terima aduan contohnya, maka apa yang akan kita lakukan ialah kita akan masukkan juga dalam jawatankuasa untuk melihat kepada disiplin petugas tersebut.

Kemudiannya, jika ada misalnya aduan-aduan yang melibatkan SPRM, kita tidak akan melindungi, ya dan tetapi kita akan memberikan seluas-luasnya kuasa kepada SPRM untuk melaksanakan siasatan dan kemudiannya jika tertuduh ataupun yang diadu itu ada kesalahan-kesalahan yang jelas, maka kita akan ambil tindakan yang — sepertimana yang seharusnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan yang kedua, saya mempersilakan Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Sulaiman, Yang Berhormat Masjid Tanah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Binti Haji Samsudin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Oh, *sorry*, Samsudin, jawab.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:

*Yang Berhormat Menteri suka ke Melaka,
Soalan saya nombor dua.*

2. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah status terkini berkenaan dengan proses permohonan MM2H (*Malaysia My Second Home*) di seluruh negara.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato Sri Tiong King Sing]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Masjid Tanah. Saya memohon menjawab bersekali soalan daripada Yang Berhormat Padang Besar pada 6 November 2024 ada berkaitan. Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik.

Dato Sri Tiong King Sing: Untuk makluman Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), kerajaan pada 21 Mei 2024 telah diluluskan syarat-syarat kelayakan baharu penyertaan program *Malaysia My Second Home* (MM2H) di mana tiga kategori baharu diperkenalkan iaitu kategori platinum, *gold* dan *silver* serta satu kategori khas di bawah Zon Ekonomi Khas/Zon Kewangan Khas supaya menjadikan lebih fleksibel serta mesra pelabur.

Dari kelulusan sehingga 14 Oktober 2024, MOTAC telah menerima sebanyak 249 permohonan baharu termasuk tanggungannya berdasarkan syarat-syarat baharu program MM2H. MOTAC sebagai *one stop center* yang bertanggungjawab menerima dan memproses permohonan tersebut seterusnya akan dihantar kepada agensi terlibat untuk tapisan keselamatan dan selepas itu dokumen permohonan akan dihantar kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sampai sekarang, daripada jumlah keseluruhan permohonan yang diterima sebanyak 34 permohonan, 11 prinsipal dan 23 tanggungan telah diluluskan.

■1100

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat juga, dalam usaha penambahbaikan terhadap Program MM2H di samping mewajibkan permohonan Program MM2H mengemukakan sijil berkelakuan baik, MOTAC juga tidak berkompromi dengan aspek keselamatan negara dan mengatakan supaya setiap permohonan perlu melalui proses tapisan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan Yang Berhormat Masjid Tanah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya berapa lama kah masa yang diambil untuk sesuatu permohonan? Yang kedua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Menteri kenyataan-kenyataan yang dikongsikan oleh pemain-pemain industri MM2H ini apabila saya bertemu dengan mereka. Adakah benar sebuah syarikat yang bernama Elite Agency dilantik sebagai sub-ejen oleh syarikat Wira Mesra Unggul yang mempunyai lesen berdaftar di bawah MM2H ini dan Wira Mesra Unggul ini bertindak seolah-olah mereka ini sebagai *master agent*.

Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan sama ada ianya benar atau pun tidak kerana ia boleh merosakkan nama Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya ini yang mendukung usaha-usaha bagi memperkasakan MM2H ini. Kita tidak mahu ada syarikat yang memonopoli industri MM2H ini apatah lagi industri MM2H ini terdedah kepada tohmahan apabila melibatkan kewarganegaraan yang terkait dengan soal kedaulatan negara dan juga soal keselamatan negara. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat daripada Masjid Tanah. Saya boleh jawab berapa lama kita proses. Memang kita nyatakan tempoh permohonan proses 30 hari tetapi kita cuba sedaya upaya mempercepatkan. Daripada polis dia bagi tahu dia orang mungkin ambil tiga minggu, eh dua minggu. *Sorry*. Dan juga imigresen mungkin ambil dua hari, tiga hari tertakluk kepada pegawai ada atau tidak ada yang duduk di sana menjaga MM2H.

Tadi mengenai kata *master mind* ataupun *master agent* ini memang tiada. Kalau ada sila tolong bagi saya maklumat mana satu tetapi di bawah kita sekarang

jumlah total, saya tiada jumlah sebab saya baru balik daripada promosi di luar negara. Nanti saya akan jawab bertulis. Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik. Berikutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Gopeng.

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]: Terima kasih kepada Timbalan Speaker. Terima kasih kepada Menteri kerana memberikan jawapan tadi. Saya ada dua soalan berkenaan dengan Program MM2H. Memandangkan MM2H ini hasrat adalah untuk menjana pendapatan dan mempertingkatkan aktiviti ekonomi dalam negara dan ianya melibatkan dengan kedaulatan negara dan juga kewarganegaraan. So, saya mendapati bahawa ada dua isu yang saya kena bertanyakan dengan Menteri.

Pertamanya, isu ini selalunya ataupun baru-baru ini dipermainkan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab bahawa MM2H ini memberikan kelayakan ini kepada sesetengah individu ataupun tumpuan kepada beberapa negara tumpuan sahaja. Akhirnya kata banyak ada lambakan masuk warga asing berasal dari China yang menetap dalam negara kita. Malah tuduhan itu kata jutaan rakyat ataupun warga asing itu sudah menetap dalam negara kita. Saya ingin memohon penjelasan daripada Menteri sama ada perkara ini betul kah tidak menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini. Itu pertama.

Keduanya, dakwaan oleh MM2H Association bahawa syarat-syarat yang baru ini ada syarat-syarat yang lebih ketat. Bagi mereka mungkin akan menyebabkan proses ataupun kelayakan mereka lebih susah berbanding dengan dahulu. So, saya ingin bertanya kepada Menteri apakah unjuran kementerian bahawanya selepas syarat-syarat baru ini diperkenalkan? Adakah ada sebarang unjuran yang akan kita lihat pada masa akan datang selepas syarat-syarat baru ini diperkenalkan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, dalam MM2H memanglah membantu negara boleh buat satu perkembangan ekonomi dalam negara kita. Tadi soalan itu, individual itu, kelayakan itu semua memang berita-berita sekarang dalam market ini macam-macam ada. Ini kerana ada *re-register* MM2H sebagai ejen ataupun ada punya ejen daripada lama *re-register* memang ada kita bantah. Kerana ada ejen dia beri lesen beri sewa orang. Kita sudah siasat dan juga dia punya *office*, pejabat pun dia tiada. Inilah jadi satu masalah.

Inilah orang-orang tidak berpuas hati, macam-macam orang kata dengan izin, *fake news* di seluruhan. So, kita akan monitor. Kita akan jawab. Macam baru-baru ini

di berita, saya sudah jawab satu kali sudah mengenai isu terhadap *fake news* ini. Juga dalam ini — ejen ini sekarang di — sehingga 16 Oktober 2024 kita sudah lulus 229 ejen MM2H berdaftar dengan MOTAC. So, kata monopoli punya cerita memang tiada.

Tadi mengenai syarat-syarat ini saya mahu bagi sedikit pandangan bagi sama kita. Kita punya syarat-syarat sekarang memang apa sepatut dinaik taraf, kita naikan. Apa sepatut tidak payah di dalam syarat, kita ambil keluar. Kita berbincang sedalam-dalamnya bersama kementerian-kementerian lain, termasuklah pejabat AG ataupun dalam kementerian, kita PUU duduk bersama-sama berbincang. Jadi, mana-mana kalau pihak tidak berapa terang nanti kita boleh berbincang, duduk luar di *coffee house*, kita boleh jelaskan lagi. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berikut ke soalan nombor tiga saya mempersilakan Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan, Sri Gading.

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading]: Terima kasih Dato' Speaker.

*Merah merah buah saga,
Soalan Sri Gading nombor tiga.*

3. Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri menyatakan perkembangan terkini berkenaan cadangan bahawa negara kita akan menyertai blok ekonomi BRICS dan apakah langkah ini akan memberi impak yang besar kepada perkembangan ekonomi Malaysia.

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Sri Gading.

Untuk makluman, pada masa ini Malaysia sedang giat melakukan usaha-usaha untuk meraih sokongan daripada negara-negara anggota BRICS berhubung hasrat Malaysia bagi menyertai organisasi antara kerajaan berkenaan. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah mengutus surat rasmi kepada menteri-menteri luar negeri daripada sembilan negara anggota BRICS untuk tujuan tersebut. Kehadiran seorang Menteri Kanan Malaysia di sidang kemuncak *Heads of State and Government in the BRICS Outreach/BRICS Plus* penghujung bulan Oktober ini dilihat sebagai peluang untuk meraih sokongan daripada pemimpin-pemimpin negara-negara anggota BRICS.

Berdasarkan kriteria dan syarat yang perlu dipatuhi Malaysia untuk diterima sebagai calon ahli baharu diperhatikan bahawa objektif perluasan gagasan BRICS pada masa ini dilihat tertumpu kepada usaha untuk menangani isu-isu ekonomi dan

juga isu pembaharuan atau reformasi pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau *United Nations*.

Dari pemerhatian kerajaan, terdapat pelbagai potensi dari segi ekonomi yang boleh diraih oleh Malaysia melalui penglibatan yang lebih erat dengan gagasan BRICS. Antara faedah signifikan boleh dimanfaatkan Malaysia adalah menjadikan BRICS sebagai satu landasan untuk mengetengahkan pandangan dan pendirian mengenai isu-isu ekonomi serantau melalui dialog, forum, perbincangan dengan negara-negara anggota BRICS yang rata-rata terdiri daripada kuasa-kuasa utama ekonomi dan negara-negara pesat membangun.

Penglibatan dalam dialog dan perbincangan ini membuka peluang yang lebih luas kepada Malaysia untuk mempelbagaikan dan memperkukuhkan hubungan strategik dengan negara-negara anggota BRICS. Tanpa menjejaskan hubungan dengan rakan dagang utama sedia ada, Malaysia boleh mengambil peluang untuk mempertingkatkan hubungan ekonomi dengan negara-negara seperti Rusia, Brazil, Afrika Selatan dan UAE sama ada dari segi pelaburan mahupun perdagangan dalam sektor-sektor strategik.

■1110

Hasrat untuk menyertai BRICS ini juga adalah selaras dengan pendirian Malaysia sebagai sebuah negara bebas dan mengambil sikap terbuka dalam kerjasama antarabangsa. Penyertaan dalam BRICS juga akan melengkapkan peranan aktif Malaysia dalam rangkaian kerjasama ekonomi serantau dan antarabangsa antaranya, ASEAN, APEC, OIC.

Seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar, Malaysia juga sedang mempertimbangkan untuk menyertai Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) sejajar usaha memelihara hubungan baik dengan semua rakan dagang.

Di samping itu, selaras dengan komitmen Malaysia untuk memaju dan memperluaskan agenda *Global South*, penyertaan Malaysia dalam BRICS dilihat sebagai — boleh dijadikan landasan untuk mengetengahkan isu-isu dan cabaran khusus yang menghadapi negara-negara *Global South*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading]: Terima kasih pada jawapan daripada Timbalan Menteri yang panjang dan sangat baik. Persoalannya, apa yang kita hendak faham iaitu Menteri Luar menyatakan bahawa BRICS bukanlah

“Blok Anti Barat” dan keterlibatan Malaysia dengan BRICS mungkin akan membawa kepada perubahan secara pendekatan dasar luar negara.

Memandangkan kepada ini, jika Malaysia berjaya menyertai BRICS, apakah ia akan mengubah status berkecuali dan adakah ia akan menyebabkan hubungan perdagangan dengan dua hala dengan negara-negara Barat akan tergugat.

Berapakah unjuran nilai perdagangan pelaburan yang akan masuk sekiranya Malaysia berjaya menjadi anggota BRICS? Bagaimana kementerian menggiatkan usaha menarik pelaburan dari negara-negara seperti Rusia, Brazil dan lain-lain yang anggota telah sedia ada dalam BRICS.

Soalan terakhir, bagaimana penyertaan Malaysia dalam BRICS dapat menyokong agenda pembangunan lestari Malaysia dan bagai mana reaksi rakyat Malaysia sendiri terhadap penyertaan Malaysia dalam BRICS khususnya pemain-pemain industri negara kita. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Sri Gading. Soalan ini soalan panjang tetapi jawapan mungkin saya bagi dalam dua *point*. Satu ialah BRICS terdiri dari Brazil, Rusia, India, China, Afrika Selatan dan juga Ethiopia, Iran, Mesir dan UAE. Sembilan buah negara ini.

Walaupun ada persepsi atau tanggapan bahawa BRICS ini semacam tidak bersetuju dengan Blok Barat. Tetapi sebenarnya negara seperti Brazil, Mesir, UAE pendirian dasar luar mereka sama macam Malaysia bahawa negara kita berkecuali dan negara kita berkawan dengan semua pihak. Ini saya rasa penyertaan Malaysia dalam BRICS akan membantu mengukuhkan BRICS sebagai satu pertubuhan yang berkecuali dan juga baik dengan semua pihak dan berhasrat untuk membangun dan mengukuhkan sistem multilateral, terutamanya melancarkan reformasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations).

Point kedua saya ialah bahawa walaupun ada dikatakan penyertaan Malaysia atau permohonan keahlian Malaysia akan menjejaskan hubungan ekonomi kita dengan Blok Barat, tetapi sebenarnya dalam tahun ini kita menyambut pengumuman pelaburan dari Google, dari Oracle, dari Amazon. Semua ini syarikat-syarikat gergasi Barat, syarikat-syarikat gergasi Amerika Syarikat. Ini menunjukkan bahawa dasar berkecuali kita, dasar tidak memihak kita, dasar *non-aligned* kita diterima oleh syarikat-syarikat gergasi Barat dan juga diterima oleh semua pihak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Silakan Yang Berhormat Temerloh.

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh]: Okey, terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Soalan saya, adakah kerajaan sudah menyediakan

mekanisme yang digunakan untuk memastikan SME tempatan iaitu industri kecil dan sederhana tidak tenggelam dan mampu bersaing dengan negara-negara seperti China, India dalam Blok BRICS yang mempunyai pengaruh label besar dalam ekonomi dunia khususnya dalam aspek produktiviti, inovasi dan teknologi.

Apakah alasan utama kerajaan untuk mempertaruhkan ekonomi negara dalam Blok BRICS untuk memastikan perdagangan dan pelaburan asing meningkat dan dapat memperkukuh nilai mata wang Ringgit yang kita tahu tidak perlu lagi menggunakan Dolar Amerika. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Yang Berhormat. Penyertaan BRICS tidak berkaitan dengan apa-apa sahaja perjanjian perdagangan. So, BRICS tidak membawa perjanjian perdagangan. Bermakna bahawa dia tidak ada melibatkan apa seperti membuka pasaran kita pada sesiapa dalam konteks BRICS. Sebenarnya negara kita sudah ada FTA ataupun perjanjian perdagangan dengan negeri China dan juga hubungan dengan negara lain. So, kita masuk ataupun tidak masuk BRICS, konteks itu tidak ada kaitan dengan persaingan di antara SME kita dengan produk-produk daripada negara-negara lain.

Untuk memperkasakan SME dan untuk memperkasakan negara kita, kita hendak memperkasakan rantai perbekalan ataupun *supply chain* kita supaya syarikat-syarikat kita boleh *supply* ataupun membekal kepada syarikat-syarikat dunia di Malaysia dan di seluruh dunia. Adakah kita akan menjejaskan mereka? Tidak. Penyertaan BRICS tidak akan menjejaskan ekonomi ataupun khususnya SME kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berikut kita ke soalan yang keempat. Saya mempersilakan Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena]: Assalamualaikum. Salam sejahtera.

*Hujan di merata tempat,
Banjir juga di merata tempat,
Soalan saya nombor empat.*

4. **Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena]** minta Perdana Menteri menyatakan usaha membentangkan pindaan RUU355 bagi mengangkat martabat Mahkamah Syariah dalam negara.

¹ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Dr. Zulkifli bin Hasan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Izinkan saya untuk memberikan pencerahan dan jawapan sebaiknya.

Alhamdulillah kerajaan berterima kasih atas sokongan yang Yang Berhormat terhadap pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Pindaan ini merupakan tanggungjawab bersama demi memperkasakan institusi perundangan dan kehakiman syariah di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan proses berlaku secara teliti dan menyeluruh, beberapa sesi libat urus dengan pihak berkepentingan telah pun dibuat untuk mendapatkan pandangan terhadap pindaan yang dicadangkan.

Di antaranya ialah sesi libat urus bersama dengan Ketua Hakim Syarie Negeri-negeri, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Sesi libat urus bersama dengan Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama, sesi libat urus bersama dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Seterusnya, semasa konvensyen memartabatkan perundangan syariah di Malaysia pada 15 Julai 2024, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa pindaan pada akta ini hendaklah dibuat dengan teliti supaya ia menjadi satu buah dokumen yang kukuh, disepakati oleh semua negeri, mufti, ulama.

Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak pada 30 Julai 2024 telah bertitah supaya JAKIM memberikan taklimat mengenai cadangan pindaan kepada akta ini dalam Mesyuarat Agama Islam Negeri-negeri bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan Majlis Agama Islam Negeri-negeri terlebih dahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas mengkaji isu berkaitan dengan kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam juga akan meneliti cadangan pindaan kepada akta ini dan laporan hasil kajian akan mengambil kira dalam menggubal pindaan kepada akta ini.

Cadangan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 akan dibentangkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) dan Majlis Raja-Raja untuk

¹ Pindaan oleh YB. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) melalui surat bertarikh 21 Oktober 2024

diperkenankan sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk persetujuan dasar sebelum dibentangkan di Parlimen.

■1120

Pindaan kepada akta ini akan dibawa ke Parlimen bersama dengan suatu akta baharu, *insya-Allah*, iaitu bukan sahaja ini tetapi akta baharu iaitu Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) dengan tujuan memperkasa mahkamah syariah. Kedua-dua rang undang-undang tersebut akan dibentangkan di Parlimen setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri bagi memastikan hasrat untuk pemerkasaan Mahkamah Syariah dapat direalisasikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena]: Terima kasih, Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, apakah pendekatan dan usaha proaktif yang telah diambil oleh kerajaan untuk memberi penerangan yang jelas dan terperinci berkaitan dengan RUU 355 ini kepada masyarakat umum? Saya mengira langkah ini penting untuk mengelak persepsi negatif kerana RUU mufti sebagai contoh ada pihak yang menentang secara langsung atau tindakan pihak yang cuba timbulkan keraguan tentang keperluan usaha dapat ditangkis sama sekali. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Zulkifli bin Hasan: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan tersebut. Melihatkan kepada isu yang dibangkitkan, kita ambil maklum bahawa penerangan dan pencerahan itu mesti diberikan secara menyeluruh dan capai kepada segenap lapisan.

Menurut kepada apa yang telah dilakukan, kita telah lakukan beberapa sesi penerangan dan boleh saya kongsi juga iaitu setelah kita menubuhkan Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Dengan Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-undang Islam, kita telah pun memberikan sesi libat urus yang menyeluruh. Ingin kita tekankan di sini bahawa bukan sahaja Rang Undang-undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) ini yang diberikan penerangan tetapi keseluruhan aspek mahkamah syariah itu sendiri diberikan perhatian termasuk juga pertindihan dan konflik bidang kuasa.

Sebagai contoh, sesi libat urus yang menyeluruh telah pun diberikan bersama dengan majlis agama Islam negeri-negeri, Badan Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Syarie, Persatuan Peguam-peguam Muslim Malaysia termasuk juga badan-badan bukan kerajaan. Ingin saya tekankan juga bahawa di sini, kita juga memberikan penerangan dan pencerahan kepada organisasi masyarakat sivil termasuk juga NGO-NGO yang berkaitan. Terima kasih.

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai]: *[Bangun]*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Pulai.

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai]: Terima kasih Timbalan Speaker. Saya menyambung sedikit apa yang disebut oleh Pokok Sena tadi dari segi penerangan dan sebagainya. Polemik RUU 355 ini dah lama berlaku dan banyak masalah ada di sana. Saya nak tanya satu soalan berkenaan advokasi terhadap yang *non-muslim* ini. Mungkin mereka juga *nak* melihat penerangan tentang RUU 355 ini. So, saya nak dapat penjelasan setakat mana advokasi itu telah dijalankan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Zulkifli bin Hasan: Terima kasih, Yang Berhormat atas soalan yang diberikan. Kita sememangnya mengambil perhatian bukan sahaja kepada orang Islam tetapi juga kefahaman oleh orang bukan Islam. Oleh itu, ingin saya kongsi di sini bahawa sesi libat urus itu juga merangkumi orang bukan Islam. Dilaporkan dan direkodkan oleh Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Dengan Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-undang Islam itu, bahawa ²akan ada sesi libat urus bersama dengan badan bukan Islam seperti *Christian Federation of Malaysia, National Evangelical Christian of Fellowship of Malaysia*, Persatuan Agama Taoisme Malaysia, Sri Maha Mariamman Temple, Malaysia Hindu Sangam, Unit Hal Ehwal Agama-agama Jabatan Premier Sarawak dan beberapa badan yang lain.

Ini membuktikan bahawa kita mengambil kira bahawa untuk memberikan penerangan dan pencerahan itu, ianya mesti bersifat inklusif dan ianya mesti merangkumi keseluruhan masyarakat dan *insya-Allah*, kita akan teruskan lagi sesi libat urus ini agar semua memahami bahawa usaha ini bukan untuk *politics* tetapi

² Pindaan oleh YB. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) melalui surat bertarikh 21 Oktober 2024

usaha ini untuk memartabat dan mengangkat institusi perundangan dan kehakiman syariah di Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Berikut, kita ke soalan yang ke nombor 5. Saya mempersilakan Puan Wong Shu Qi, Yang Berhormat Kluang.

5. Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam menyatakan sama ada Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik Malaysia 2021-2030 telah mencapai sasaran atau tidak.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kluang.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) masih meneruskan usaha untuk mencapai Rangka Kerja Pelestarian Plastik Malaysia 2021-2030 atau pun biasa dipanggil Malaysia Plastics Sustainability Roadmap (MPSR). Walau bagaimanapun, pelan ini tergendala atau pun terjejas sedikit ekoran daripada pandemik COVID-19 yang mana kita lihat peningkatan penggunaan plastik ekoran penghantaran atau pun pemesanan makanan dan juga kerisauan orang ramai tentang pandemik tersebut.

Selain itu, penghapusan plastik sekali guna juga berdepan kekangan dari segi bidang kuasa yang buat masa ini masih lagi terpisah iaitu antara Kerajaan Persekutuan dan ini terpisah dengan beberapa kementerian juga dengan kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Kalau kita lihat caj pencemaran penggunaan beg plastik sekali guna, negeri-negeri yang telah memperkenalkannya ialah Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Perak, Kedah, Johor dan Perlis.

Pada masa yang sama, kita juga melihat negeri-negeri seperti Negeri Sembilan yang telah menghapuskan terus penggunaan plastik sekali guna di premis tetap dan juga dibuat dalam hari-hari yang tertentu di Pulau Pinang dan juga di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Di Wilayah Persekutuan pula penekanan diberi dengan penghapusan penggunaan plastik konvensional dan penggalakan penggunaan beg plastik biodegradasi.

Usaha lain ialah juga untuk kita memastikan penggunaan bahan kitar semula dalam pembuatan plastik, *plastic manufacturing*. Melaksanakan *extended producer responsibility* di mana mereka yang mengeluarkan produk ada tanggungjawab terhadap bekas-bekas yang dikeluarkan. Untuk makluman, MPSR menyasarkan pelaksanaan kitaran plastik secara menyeluruh dengan menerapkan konsep ekonomi kitaran dalam rangkaian pengurusan plastik. Kita juga menyasarkan bahawa

ini memastikan plastik yang terhasil boleh dikitar semula dan dapat mengurangkan janaan sisa plastik yang berakhir di tapak pelupusan sampan.

Kami juga di NRES telah berbincang dengan – adakan kerjasama dengan pihak SIRIM untuk *eco-design* untuk membolehkan produk-produk ini lebih mesra alam sekitar dan mudah dikitar semula. Pada masa yang sama, MPSR *compliment*, Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030. Yang ini lebih fokus kepada plastik sekali guna yang bermasalah, tidak diperlukan dan boleh dielakkan, *problematic unnecessary and avoidable single use plastic*. Jadi dengan ada senarai ini kita dapat lihat plastik mana yang perlu dihapuskan, *face out* atau pun dikurangkan, *facing down* secara bersasar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan, Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada Menteri atas jawapan yang lengkap. walau bagaimanapun, saya ingin tahu bahawa sama ada kerajaan merancang untuk melaksanakan *scheme deposit refund* ke atas plastik tertentu?

Contohnya air botol yang kita boleh nampak di tepi jalan, di mana-mana tempat atau pun tempat pelancongan yang banyak diguna dan dibuang selepas guna sekali iaitu plastik sekali guna sahaja. Sama ada kita akan laksanakan caj supaya mengurangkan kegunaan *plastics* itu dan juga meningkatkan, menggalakkan orang ramai supaya mereka akan kutip, akan kumpul dan bawa balik untuk kitar semula? Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Ya, sememangnya botol minum plastik ini, dia merupakan antara plastik yang kita guna dengan tempoh yang cukup sekejap. Sebab tu kalau boleh kita guna alternatif yang lain. Tetapi sebab kita akan guna selepas itu terus – benda itu dan dia tidak akan terurai sampai 500 tahun. Ia menjadi masalah dalam usaha pelupusan.

Maka sebab itu pada masa yang sama, kita juga tahu ia masih lagi dilihat sebagai sesuatu yang *convenient* buat masa ini. Jadi, kita memang melihat kepada usaha *deposit return scheme* ini banyak dibuat di banyak negara luar termasuk misalnya – saya ada kawan-kawan yang kalau mereka pergi ke acara sukan di Eropah.

■1130

Dia kata, kalau kita letak sahaja botol plastik itu di tengah-tengah yang kosong, orang akan terus kutip sebab dia adalah wang. Tetapi di Malaysia buat masa ini, botol-botol ini nak *recycle* ini agak – tidak semua tempat yang ada tempat untuk

kita kitar semula. Berbeza dengan misalnya, surat khabar lama. Kalau dulu, surat khabar lama itu, orang itu akan datang ke kita untuk ambil.

Jadi, kalau kita letakkan deposit interskim ataupun kita ada EPR, maka kita merasakan ia akan membantu meningkatkan kitar semula. Contohnya, yang boleh diperkenalkan ialah di kedai-kedai minyak sebab kalau di petrol stesen, selain daripada petrol, yang paling popular ialah botol air minuman itu. Sebab itu kita ada perbincangan dengan mereka untuk diperkenalkan *reverse vending machine* yang sudah ada tetapi belum cukup meluas di negara kita.

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]: [Bangun]

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Jadi, sememangnya buat masa ini ada-dengan kita punya dasar dengan Kementerian Kewangan, ada insentif pelepasan cukai untuk industri dan organisasi yang menaja *artificial intelligence reverse vending machine* dan kita berharap ia mendapat dukungan lebih ramai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik kepada soalan Yang Berhormat Kluang. Pada minggu lepas, saya bersama Timbalan Menteri Kerja Raya telah ke Cameron Highlands dan satu projek di mana plastik digunakan untuk buat tar. *I think* dengan inovasi baharu ini, *I think we can get it — a lot of things from this* plastik punya isu. Itu pada pandangan sayalah ya.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Memang dalam kita punya *Sustainable of Plastic Roadmap* dalam jangka masa yang — *timeline* sebelum 2030, kita menyasarkan penggunaan bahan plastik yang- sisa plastik ini untuk digunakan dalam bahan pembinaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ya.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Ada dibuat di beberapa negara dan kita cuba melihat opsyen itu juga supaya kita dapat mengatasi masalah ini dengan lebih berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Kapar.

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]: Terima kasih Timbalan Speaker. Seperti dimaklumi oleh Menteri, nak pergi Pulau Ketam daripada Pelabuhan Klang iaitu Pelabuhan Klang, termasuk *royal club* di sana penuh dengan plastik. So, soalan saya kepada Menteri, apakah hasil empat pusingan rundingan antarabangsa mengenai Perjanjian Plastik Global (GPT) di jawatankuasa rundingan antara kerajaan untuk membangunkan instrumen antarabangsa yang mengikat secara sah mengenai pencemaran plastik, termasuk dalam alam sekitar marin?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Alice Lau Kiong Yieng) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Satu lagi untuk normalisasi di peringkat mungkin B40, luar bandar dan sebagainya. Adakah kerajaan juga bercadang supaya setiap pasar raya di dipertanggungjawabkan menyediakan beg plastik jenis biodegradasi secara percuma kepada pelanggan kelak? Maknanya, mungkin kerajaan kena beri insentif kepada pasar-pasar raya nak bagi yang *free* ini. Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali tentang soal Global Plastic Treaty. Dia memang telah memasuki senarai rundingan yang akan berlangsung- terakhir kalau ikut rancangannya, di Busan hujung tahun ini. Ada beberapa perkara yang kita cuba perhalusi yang mana sebab kita tahu dia ada dua aspek iaitu sebagaimana pelan-pelan ataupun hala tuju yang kita ada. Pertama ialah ke arah sifar plastik sekali guna dan kedua ialah plastik-kelestarian industri plastik itu sendiri. Sebab kita tahu, bukan dalam semua aspek kita boleh elak daripada plastik.

Di — penggunaannya sangat meluas. Kedua, tentang soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang insentif dan sebagainya. Sebenarnya, kita kena *reflect* balik. Penggunaan plastik kita ini meluas sekitar tahun 1960-an, 1970-an. Sebelum itu, plastik sudah ada tetapi ia lebih kepada untuk automotif, untuk barang-barang elektrik dan sebagainya. Tetapi selepas pada waktu itu, pada waktu itu industri minyak ingin memperluaskan *demand* untuk barangan *petrochemical*, maka plastik digunakan secara menyeluruh.

Jadi, kalau dulu penggunaan mangkuk tingkat, penggunaan botol yang boleh dipakai berkali-kali ialah penggunaan biasa di kalangan generasi lama. Tetapi bila plastik inilah jadi begitu meluas. Sekarang kita dah tak boleh bayangkan hidup tanpa plastik. Jadi bagi saya, saya fikir, saya mendengar tentang cadangan tersebut dan memang sebenarnya kita lihat ada beberapa syarikat secara sukarela, mereka mengamalkan dasar tidak lagi memberi beg plastik sekali guna.

Ada yang memberikan beg yang boleh *reuseable*, ada yang kata dia bayar RM2, *it is for life*, kalau rosak boleh ganti semula. Itu bagi saya antara kreativiti yang ada di peringkat industri, yang kita nak galakkan dan memang akan ada tempoh untuk membiasakan semula. Macam saya ingat bila Selangor, Pulau Pinang perkenalkan dulu, caj pencemaran untuk beg plastik, ada *some backlash* ya. Tetapi lama-lama, orang dah biasa.

Jadi, kita akan melihat dan sebagaimana saya kata, kita ada kita punya *roadmap* yang sedia ada ini. Kita kena tengok semula, adakah kita perlu kerangka perundangan di peringkat *Federal* dan sebagainya supaya dia dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh. Sebab sekarang, dia bergantung secara voluntari...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ringkaskan jawapan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: ...di peringkat kerajaan tempatan dan juga di peringkat kerajaan negeri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Saya jemput Datuk Suhaimi bin Nasir, Libaran.

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran]: Terima kasih Yang di-Pertua.

*Berjalan jauh ke tepi desa,
Singgah sebentar di hujung titi,
Soalan nombor 6 inginku tanya,
Mohon dijawab Yang Berhormat Menteri.*

6. Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menyenaraikan Tamu Gum-Gum, Batu 16, Sandakan dalam Projek Program Pembangunan Premis Tamu Desa. Tamu Gum-Gum, Batu 16 ini adalah satu tamu yang terdapat di Daerah Sandakan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Ewon Benedick]: Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sentiasa komited dalam usaha untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur bagi membantu peniaga-peniaga kecil di desa dan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Pada tahun ini, kementerian ataupun KUSKOP diperuntukkan RM20 juta bagi pelaksanaan Projek Premis Tamu Desa, termasuk RM1 juta daripadanya disalurkan kepada persatuan-persatuan penjaja.

Dalam hal ini, KUSKOP bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak telah melaksanakan projek ataupun Program Tamu Desa di Sabah, Sarawak bermula tahun ini. Ia melibatkan peruntukan berjumlah RM9 juta bagi pelaksanaan fasa 1 yang merangkumi kerja-kerja bina baharu atau naik taraf sebanyak 36 tapak Tamu Desa di Sabah dan 13 tapak Tamu Desa di Sarawak. Bagi pelaksanaan fasa 1 ini, untuk makluman Yang Berhormat, terdapat satu Projek Tamu Desa yang akan dinaik taraf di Sandakan iaitu di Agro Bazaar Batu 32, Sandakan, di mana kerja-kerja pelaksanaan akan dimulakan dalam tempoh terdekat ini.

KUSKOP juga telah mengenal pasti sebanyak 17 tapak Tamu Desa bagi pelaksanaan fasa 2 di Sabah dan setakat ini, 20 tapak Tamu Desa di Sarawak. Bagi Sabah, surat pelantikan sebagai pegawai penguasa projek telah diserahkan kepada pegawai daerah pada hari kelmarin. Mengenai cadangan pelaksanaan Projek Tamu Desa di Tamu Gum-gum Batu 16, Sandakan, KUSKOP sedia mempertimbangkan cadangan projek ini untuk pelaksanaan pada tahun 2025. Permohonan projek ini, Yang Berhormat boleh kemukakan secara bertulis kepada saya ataupun menerusi Pejabat Daerah bagi penyelarasan selanjutnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Libaran.

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran]: Terima kasih Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih terhadap penjelasan yang telah diberikan tadi. Untuk makluman, Tamu Gum-gum Batu 16 ini merupakan satu-satunya tamu yang terdapat di dalam kawasan Libaran. Telah banyak membantu menjana ekonomi setempat sejak tahun 60-an lagi.

Saya juga mengucapkan terima kasih di atas usaha kerajaan dalam memberikan bantuan pembiayaan mikro untuk penjaja dan peniaga kecil (MPPK 2.0) yang disediakan oleh Bank Rakyat dengan kadar keuntungan kosong persen. Saya ingin mencadangkan agar skim pembiayaan yang lain seperti pembangunan usahawan tamu oleh TEKUN dan juga disediakan oleh AIM, memberikan pinjaman kadar keuntungan yang sama iaitu kosong persen. Dengan cara ini ia akan mendapat membantu penjaja dan peniaga kecil dalam merancakkan ekonomi setempat.

Soalan tambahan saya, Dato' Yang di-Pertua. Berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan bagi pembangunan setiap tamu di Sabah yang telah diluluskan dan apakah kriteria yang diperlukan bagi pemilihan sebuah tamu untuk dibina baharu atau dinaiktarafkan? Terima kasih.

■1140

Datuk Ewon Benedick: Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi purata peruntukan itu adalah di antara RM100,000 sehingga RM300,000 bagi satu-satu projek naik taraf ataupun bina baru tamu desa di Sabah dan jumlah yang sama juga di Sarawak.

Antara kriterianya, pertama, ia haruslah tamu komuniti sedia ada di luar bandar terutamanya. Kedua, isu tanah itu haruslah jelas. Ertinya, tamu itu tidak ada halangan dari segi kepenggunaannya. Bukan berada dalam rizab jalan, misalnya. Kerana di Sabah, saya percaya barangkali di Sarawak juga, ada gerai-gerai tamu ini dibuat di siring jalan, di tepi jalan dan itu ada halangan dari segi pemilikan tanah dengan jalan raya dan sebagainya.

Begitu juga dengan potensi yang boleh dibina. Ertinya, berhampiran dengan kawasan-kawasan tumpuan penduduk di antara mukim-mukim yang besar. Kalau boleh dipindahkan tamu itu, kita sedia mempertimbangkan itu untuk bina baru.

Jadi, kalau ada cadangan selain daripada yang disebut tadi oleh Yang Berhormat, saya dan kementerian sedia untuk mengambil perhatian. Saya hargai sokongan Yang Berhormat termasuk cadangan-cadangan berkaitan dengan skim-skim yang telah kita perkenalkan dan saya anggap itu adalah satu penghargaan dan juga satu cadangan yang kita akan teliti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Silakan.

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya nak menyokong Libaran.

Selain daripada bantuan kemudahan infra sebagaimana yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat, adakah pihak KUSKOP juga ada perancangan untuk memperluaskan lagi skim pembiayaan mikro secara bersasar? Supaya faedahnya dapat dilaksanakan lebih ramai lagi usahawan-usahawan kecil dan penjaja-penjaja di tamu-tamu desa di kawasan luar bandar, terutamanya mungkin usahawan desa kraf ataupun inap desa kecil-kecilan di Sabah dan Sarawak. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ewon Benedick: Untuk makluman Yang Berhormat, memang perkara ini antara yang banyak dikemukakan dalam sesi-sesi libat urus kita termasuk dengan penjaja dan peniaga kecil. Saya anggap perkara yang sama disampaikan oleh Yang Berhormat ini adalah satu cadangan yang menyokong kepada pandangan yang telah disampaikan oleh usahawan-usahawan tamu desa, persatuan-persatuan penjaja.

Dari segi rancangan itu, kita telah menyampaikan kepada Kementerian Kewangan keperluan inisiatif-inisiatif ini dan mudah-mudahan esok ada lagi berita baik yang akhirnya kita boleh terjemahkan di dalam inisiatif pada tahun hadapan. Terima kasih di atas pandangan dan cadangan yang mengangkat keperluan ini dipanjangkan di tempat lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail, Kubang Pasu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]: Puan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 7.

7. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan:

- (a) status pelaksanaan *National Artificial Intelligence Roadmap 2021-2025* di mana penggunaan AI mampu menghasilkan peningkatan KDNK sebanyak 30 peratus; dan
- (b) memandangkan AI di Malaysia masih ketinggalan di belakang dalam *high-performance computing*, apakah langkah diambil oleh kerajaan bagi menangani isu ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal]: Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Pelaksanaan *National Artificial Intelligence Roadmap 2021-2025* dikendalikan oleh tadbir urus *National Blockchain and Artificial Intelligence Committee* (NBAIC). Terdapat lebih daripada 24 pelan tindakan dan sehingga suku ketiga tahun 2024, status pencapaian terkini adalah pada kadar 63 peratus.

Peningkatan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebanyak 30 peratus melalui penggunaan AI adalah unjuran awal oleh McKinsey pada tahun 2018. Peningkatan tersebut adalah unjuran KDNK dari tahun 2017 hingga 2030. Namun, beberapa faktor global telah mempengaruhi perkembangan KDNK global dan Malaysia khususnya, seperti pandemik COVID-19 dan konflik di Ukraine dan Timur Tengah.

Laporan yang dikeluarkan oleh McKinsey pada bulan September 2024 menunjukkan pertumbuhan KDNK Malaysia pada suku kedua adalah sebanyak 5.9 peratus. Ia adalah nilai tertinggi yang direkodkan sejak 2023. Walau begitu, agak sukar untuk menentukan sumbangan dari teknologi AI memandangkan teknologi ini digunakan merentas sektor dan industri.

Sebagai alternatif, Indeks Kesediaan AI Kerajaan atau *Government AI Readiness Index* yang dikeluarkan oleh *Oxford Insights* boleh dijadikan sebagai rujukan untuk melihat sejauh mana kesediaan kerajaan dalam penggunaan teknologi AI dalam negara. Pada tahun 2022, Malaysia berada di kedudukan ke-29 dan kedudukan negara meningkat ke tangga 23 pada tahun 2023. Peningkatan ini kesan daripada inisiatif-inisiatif berkaitan AI yang telah mula dilaksanakan secara berperingkat.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, bagi soalan kedua yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kubang Pasu, melihat kepada kepentingan dan manfaat HPC atau *high performance computing* serta trend perkembangan pendidikan yang bertunjangkan AI, MOSTI telah menubuhkan sebuah pasukan petugas yang dianggotai oleh wakil-wakil akademik dan MIMOS untuk meneroka satu pelan pembangunan Malaysia HPC menerusi satu kaji selidik awal bagi memenuhi permintaan terhadap pengkomputeran berprestasi tinggi yang semakin meningkat.

18 April yang lalu merupakan tarikh akhir tinjauan menyeluruh yang dilaksanakan dalam Fasa 1. Pasukan petugas ini telah menilai keperluan khusus HPC merentas sektor kerajaan, industri dan awam agar ia sejajar dengan keutamaan negara. Pada Fasa 2 yang sedang berjalan, tumpuan diberikan kepada analisis terperinci melalui kumpulan fokus berperancangan strategik dan reka bentuk HPC tempatan dengan tujuan mengenal pasti saiz dan keupayaan HPC yang optimum.

Seterusnya, pasukan petugas ini akan menyediakan justifikasi kukuh berdasarkan bukti untuk keperluan belanjawan masa depan termasuk pembiayaan Rancangan Malaysia Ke-13 bertujuan memastikan pelaburan disasarkan secara strategik untuk meningkatkan daya saing Malaysia dalam AI penyelidikan dan inovasi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Kubang Pasu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi.

Soalan tambahan saya ialah masa depan dan kejayaan negara dalam bidang sains dan teknologi, teknologi *semiconductor chip* termasuk AI amat bergantung pada kesungguhan, keterlibatan dan kekuatan kita dalam *research and development*. Soalannya, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan khususnya MOSTI dalam menjayakan agenda ini? Ini penting bagi negara untuk menjadi pencipta teknologi dan bukan setakat pengguna teknologi.

Seterusnya, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membangunkan bakat-bakat yang amat diperlukan dalam pembangunan AI negara? Satu lagi ialah berhubung dengan keperluan AI yang amat penting iaitu kita perlukan *data centre* yang mencukupi dan cip AI keluaran NVIDIA yang mencukupi. Ini adalah cabaran terbesar. Apakah langkah kerajaan untuk menentukan perkara ini dapat kita tangani? Terima kasih.

Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu atas soalan tambahan.

Tadi ada saya sebut sedikit tentang unjuran Laporan McKinsey pada tahun 2018. Kerajaan telah meletakkan sasaran kita sebanyak 3.5 peratus *gross expenditure on research and development* (GERD) pada tahun 2030. Dalam konteks negara, berdasarkan dalam laporan, nisbah perbelanjaan kasar *research and development* (GERD) terhadap KDNK adalah pada kadar satu peratus iaitu RM13.6 bilion. Berdasarkan unjuran peningkatan perbelanjaan R&D kepada 3.5 peratus daripada KDNK menjelang tahun 2030, anggaran perbelanjaan R&D yang diperlukan ialah RM25.7 bilion dari sektor awam dan RM60.0 bilion dari sektor swasta

berdasarkan nisbah sumbangan 30:70 sektor awam dan sektor swasta. Perbelanjaan ini diunjurkan untuk memenuhi keperluan ataupun sasaran GERD dan KDNK pada kadar yang ditetapkan bagi tempoh tersebut.

Dalam hal ini, kerajaan kita tetap kekal komited untuk memperkukuhkan ekosistem R&D negara bagi merangsang inovasi dan kemajuan teknologi yang berterusan untuk pelaksanaan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 termasuklah memperkasa *Malaysia Science Endowment (MSE) fund* bagi membiayai aktiviti-aktiviti *R-D-I-C and E* melalui mekanisme dana padanan atau geran padanan melalui sumber sektor swasta dari pelbagai sumber serta pembiayaan geran, insentif potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan R&D serta akses kepada teknologi terkini melalui pelbagai program yang dilaksanakan oleh kementerian.

■1150

Dalam aspek pembangunan bakat pula, MOSTI terlibat dalam pembangunan bakat AI. Ia merupakan sebahagian daripada pelan tindakan MOSTI dengan kerjasama badan-badan profesional seperti *Institute of Electrical and Electronics Engineering (IEEE)* dan juga pihak industri seperti SIRIM. Di antara program tersebut ialah kursus *Certified AI Assessor* yang dianjurkan bersama IEEE dan SIRIM bertujuan untuk melahirkan penilai sistem AI yang bertaualiah. Bagi tujuan pula, kita persoalkan soal...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ringkaskan jawapan. Ringkaskan.

Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal: Soal dana *center* yang sama ada mencukupi atau tidak. Sememangnya kerajaan melalui kementerian kita juga melihat kepada keperluan ini. Saya bagi pihak kementerian ingin menyatakan di sini bahawa usaha kita diteruskan untuk memastikan apa jugalah ekosistem yang perlu untuk menepati sasaran AI kita ini, kita akan laksanakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sungai Siput.

Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]: Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Malaysia mempunyai fasiliti-fasiliti HPC sama ada dimiliki kerajaan ataupun pihak industri mahupun swasta?

Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal: Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Sungai Siput. Setakat ini, di negara kita, kita ada beberapa HPC seperti:

- (i) *Data-Intensive Computing Center (DICC)* Universiti Malaya;

- (ii) Universiti Kebangsaan Malaysia;
- (iii) Institut Penyelidikan Matematik, Universiti Pertanian Malaysia;
- (iv) *Institute of Oceanography and Environment* (UMT);
- (v) Universiti Teknologi Petronas (UTP);
- (vi) *Monash University of Malaysia*; dan
- (vii) *University of Nottingham Malaysia*.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya sebutkan di jawapan utama tadi. Kita akan memastikan pelaburan HPC akan dilaksanakan secara strategik untuk meningkatkan daya saing Malaysia dalam AI penyelidikan dan inovasi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Saya jemput Tuan Chow Kon Yeow, Batu Kawan.

8. Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan status terkini kajian semula terhadap Akta Orang-orang Papa 1977 dalam usaha menangani isu gelandangan di negara ini secara lebih holistik, sistematik dan efisien. Kongsikan jumlah tangkapan berdasarkan kategori kesalahan yang dilakukan mengikut pecahan setiap negeri dalam tempoh lima tahun ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]: Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Batu Kawan yang menanya soalan. Puan Yang di-Pertua, kajian semakan semula Akta Orang-orang Papa 1977 dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada bulan Jun 2024 telah selesai melaksanakan kajian semakan semula Akta Orang-orang Papa 1977.

Buat masa ini, KPWKM sedang meneliti hasil dapatan kajian yang akan diguna pakai sebagai asas pada penstrukturan semula dan perincian mekanisme yang lebih holistik dalam mengendalikan isu gelandangan dan pengemisan. Agar kebajikan mereka dapat dilindungi dalam semua aspek.

Secara dasarnya, hasil kajian ini meliputi cadangan-cadangan kepada kerajaan mengenai kandungan pendekatan serta skop rang undang-undang ke arah inisiatif pengendalian isu gelandangan dan pengemisan secara menyeluruh. Meliputi peranan agensi-agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Kajian ini juga telah mengenal pasti peruntukan-peruntukan sedia ada di bawah Akta Orang-orang Papa 1977 yang tidak relevan dan memerlukan pendekatan baharu yang lebih praktikal dan sesuai dalam menangani isu gelandangan dan pengemisan.

Pihak kementerian sedang membuat tindakan persediaan untuk gerak kerja ke arah penggubalan rang undang-undang berkaitan gelandangan dan pengemisan bagi memastikan isu gelandangan ini dapat ditangani dengan lebih teratur. KPWKM melalui JKM ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat menjalankan tindakan menyelamatkan orang papa berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 3 Akta Orang-orang Papa 1977 [Akta183] dan JKM dengan kerjasama agensi pusat akan mengenal pasti orang papa yang di selamat dan mengambil tindakan mengikut bidang kuasa agensi masing-masing. Tindakan bersepadu ini melibatkan PDRM, PBT, AADK, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Agama Islam dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pecahan bilangan orang papa yang telah di selamat adalah 2,108 orang bagi tahun 2020, 1,528 orang tahun 2021, 1,280 tahun 2022, 2,080 orang tahun 2023 dan 1,256 orang sehingga Jun 2024. Data ini menunjukkan bahawa orang papa yang diambil terdiri daripada individu yang tidak mempunyai pekerjaan, pendapatan rendah, masalah kemiskinan, tiada tempat tinggal, dibuang keluarga, celaru mental dan masalah kesihatan lain, penagih dadah, bekas banduan dan lain-lain.

Berdasarkan rekod JKM, terdapat pelbagai kategori orang papa yang diambil dan jika orang papa tersebut merupakan warganegara asing termasuk PATI, pemegang UNHCR, pesakit mental, berjangkit dan kronik, orang papa ini akan dirujuk kepada agensi yang menguatkuasakan akta yang berkaitan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan.

Oleh yang demikian, pihak kementerian sekali lagi ingin menegaskan bahawa pengendalian isu gelandangan secara holistik hanya dapat dicapai dengan penglibatan dan kerjasama erat antara agensi-agensi Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Batu Kawan.

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan]: Terima kasih Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di samping jawapan tadi, adakah kementerian akan memperkasakan agenda *active ageing* demi memastikan kebajikan warga emas dapat dimartabatkan supaya mereka tidak dipinggirkan sama ada oleh keluarga ataupun masyarakat dan seterusnya menjadi gelandangan.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Terima kasih atas soalan yang diberikan. KPWKM berpendirian yang penjagaan terbaik warga emas adalah sebenarnya bersama keluarga dan kerana itu kementerian sentiasa memberi penekanan kepada prinsip penjagaan berasaskan keluarga dan dalam waktu yang

sama, menerapkan konsep penuaan setempat. Kita ada satu dasar, dasar yang dinamakan Dasar Warga Emas Negara. Di mana kerajaan sentiasa memberi sokongan kepada keluarga untuk menjaga ibu bapa berumur di keadaan yang selesa.

Oleh kerana itulah aktiviti yang kita harapkan dapat dilaksanakan akan membolehkan warga emas boleh melakukan sebarang, semua aktiviti sama ada secara persendirian, bersama ahli keluarga dan masyarakat, yang penting adalah untuk kesejahteraan hidup mereka selari dengan agenda *active ageing*. *On top of that*, selain daripada itu kita juga melalui JKM ada bantuan seperti bantuan warga emas, bantuan penjagaan pesakit kronik terlantar. Objektif dia adalah untuk membantu mengekalkan penerima-penerima bantuan ini bersama dengan keluarga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Kepala Batas.

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas]: Terima kasih kepada Timbalan Speaker. Mengambil kira peningkatan gelandangan warga kota pasca pandemik. Adakah terdapat cadangan strategi penambahbaikan serta program-program pemulihan yang komprehensif serta program-program latihan kemahiran yang akan diperkenalkan agar gelandangan tegar dan gelandangan yang berulang ini semakin berkurangan terutama di bandar-bandar utama, khususnya Bandar Raya Pulau Pinang.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kepala Batas di atas soalan yang menanyakan mengenai cadangan strategi penambahbaikan.

■1200

Kementerian sebenarnya Yang Berhormat ada mengenal pasti strategi penambahbaikan dan program pemulihan komprehensif dengan intervensi yang perlu dilaksanakan dan dijalankan yang memenuhi keperluan isu dan masalah kepada menyumbang – kepada gelandangan yang berulang ini sebab kita ada pusat intervensi yang di bawah kendalian kementerian iaitu Anjung Singgah, Desa Bina Diri. Tapi dalam waktu yang sama juga, intervensi ini perlu untuk memastikan bahawa keperluan dan juga isu masalah yang didapati menyumbang kepada gelandangan berulang itu kita dapat kenal pasti.

Kita merasakan pendekatan terbaik Yang Berhormat Speaker adalah bagi menjalankan pemulihan yang komprehensif melalui pendekatan bersepadu yang melibatkan aspek kerohanian, psikologi, kesihatan, kebajikan dan ekonomi, termasuklah juga perumahan. Sebab itulah inisiatif ini memerlukan kerjasama dan

komitmen daripada semua pihak. Bukan hanya melalui kementerian semata-mata tapi melalui agensi-agensi di bawah Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, PBT dan juga NGO-NGO yang berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tuan Lo Su Fui, Tawau.

Tuan Lo Su Fui [Tawau]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Salam sejahtera Malaysia, salam Sabah Maju Jaya.

*Pejabat Bantuan Guaman Tawau diperlukan,
Satu juta rakyat menanti dengan penuh harapan,
Janji tahun lalu ingin dipermudahkan,
Semoga selesaikan dalam tempoh sembilan bulan.*

Soalan saya nombor sembilan.

9. Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta Perdana Menteri menyatakan jaminan pembukaan Pejabat Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Tawau, susulan kelulusan 3 cawangan baru termasuk Tawau dalam jawapan balas Menteri, bagi menampung keperluan 1 juta penduduk di Parlimen Tawau, Kalabakan, Semporna dan Lahad Datu yang kini terpaksa ke JBG Kota Kinabalu sejauh 500km.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Terima kasih Yang Berhormat Tawau. Puan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sesungguhnya amat komited untuk memberikan khidmat bantuan guaman kepada rakyat susah yang jauh di pedalaman Sabah termasuk Tawau. Namun, bagi mencapai hasrat tersebut, beberapa perkara berhubung sumber manusia, logistik dan kewangan haruslah dipertimbangkan sebelum hasrat tersebut dapat direalisasikan.

Sebagai mana sedia maklum, pada masa ini, Kerajaan Madani sedang dalam proses pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang merupakan satu inisiatif kerajaan untuk memperbaharui dan meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Pada masa yang sama juga, satu lagi inisiatif kerajaan dalam reformasi institusi dan undang-undang akan dilaksanakan oleh Jabatan Bantuan Guaman (JBG) yang akan memperluaskan skop perkhidmatan dalam perundangan, jenayah, sivil dan syariah serta menambahkan tadbir urus menyampaikan perkhidmatan bantuan guaman melalui penggubalan rang undang-undang baharu menggantikan Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26].

Pelaksanaan SSPA dan penggubalan RUU baharu yang memperluaskan skop perkhidmatan bantuan guaman ini akan melibatkan perubahan struktur

organisasi dan pembukaan cawangan-cawangan baharu JBG. Sehubungan dengan itu, selari dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut, pembukaan cawangan JBG baharu di Tawau, Sabah akan ditangguhkan ke tahun hadapan sehingga perkara-perkara berhubung dengan SSPA dan penggubalan RUU baharu menggantikan Akta 26 ini diselesaikan.

Selanjutnya sementara menunggu pelaksanaan perkara tersebut, JBG telah mengambil inisiatif yang lebih ke hadapan dengan menyediakan bantuan guaman yang lebih dekat dengan rakyat iaitu dengan menyediakan van bergerak yang dinamakan *Justice on Wheels* yang mana ia digunakan sebagai klinik guaman bergerak bagi memberikan perkhidmatan nasihat guaman kepada rakyat di kawasan pedalaman termasuk di kawasan Tawau, Semporna, Kalabakan dan Lahad Datu, Sabah. Program ini secara tidak langsung memudahkan rakyat di kawasan pedalaman mendapat khidmat nasihat guaman tanpa perlu ke pejabat JBG di Kota Kinabalu. Seterusnya menjimatkan masa dan kos rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2024, setakat ini sebanyak 23 program *Justice on Wheels* telah dianjurkan di Sabah, Sarawak, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Kedah dan Perak, melibatkan dekat 1,500 klien. Pada tahun hadapan, program *Justice on Wheels* akan turut diperluaskan ke lebih banyak daerah dan negeri.

Selanjutnya, bagi memudahkan penyelesaian kes melalui persidangan perantaraan, JBG telah bergerak langkah ke hadapan dengan menyediakan perkhidmatan perantaraan secara dalam talian dan ia adalah merupakan satu anjakan dalam memperkasakan perkhidmatan perantaraan. Perkhidmatan perantaraan secara dalam talian ini membantu dan memudahkan masyarakat termasuk di Tawau, Kalabakan, Semporna dan Lahad Datu menyelesaikan pertikaian pihak-pihak tanpa perlu hadir secara fizikal di pejabat JBG di Kota Kinabalu, Sabah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tawau.

Tuan Lo Su Fui [Tawau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyambut baik segala usaha daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Soalan tambahan saya, saya ingin bertanya, selain daripada program klinik bantuan guaman di kawasan pedalaman, *outreach*, dengan izin dan melantik peguam panel, adakah langkah untuk membuka kios *one-stop*, dengan izin sementara menunggu pejabat bantuan guaman (JBG) dibuka secara rasmi di Tawau serta perkembangan terkini pembinaan kompleks mahkamah baharu di Tawau untuk

menampung keperluan satu juta penduduk daripada Tawau, Kalabakan, Semporna dan Lahad Datu. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson: Terima kasih pada soalan tambahan. Sebenarnya cadangan Yang Berhormat itu baik, *one-stop* dan sebagainya akan diambil kira untuk menolong masyarakat yang banyaknya di antaranya adalah B40.

Tapi saya difahamkan Yang Berhormat, di seluruh Sabah itu ada lebih kurang 850 peguam dan 10 peratus daripada itu adalah peguam dari Tawau. Saya menyeru bahawa peguam-peguam swasta ini juga memberi khidmat *free* lah, swasta menolong kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun]: [Bangun]

Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson: Pejabat tidak ada di Tawau tetapi ada usaha-usaha lain yang sedang dibuat dan permintaan *one-stop centre* adalah satu antara yang boleh dibuat. Tetapi saya percaya Yang Berhormat dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, boleh memohon *our Justice on Wheels* ini, boleh ke kawasan-kawasan pedalaman.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ringkaskan.

Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson: Bila Tan Sri Speaker ke Lawas, beliau telah memohon dan kita telah menghantar *Justice on Wheels* untuk memberi perkhidmatan kepada orang-orang di sana. Jadi di Tawau pun boleh membuat permintaan tersebut dan kita akan meneruskan menolong pihak-pihak berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Jerlun.

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, menyentuh persoalan berkaitan dengan JBG, saya ingin membangkitkan persoalan tentang penempatan pegawai-pegawai JBG di seluruh negeri. Saya merujuk kepada dua negeri sebagai contoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ringkaskan soalan ya.

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun]: Tak mula lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ringkaskan soalan.

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun]: *Sat, sat.* Okey, di negeri Kedah, dia ada 12 buah mahkamah. Pegawai hanya ada tiga orang sahaja dan dua orang

penolong pegawai. Di *Penang*, dua orang pegawai JBG, ada seorang penolong pegawai. Baik.

Bila dilihat dari segi kewujudan JBG yang ada, persoalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan bilangan pegawai JBG di setiap negeri? Apakah inisiatif kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya menggunakan khidmat JBG? Akhirnya, apakah status terkini kajian berhubung cadangan untuk menggabungkan YBGK dengan JBG dalam usaha untuk memperluaskan akses kepada orang awam agar menggunakan khidmat YBGK ataupun JBG? Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson: Terima kasih untuk pada soalan tersebut. Nombor satu, mengenai menambahkan lebih pegawai itu adalah satu di antara proses yang sedang dibuat oleh kerajaan.

■1210

Akan tetapi yang lebih mustahak seperti saya kata sebelum ini, ada ramai peguam yang sedang ada menjalankan praktis mereka. Mereka juga boleh menolong supaya ia juga dapat menolong kepada masyarakat perkhidmatan mereka, tetapi JBG ini dia ada *panel of lawyers* di mana dari swasta boleh memohon untuk berada di- sebagai panel lepas itu kerajaan akan membuat bayaran. Dia ada beberapa klausa di mana ada mengatakan bahawa bayaran akan dibuat sebanyak RM750 untuk satu kes, untuk *interview* RM150 dan sebagainya.

Jadi, saya menggalakkan bahawa pegawai-pegawai, peguam-peguam swasta terlibat dalam perkara tersebut. Itu satu. Nombor dua, mengenai menggunakan JBG ini di merata-rata tempat itu adalah satu di antara yang digalakkan, tetapi dalam hal tersebut, kita juga perlu fikir bahawa seperti yang saya nak kata ada peguam swasta di pendalaman dan sebagainya ada juga.

Di Pulau Pinang dan di tempat-tempat yang lain Yang Berhormat kata, betul, pegawai kurang, tetapi ada penolong- Penolong Pegawai Undang-undang yang ada mekanisme dan kelayakan-kelayakan Diploma dan sebagainya yang boleh membuat pandangan dan nasihat mereka.

Daripada menggabung kedua-dua perkara Yang Berhormat cadangkan itu boleh diteliti dan tengok macam mana ia boleh dibuat, nombor satu dan adakah ia efisien dan adakah ia praktikal. Itu akan dihalusi oleh kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang terhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.12 tgh

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson]: Puan Yang di-Pertua,

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 seperti di Nombor 1 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul* hari ini. Selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 4 petang, hari Jumaat, 18 Oktober 2024 iaitu hari esok.”

Terima kasih.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[16 Oktober 2024]**

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Senarai pembahas adalah seperti berikut YB Tanjong Piai; YB Mersing; YB Tuaran; YB Tenom; YB Padang Serai; YB Keningau; YB Gerik; YB Sandakan; YB Kubang Pasu;

YB Tawau; YB Bukit Gantang; YB Jempol; YB Arau; YB Bakri; YB Tenggara; YB Larut; dan YB Balik Pulau.

Saya jemput Yang Berhormat Tanjong Piai.

12.14 tgh.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan yang amat penting ini untuk Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024.

Secara asasnya saya menyokong pindaan ini kerana ia merupakan langkah progresif yang amat dinantikan oleh semua pihak terutamanya bagi mereka yang terjejas akibat masalah kewarganegaraan. Namun begitu, persoalan besar yang perlu dijawab ialah sejauh mana pelaksanaan pindaan ini dapat dijalankan dengan efektif tanpa wujudnya kerenah birokrasi yang sering melambatkan proses.

Adakah kita yakin bahawa masalah kelewatan yang menyebabkan pemohon terpaksa menunggu bertahun-tahun akan dapat diatasi sepenuhnya. Saya juga menyokong penuh penurunan had umur permohonan kewarganegaraan dari 21 kepada 18 tahun dan pembaikan SOP di bawah Perkara 15A dan Perkara 19(1). Namun bagaimanakah kita boleh memastikan tempoh satu tahun yang dijanjikan mencukupi untuk menyelesaikan permohonan tersebut? Apa langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa janji ini tidak sekadar tinggal janji.

Puan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang mendesak ialah sebagai contoh jika seorang isteri yang berstatus *Spouse Visa* dalam proses memohon permit masuk atau PR dan beliau kehilangan suaminya ketika proses permohonan permit masuk beliau masih berjalan. Jadi, apakah perlindungan yang diberikan oleh kerajaan dalam keadaan ini? Tanpa dokumen yang sah, wanita tersebut berpotensi berdepan dengan pelbagai kesukaran dalam hidup termasuklah untuk mendapatkan pekerjaan bagi menyara keluarga setelah kematian suaminya.

Lebih membimbangkan wanita berkenaan berdepan risiko diusir ke negara asal sekiranya permohonannya ditolak. Saya mempunyai banyak kes seperti ini di kawasan Parlimen Tanjong Piai dan ada antara kes tersebut telah berlarutan sehingga 20 tahun dan ia masih belum diselesaikan sehingga hari ini. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk membantu menyelesaikan isu berbangkit ini.

Puan Yang di-Pertua, sebelum pindaan ini, anak-anak kepada pasangan yang memegang permit masuk masih berpeluang mendapatkan kewarganegaraan, jika salah seorang ibu bapa mereka adalah warganegara Malaysia. Namun selepas pindaan ini, akses automatik kepada kewarganegaraan akan terjejas. Bagi anak-

anak pasangan yang memegang PR, persoalannya apakah nasib anak-anak ini? Adakah mereka akan terus mendapat permit masuk secara automatik atau dapat terus memohon kewarganegaraan tanpa melalui proses permit masuk.

Berapakah jumlah mereka yang akan terkesan akibat pindaan ini? Perkara ini perlu diperjelaskan secara terperinci oleh pihak kerajaan kerana ini melibatkan masa depan mereka terutamanya dalam mendapatkan akses pendidikan di sekolah.

Puan Yang di-Pertua, selain daripada itu, sekiranya suami yang memegang permit masuk dan berkahwin dengan isteri warga asing, apakah yang akan terjadi dengan status isteri dan anak-anak? Apakah status mereka ini dalam undang-undang? Ketidakpastian status bagi keluarga-keluarga ini menimbulkan kebimbangan besar dan kerajaan perlu segera menjelaskan bagaimana mereka akan dilindungi.

Dalam hal ini, adakah pandangan daripada badan-badan seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan *Develop of Human Resources for Rural Areas* (DHRRA) Malaysia telah diambil kira sepenuhnya? Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan yang lebih mendalam mengenai hal ini kerana ia melibatkan masa depan ramai keluarga yang terkesan.

Sekali saya ingin menegaskan bahawa pindaan ini amat penting untuk memastikan generasi akan datang khususnya mereka yang terpinggir akibat isu kewarganegaraan tidak lagi teraniaya. Apa jua tindakan yang kita ambil hari ini, akan memberi impak yang besar kepada masa depan mereka. Puan Yang di-Pertua, oleh itu saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan 2024. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai. Saya jemput Yang Berhormat Mersing.

12.18 tgh.

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 di bawah perkara kewarganegaraan pada hari ini.

Apabila kita bicara soal kewarganegaraan, Bahagian III dalam Perlembagaan Persekutuan menjelaskan terdapat empat kaedah bagaimana seorang itu boleh mendapat kewarganegaraan iaitu melalui kuat kuasa undang-undang, pendaftaran, naturalisasi dan percantuman wilayah.

Perspektif kewarganegaraan pula bersandarkan dua konsep asas iaitu *jus soli* atau hak mendapat kerakyatan berdasarkan kelahiran di negara itu dan juga *jus sanguinis* iaitu kewarganegaraan tidak ditentukan melalui tempat kelahiran sebaliknya dengan mempunyai satu atau dua- ibu bapa yang juga warganegara sebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat peruntukan yang terkandung dalam rang undang-undang ini telah menggariskan beberapa pindaan yang cukup signifikan, realistik dan menepati perkembangan dan keperluan semasa negara. Pertama sekali, saya ingin menyentuh peruntukan Seksyen baharu 3 ke dalam Bahagian II Jadual Kedua yang menghendaki mana-mana orang yang di bawah umur 18 tahun yang telah memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang untuk mengangkat sumpah dalam tempoh 48 bulan selepas mencapai umur 18 tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

■1220

Dalam erti kata, sekiranya gagal untuk mengangkat sumpah dalam tempoh yang dinyatakan maka terhenti menjadi warganegara. Saya berpandangan bahawa cadangan pindaan ini akan memastikan keterikatan pemohon yang bertaraf warganegara dalam negara sentiasa wujud dan terpelihara. Perkara ini sangat penting bagi memupuk semangat kesetiaan dan kecintaan kepada negara asal. Perkara ini juga adalah untuk melihat tahap kesungguhan pemohon khasnya ibu-bapa yang memohon kewarganegaraan anaknya dalam kaedah kuat kuasa undang-undang.

Saya menyokong peruntukan baharu ini bertujuan untuk memastikan mekanisme kawalan dapat dilaksanakan dengan lebih tegas bagi mengekang pegangan lebih dari satu kewarganegaraan. Ia juga selaras dengan amalan di negara-negara lain seperti Singapura, India dan Jepun yang akan membuat pelucutan kewarganegaraan secara automatik jika mendapati individu berkenaan yang sudah mencapai umur tertentu gagal pulang untuk mengangkat sumpah taat setia dan melepaskan kewarganegaraan asing yang dimiliki.

Kedua, saya ingin menyentuh berkenaan syarat Bahasa Kebangsaan untuk memohon kewarganegaraan yang dinyatakan dalam Fasal 2 yang dipinda melalui Perkara 15(1) dengan memasukkan C, pengetahuan yang mencukupi dalam Bahasa Melayu. Dalam konteks ini, saya melihat dalam perspektif keberkesanan syarat ini untuk menilai standard sebenar pengetahuan atau pertuturan dalam Bahasa Kebangsaan. Saya ingin mengetahui, sejauh manakah tahap indikator garis panduan bagi mengukur syarat asas ini sebelum mana-mana individu yang memohon layak

diberi tahap kewarganegaraan melalui pendaftaran. Pada masa yang sama, saya ingin mengetahui apakah usaha penambahbaikan termasuk daripada segi proses saringan yang lebih ketat dan adil sama ada melalui beberapa pendekatan yang rasional seperti wajar melepasi peperiksaan bertulis, sesi temu duga lisan dan sebagainya?

Ketiga, saya ingin menyentuh Perkara 26 Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Fasal 8 RUU ini dengan menggantikan perkataan, "*tarikh perkahwinan itu*" dengan "*tarikh pemerolehan kewarganegaraan melalui pendaftaran.*"

Kerajaan Persekutuan boleh melucutkan kewarganegaraan mana-mana perempuan warga asing yang berkahwin dengan lelaki tempatan untuk mendapat kewarganegaraan dalam isu *marriage of convenience* dan bercerai dalam tempoh dua tahun dari tarikh perempuan itu memperoleh kewarganegaraan. Saya menyokong tindakan yang akan diambil ini. Dalam konteks ini, saya ingin mendapatkan pencerahan apakah terdapat data terperinci mengenai perkahwinan kontrak, bukti-bukti kes dan kesalahan yang direkodkan yang membuktikan pasangan berkahwin hanya untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan semata-mata?

Selain itu, apakah langkah-langkah lain yang diambil bagi melindungi isteri yang mungkin berisiko terperangkap dalam perkahwinan terancang, dimanipulasikan pihak-pihak tertentu atau berdepan dengan situasi keganasan rumah tangga sehingga berlaku penceraian yang tidak diingini ekoran pelaksanaan pindaan ini?

Akhir sekali, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Bharu (Ketua WHIP), Perikatan Nasional memberi komitmen untuk menyokong pindaan ini memandangkan ini adalah salah satu tawaran dalam Manifesto PN pada PRU-15 lalu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Mersing. Yang Berhormat Tuaran tak ada dalam Dewan. Saya jemput Yang Berhormat Tenom.

12.23 tgh.

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera diucapkan kepada sidang Dewan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024.

Saya memuji usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri Malaysia kerana kita faham masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia terutamanya di Semenanjung Malaysia ini begitu berakar. Ada yang berkahwin dengan warga asing dan setelah berpuluh-puluh tahun, anak-anak mereka tidak mempunyai kad pengenalan.

Namun, pada hemat saya dia berbeza keadaan kami yang berada di Sabah. Apa yang saya ingin suarakan ialah mengenai kebimbangan rakyat Sabah di mana kalau kita lihat daripada sejarah dan fakta 20 hingga 30 tahun yang lepas, Sabah mengalami satu pendaftaran beramai-ramai iaitu yang dikenali sebagai Projek IC. Kita- semua tahu Projek IC ini telah menyebabkan masalah yang begitu serius dalam Sabah terutama daripada segi sosial dan sebagainya.

Jadi, saya ingin memberikan cadangan kepada kementerian supaya warganegara yang diperoleh melalui pindaan ini perlu dikategorikan sebagai rujukan pada masa hadapan oleh pihak berkuasa bagi tujuan siasatan sekiranya ada unsur-unsur yang mencurigakan. Kita tidak mahu ada *loopholes* di pindaan ini, di RUU ini supaya generasi akan datang seperti yang dialami oleh kami di Sabah ini tidak berlaku di Semenanjung Malaysia.

Saya mengambil contoh, jika warga Jepun mendapat pekerjaan yang ramai, yang banyak di Malaysia ini, jika beliau berkahwin dengan warganegara Malaysia dan kemudian dia mendapat kewarganegaraan dan seterusnya dia akan berkahwin lagi dengan isteri kedua, isteri ketiga, isteri keempat warga Jepun. Jadi, apakah yang berlaku pada 20 dan 30 tahun akan datang di Malaysia? Sudah pastinya ia akan melibatkan satu proses asimilasi budaya di Malaysia.

Saya difahamkan juga permohonan bagi di Wilayah Sabah ini perlu melalui pihak kerajaan negeri bagi tujuan kelulusan. Oleh itu, Tenom mencadangkan agar komuniti seperti ketua daerah dan juga ketua negeri dan pemimpin setempat perlu dilibatkan agar ketelusan dapat dicapai. Bukan untuk kita menambah birokrasi tetapi untuk melicinkan permohonan agar ia selamat dan cepat.

Sebagai contoh, di kawasan Parlimen Tenom, saya juga mempunyai masalah seperti anak-anak yang tidak mempunyai kad pengenalan. Bapa dia warganegara, ibu dia bukan warganegara. Sehingga hari ini mereka tidak mendapat kad pengenalan biru dan mereka dinafikan untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi seperti menyambung pengajian ke IPTA dan IPTS.

Begitu juga saya mendapati ada satu kes di mana seorang kanak-kanak yang perlu dibedah di hospital kerajaan. Ibu-bapa mereka ini orang yang susah, orang miskin. Bapa dia warganegara, ibu dia bukan warganegara. Jadi, kanak-kanak ini

oleh kerana proses birokrasi mungkin yang dihadapi oleh kerajaan menyebabkan kanak-kanak itu terpaksa tidak dapat dibedah secepat yang mungkin kerana ibu-bapa ini tidak dapat menampung pembiayaan pembedahan tersebut.

Jadi, saya juga ingin kerajaan melihat supaya sekiranya RUU ini diluluskan, kita perlu menetapkan peraturan-peraturan yang ketat agar tidak ada sindiket-sindiket yang cuba mengambil kesempatan sekiranya RUU ini diluluskan. Saya percaya apa yang kita buat pada hari ini telah dipersetujui sama ada kerajaan pada hari ini ataupun kerajaan terdahulu dan kita tahu bahawa masalah ini dihadapi oleh seluruh rakyat Malaysia. Jadi, semoga apa yang kita putuskan, apa yang kita lakukan pada hari ini ia tidak akan mengundang masalah kepada generasi-generasi akan datang. Itu sahaja lah daripada saya. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Saya jemput Yang Berhormat Padang Serai.

12.29 tgh.

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang di-Pertua yang turut memberikan peluang kepada Padang Serai untuk berbahas dalam perbahasan Parlimen pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 berkenaan kewarganegaraan. Saya ingin menyuarakan beberapa kebimbangan dan persoalan berkenaan dengan hal ini.

■1230

Pertamanya, kita perlu ingat bahawa kewarganegaraan bukanlah sekadar dokumen tetapi ia adalah anugerah berharga yang membentuk asas identiti dan kesetiaan seseorang kepada negara. Pada hari kemerdekaan dan pembentukan Malaysia, kaum Melayu telah menghulurkan tangan persaudaraan dengan menghadiahkan kewarganegaraan kepada kaum-kaum lain. Kita tidak boleh mengambil ringan terhadap semangat yang mulia ini.

Namun, rang undang-undang yang dicadangkan ini menimbulkan beberapa persoalan. Adakah ia benar-benar mencerminkan semangat perpaduan yang telah kita bina selama ini? Cadangan untuk mewajibkan syarat pengetahuan yang mencukupi dalam bahasa Melayu bagi perempuan asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia. Walaupun ada merit, namun ia perlu dikaji dengan lebih teliti

adakah ini akan menjadi halangan yang tidak adil kepada mereka yang ingin menjadi sebahagian daripada keluarga Malaysia.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan, sejauh manakah tahap penguatkuasaan syarat asas kemahiran Bahasa Melayu ini akan diberikan penekanan? Apakah usaha penambahbaikan dari segi proses saringan yang lebih ketat seperti ujian bertulis, temu duga secara lisan dan bersemuka pemohon di samping usaha untuk menggalakkan pemohon mengikuti kursus asas bahasa kebangsaan dengan kerjasama DBP?

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mempersoalkan motif di sebalik penurunan had umur bagi tujuan perolehan dan penamatan kewarganegaraan dari 21 tahun kepada 18 tahun. Walaupun ini selaras dengan pengiktirafan kedewasaan di usia 18 tahun, adakah kita yakin bahawa pada usia ini seseorang sudah cukup matang untuk membuat keputusan serius berkenaan kewarganegaraan mereka? Sejauh mana kajian yang dijalankan terhadap kesan perspektif khususnya anak yang telah dilahirkan di luar negara oleh ibu warga Malaysia serta implikasi terperinci terlibat susulan penurunan had umur kepada 18 tahun yang turut dijalankan oleh negara-negara lain seperti *United Kingdom*, Kanada dan Australia?

Lebih membimbangkan lagi adalah cadangan awal untuk memindahkan peruntukan berkaitan kanak-kanak baru lahir yang dijumpai ditinggalkan dan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dari kategori kuat kuasa undang-undang ke kategori pendaftaran. Walaupun ia telah ditarik balik, kita perlu mempersoalkan mengapa cadangan sebegini boleh wujud pada mulanya? Ia menunjukkan kecenderungan yang membimbangkan dalam pemikiran kerajaan. Apa sahaja elemen mekanisme kawalan yang dirangka oleh kerajaan bagi golongan *foundling babies* dan generasi kanak-kanak tanpa negara mengambil kira pengguguran perkataan “pemastautin tetap” dari Seksyen (1A) selari dengan semangat Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu mempersoalkan ketidakkonsistenan dalam pendekatan kerajaan. Di satu pihak, mereka mendakwa ingin memperketat proses kewarganegaraan, tetapi di pihak lain mereka mencadangkan untuk memudahkan kewarganegaraan bagi anak-anak yang dilahirkan di luar negara kepada ibu Warganegara Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan B, Seksyen 1, Bahagian II Jadual Kedua.

Walaupun ini satu langkah yang progresif, namun ia menimbulkan persoalan tentang konsistensi dasar kerajaan. Adakah sebarang jaminan kerajaan bahawa setiap permohonan kewarganegaraan akan diteliti secara mendalam dan

diselesaikan dalam tempoh yang diperlukan terutama dalam mana-mana situasi yang mungkin memerlukan lanjutan tempoh?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa sebagai Ahli Parlimen Perikatan Nasional dan Pembangkang, kami bukan berbahas untuk menentang. Kami menggesa kerajaan untuk lebih telus dalam niat mereka dan lebih inklusif dalam pendekatan kerajaan. Kewarganegaraan adalah teras kepada identiti nasional kita. Ia bukan hanya tentang hak, tetapi juga tentang tanggungjawab.

Sebarang pindaan kepada undang-undang berkaitan kewarganegaraan perlu dilakukan dengan penuh berhati-hati mengambil kira kepentingan semua pihak dan yang paling penting, menjaga semangat perpaduan yang telah kita bina selama ini.

Oleh itu, saya menggesa agar rang undang-undang ini dikaji semula dengan lebih teliti dengan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan. Kita perlu memastikan bahawa sebarang perubahan yang dibuat benar-benar memberi manfaat kepada negara dan rakyat, bukan sekadar memenuhi agenda politik pihak tertentu. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Saya jemput Yang Berhormat Keningau.

12.35 tgh.

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Terima kasih kepada Tuan Speaker. RUU ini amat penting sebab ia menyentuh hak kewarganegaraan Malaysia, khasnya untuk Sabah dan Sarawak yang bersetuju membentuk Malaysia pada tahun 1963.

Kewarganegaraan Malaysia untuk rakyat Sabah dan Sarawak telah dipersetujui seperti terkandung dalam Perkara 10 dalam 20 perkara, Perenggan 148(k) *Cobbold Commission* dan Perenggan 18 Laporan IGC yang kini dimasukkan dalam Perlembagaan melalui pindaan definisi persekutuan dalam Artikel 160(2) pada Disember 2021, termaktub dalam Artikel 14 Bahagian III Perlembagaan melalui perundangan atau *by operation of law* untuk rakyat Sabah dan Sarawak pada Hari Malaysia serta peruntukan yang lain yang dibaca bersama dengan Jadual Kedua.

Keadaan ini harus dikekalkan untuk Sabah dan Sarawak oleh kerana apa-apa pindaan berkenaan kewarganegaraan perlu persetujuan Sabah dan Sarawak; Artikel 161E(1) dan juga mengikut Artikel 161E(2)(a).

Puan Speaker, untuk apa-apa pindaan kepada Perlembagaan, cadangan pindaan haruslah progresif, bukan regresif. Daripada cadangan-cadangan pindaan, hanya satu sahaja yang progresif iaitu untuk menurunkan kewarganegaraan melalui

ibu atau bapa, bukan hanya bapa. Malangnya, untuk cadangan pindaan yang lain, ianya boleh menghakis dan meminggirkan hak kewarganegaraan untuk rakyat Sabah dan Sarawak yang berhak mendapat kewarganegaraan melalui perundangan atau *operation of law*.

Pindaan yang menukar secara *by operation of law* kepada pendaftaran atau *registration* adalah melanggar janji-janji kewarganegaraan untuk Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar pindaan yang menukar cara mendapat kewarganegaraan daripada perundangan *by operation of law* kepada pendaftaran tidak terpakai di Sabah dan Sarawak. Pindaan-pindaan tersebut haruslah dirujuk balik kepada Kerajaan Sabah dan Sarawak.

Puan Speaker, rakyat Sabah mesti berwaspada, masih berwaspada dan curiga kepada kerajaan pusat mengenai kewarganegaraan Sabah akibat tindakan buruk yang lalu seperti Projek IC dan tindakan menafikan kewarganegaraan kepada Orang Asal Sabah melalui tindakan Jabatan Pendaftaran Negara. Melalui Projek IC, kad pengenalan dan kewarganegaraan telah diberi kepada pendatang asing tanpa izin atau PTI. Jumlah warga asing yang diberi kewarganegaraan melalui ini berjumlah hampir 1.5 juta. Hampir sama dengan penduduk tulen.

Ini telah mengubah demografi Sabah dan dilakukan dengan niat jahat pada waktu itu untuk menumbangkan Kerajaan Sabah yang dipilih melalui proses demokrasi. Pemberian IC kepada PTI tidak mengikut undang-undang adalah satu penemuan oleh RCI mengenai pendatang asing di Sabah seperti yang ternyata dalam Laporan RCI. Laporan RCI juga tersebut menyatakan penemuan bahawa orang-orang yang tidak berkelayakan berdaftar sebagai pengundi dalam daftar pemilih.

Puan Speaker, selain penemuan RCI tersebut, kita juga kerap kali mendengar kejadian di mana PTI-PTI ditangkap dengan IC palsu seperti guru dapat mengajar selama 29 tahun sebelum ditangkap dan disahkan menggunakan IC palsu. Pemegang IC palsu ditangkap juga, cuba menukar IC palsunya di Sandakan.

■1240

Satu nombor IC boleh dimiliki dan digunakan oleh pelbagai pemegang walaupun hanya satu nombor IC. Juga, pegawai-pegawai JPN dan sewaktu dengannya juga menganggotai sindiket mengeluarkan IC dengan kad IC yang sah tetapi dijual kepada yang tidak layak.

Oleh yang demikian, saya meminta Kerajaan Madani menyemak semula IC yang dikeluarkan dalam keadaan yang meragukan dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pemegang-pemegang IC yang diragui ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila gulung.

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Salah satu lagi mengenai kewarganegaraan rakyat Sabah dan di Sarawak adalah penafian kewarganegaraan kepada Orang Asal Sabah dan Sarawak oleh Kerajaan Pusat melalui Jabatan Pendaftaran Negara. Masih terdapat adik-beradik umpamanya di mana ada yang mendapat IC, MyKad dan adik-beradik yang lain dinafikan MyKad.

Juga terdapat yang tinggal jauh di pedalaman yang tidak dapat mematuhi keperluan JPN seperti pembuktian kelahiran dan penetapan tempat duduk lama dan sijil nikah yang tidak diiktiraf dan tidak mendapat kewarganegaraan atau IC MyKad. Mereka hanya diberi IC merah atau pemastautin tetap. Dengan pindaan, anak dan cucu cicit mereka akan kehilangan hak kewarganegaraan melalui undang-undang dan perlu memohon untuk didaftarkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Untuk menyelesaikan dan menentukan kewarganegaraan rakyat Sabah dan Sarawak, saya mencadangkan kita berubah dan memberikan mekanisme yang betul. Kita biarkan penentuan kewarganegaraan Sabah dan Sarawak dibuat oleh Kerajaan Sabah dan Sarawak masing-masing. Penentuan ini kemudiannya dimaklumkan kepada JPN yang akan mengeluarkan MyKad. Proses ini akan menyelesaikan segala kes permohonan yang masih lagi tergantung...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila gulung.

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Ya. Mekanisme ini- terdapat sesuai oleh warga asing, rakyat Sabah adalah warga Malaysia seperti yang dipersetujui semasa pembentukan Malaysia. Akhir sekali, saya ingin menyeru bahawa pemberian kewarganegaraan Malaysia kepada rakyat Sabah dan Sarawak harus mengikuti apa yang dipersetujui tanpa mengira bangsa dan agama atau seolah-olah hanya berpihak dan berat sebelah kepada satu bangsa.

Sekiranya kerajaan masih kekal menghendaki kelulusan semua pindaan yang dicadangkan, saya mencadangkan supaya pewujudan satu mekanisme melibatkan peranan Sabah dan Sarawak seperti mewujudkan suruhanjaya atau jawatankuasa kewarganegaraan Sabah dan Sarawak. Menetapkan dengan jelas SOP atau *terms* rujukan untuk pemberian kewarganegaraan rakyat Sabah, Sarawak. SOP tersebut harus menangani ketidakkonsistennya pemberian MyKad yang ada sekarang di mana ada yang diberi, ada yang ditolak...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Masa sudah tamat, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Sedikit lagi. Menubuhkan juga satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk memantau pelaksanaan Jawatankuasa Suruhanjaya Kewarganegaraan tersebut dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kerana kelmarin menyentuh tentang *way out* untuk *local PR*. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Keningau.

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Keningau mohon...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: ...Mengucapkan terima kasih dan harap cadangan itu diambil kira. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Keningau. Saya jemput Yang Berhormat Tuaran.

12.44 tgh.

Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua kerana memberi peluang pada Tuaran untuk turut berbahas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024.

Puan Yang di-Pertua, antara tanggungjawab yang paling penting semua Ahli-ahli Parlimen ialah untuk mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Semua kita telah mengangkat sumpah untuk mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab itu, apabila satu-satu rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan ini, kita mesti sangat-sangat teliti.

Kalau kita tengok daripada segi sejarah sejak pembentukan Malaysia 1963, Perlembagaan Persekutuan ini telah pun dipinda sebanyak 58 kali. Pindaan begitu kerap, begitu banyak pindaan ini telah dibuat kerana *the reactionary*. Ada perkara yang berlaku, dia *react*. Oleh sebab itu, ada kecelaruan berlaku.

Kita ambil contoh fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan. So, dipinda dua kali. Pertama kali 1976. Dia dipinda selepas itu pada tahun 2022. Kita pinda lagi, balik ke asal. Satu lagi kes ialah Perkara 122 iaitu pelantikan hakim mahkamah, *judicial commissioner* untuk mahkamah Sabah dan Sarawak. Telah dipinda di Dewan yang mulia ini pada tahun 1994 tanpa meminta, merujuk kepada kerajaan Sabah dan

Sarawak. Oleh sebab itu, pada hari ini pindaan itu tergantung statusnya. Perkara 122 itu. Apakah pindaan yang telah kita buat ini terpakai atau tidak?

Saya Tuaran, sebagai Ahli Parlimen lima Penggal. Saya telah memperjuangkan perkara ini meminta apakah status pindaan tersebut dan terakhir yang disebut oleh Menteri Undang-undang ketika itu, hari ini dia sudah jadi TYT Sarawak menyatakan bahawa *test it in the court*. Cuba lah di mahkamah.

Itulah yang telah berlaku apabila pindaan Perlembagaan ini, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dibuat seperti juga meminda mana-mana akta. Apa yang ingin saya cadangkan Puan Yang di-Pertua ialah setiap kali Perlembagaan Persekutuan ini dipinda, saya mohon supaya mandatori. Mandatori dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang dianggotai oleh semua parti politik yang ada di Dewan ini. Kenapakah tidak? Sebab kita ini bertanggungjawab. Kita telah mengangkat sumpah. Saya sudah menganggotai beberapa Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang perkara seperti ini.

Antaranya *Anti-Hoping Law*. Saya pun juga anggota di sana. Kami telah mempertimbangkan setiap perkataan dan sebagainya, akhirnya hari ini kita nampak masih ada kekurangannya. Sebab itu kita tidak perlu tergesa-gesa. Kita ambil contoh hari ini, kita memperjuangkan hak wanita. Hak wanita disamakan hak lelaki ya. Wanita Malaysia berkahwin dengan orang asing, anaknya lahir di luar negara tidak mendapat automatik kewarganegaraan seperti yang lelaki dan sebagainya. Hari ini dibuat, terima kasih kita menyokong pindaan ini, tetapi hak wanita, isteri kepada suami yang asing ini, bila dia ikut suami di sini, dia kena *give up* dia punya kerakyatan asal, tetapi kalau dalam masa dua tahun perkahwinan itu dibubarkan, maka kerakyatan, kewarganegaraan Malaysia kepada wanita itu, ia akan hilang. Apakah jadi dengan wanita ini? Wanita ini akan menjadi *stateless*.

Jadi, alang-alang memperjuangkan hak wanita, perjuangkanlah terus, tetapi yang ini tidak diperjuangkan. Ini lah yang berlaku apabila kita *rush*. Kita tidak pertimbangkan dengan halus. Sebab itu sekali lagi saya mencadangkan ya. Ini tiada masalah ini, banyak lagi yang perlu bahaskan di sana, tetapi saya mencadangkan *make it mandatory*.

Setiap kali Perlembagaan Persekutuan Malaysia ini dipinda, hendaklah terlebih dahulu dirujuk dahulu. Biar sendiri Menteri yang menyatakan, kerajaan ada cadangan meminda ini tetapi saya mohon rujuk dahulu kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk ini, lepas itu kita pertimbangkan. *There must be a maximum*. Jangan kita dalam masa 61 tahun ya, sudah 58 kali lepas itu, pinda lagi, pinda lagi dan sebagainya.

Kita banding dengan Perlembagaan Persekutuan lain seperti *United States*, berapa tahun sudah *United States*, baru berapa kali dia orang pinda. Sebab *we are reacting to the situation*. Kita tidak pertimbangkan apakah kesan pindaan ini terhadap Perjanjian Malaysia sebagai contoh pembentukan negara ini, apa kesan dia terhadap pelbagai keadaan negara kita? Jadi, itulah saya dalam keadaan *the eleventh hour* ini, mahu mengundi sudah dan sebagainya, saya mahu mencadangkan supaya pastikan, sebab kalau tidak kita ini gagal sebagai Ahli-ahli Parlimen. Kita angkat sumpah mempertahankan Perlembagaan, lepas itu apabila begini kita tidak mampu pertahankan Perlembagaan hanya kerana Perlembagaan Persekutuan dipinda mengikut seperti juga pindaan mana-mana akta.

■1250

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila gulung.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Puan Yang di-Pertua, sekali saya mencadangkan supaya itu dan yang saya sebut tadi itu Perkara 122 . Saya mohon kerajaan supaya *rectify* kan, kita sudah silap, kita tidak meminta kebenaran dan tidak merujuk Kerajaan Sabah dan Sarawak. Tetapi dia tergantung, jangan menunggu mengatakan bahawa oh rujuk dulu pergi mahkamah, biar mahkamah buat keputusan. Kita ini adalah *higher institution*, kita yang menentukan bukan mahkamah. Kita sudah tahu kita silap, kita buat. Dan begitu juga banyak *provision* dalam Perlembagaan Persekutuan ini telah dipinda, telah dihapuskan tanpa mengikut apa yang dikehendaki dalam Pembentukan Malaysia.

Jadi itulah apa yang Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan sekali lagi, tolong, saya harap kawan-kawan rakan-rakan semua menyokong supaya mana-mana pindaan selepas ini Perlembagaan Persekutuan hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran, saya jemput Yang Berhormat Gerik.

12.51 tgh.

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Puan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada Gerik untuk membahaskan RUU Perlembagaan berkenaan kewarganegaraan pindaan 2024. Puan Yang di-Pertua, isu mengenai pindaan RUU Perlembagaan kewarganegaraan di Parlimen Malaysia berkisar kepada hak kewarganegaraan untuk anak-anak yang lahir di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia. Ketika ini Perlembagaan Persekutuan hanya membenarkan anak-anak

yang lahir di luar negara memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik jika bapa mereka adalah warganegara Malaysia. Ibu tidak diberikan hak yang sama, dan ianya dilihat sebagai satu diskriminasi terhadap wanita.

Jadi ibu bapa kumpulan hak asasi manusia, NGO, pakar Perlembagaan juga rakan-rakan kita ahli politik menyuarakan sokongan untuk pindaan ini dengan menyatakan bahawa ia adalah satu langkah penting ke arah kesaksamaan gender. Sebaliknya terdapat juga pihak yang bimbang tentang implikasi keselamatan dan kewarganegaraan berganda bila pindaan ini dilaksanakan.

Pindaan ini telah dibawa ke perhatian Parlimen pada Oktober 2023 yang lalu dan menjadi perdebatan hangat sehingga kini bagi mereka yang menyokong perubahan bagi mempromosikan kesaksamaan gender dengan mereka kumpulan yang ingin mengekalkan status quo sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat isu hak kewarganegaraan untuk anak-anak yang lahir di luar negara, terdapat beberapa isu lain berkaitan RUU Perlembagaan ini. Yang pertama, kewarganegaraan tanpa negara, terdapat perbincangan mengenai anak-anak yang lahir di Malaysia tetapi tidak diiktiraf sebagai warganegara oleh mana-mana negara. Isu ini mencetuskan kebimbangan kanak-kanak tersebut menghadapi kesulitan untuk mengakses pendidikan perkhidmatan asas.

Yang keduanya, kewarganegaraan melalui perkahwinan, RUU ini juga melibatkan isu berkaitan individu yang berkahwin dengan warganegara Malaysia dan proses permohonan kewarganegaraan mereka ada desakan untuk mempercepatkan dan mempermudah proses bagi pasangan warganegara Malaysia untuk mendapatkan kewarganegaraan. Terutama jika mereka sudah lama menetap di negara ini.

Yang ketiganya, kewarganegaraan automatik untuk anak angkat. Juga menjadi isu, ada juga cadangan untuk memudahkan proses bagi anak angkat yang diambil oleh warganegara Malaysia.

Semua isu ini menunjukkan bagaimana RUU kewarganegaraan ini menjadi medan perdebatan yang mencerminkan keperluan untuk kita menyeimbangkan antara hak asasi manusia, kesaksamaan gender serta kepentingan keselamatan, kedaulatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat pandangan pensyarah-pensyarah dan pakar Perlembagaan berkenaan isu ini. Antaranya pensyarah undang-undang seperti Dr. Shad Saleem Faruqi UiTM Shah Alam, seorang pakar Perlembagaan yang terkemuka sering menyuarakan bahawa Malaysia harus perbaiki aspek ini di dalam undang-undang negara bagi mencerminkan prinsip kesaksamaan gender. Mereka

berpendapat bahawa wanita warganegara Malaysia harus diberikan hak yang sama seperti lelaki untuk memindahkan kewarganegaraan kepada anak mereka tanpa mengira tempat kelahiran.

Manakala pakar seperti Profesor Shamrahayu Abd. Aziz, UIA dan juga seorang pakar Perlembagaan menyatakan bahawa pindaan yang melibatkan kewarganegaraan perlulah ditangani dengan cermat dan teliti kerana ia bukan sekadar soal hal kesaksamaan gender tetapi ia juga adalah soal menjaga keutuhan Perlembagaan dan kepentingan keselamatan warganegara.

Satu lagi perkara adalah hak kepada kanak-kanak tanpa negara. Beberapa pensyarah dan pakar Perlembagaan juga turut menekankan isu kanak-kanak tanpa negara ini yang lahir di Malaysia tetapi tidak diiktiraf sebagai warganegara. Mereka menganggap ini adalah satu masalah kemanusiaan yang memerlukan perhatian yang segera kerana kanak-kanak ini tidak mendapat akses kepada hak asasi termasuk pendidikan dan penjagaan kesihatan.

Bahagian ini sering kali disokong oleh aktivis hak asasi manusia dan pakar undang-undang juga berpendapat Perlembagaan harus diubah bagi mengatasi masalah ini. Secara keseluruhan hanya pandangan pakar Perlembagaan negara kita berbeza-beza dengan sesetengah penyokong pindaan RUU ini atas dasar kesaksamaan hak asasi manakala yang lain lebih berhati-hati kerana bimbang dengan tentang kesan dan keselamatannya kepada kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan RUU ini juga, dilihat memungkinkan beberapa kesan kepada keselamatan dan kedaulatan negara seperti terutamanya isu kewarganegaraan berganda. Salah satu kebimbangan utama ialah peningkatan kes kewarganegaraan berganda di mana Malaysia tidak mengiktiraf kewarganegaraan berganda ini.

Yang kedua adalah isu penyeludupan kewarganegaraan. Pindaan ini juga berpotensi membuka ruang kepada penyalahgunaan atau manipulasi proses kewarganegaraan. Yang ketiganya isu masalah seperti imigrasi dan pendaftaran tanpa tapisan. Yang keempatnya, isu kesetiaan dan keselamatan dalam negara. Yang kelima, isu kerosakan terhadap integriti kewarganegaraan dan akhir sekali tentang isu berkenaan dengan ancaman kepada keselamatan ekonomi.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila gulung.

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ancaman kepada keselamatan ekonomi ini terdapat juga potensi ancaman kepada keselamatan ekonomi dalam negara. Individu yang memperoleh kewarganegaraan melalui pindaan ini mungkin menggunakan status warganegara

mereka untuk mengambil manfaat faedah ekonomi yang ditawarkan dalam negara, tanpa mereka benar-benar menyumbang kepada pembangunan negara. Dalam jangka masa yang panjang ini boleh memberi tekanan sumber ekonomi dan kemudahan awam dalam negara.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan, kerajaan Malaysia perlu mewujudkan sistem pemantauan dan penilaian jika akta ini diluluskan kerana selepas pindaan ini diluluskan Parlimen perlu mewujudkan sistem pemantauan yang berterusan untuk menilai undang-undang kewarganegaraan yang baru. Ia termasuk yang pertama audit berkala terhadap proses permohonan kewarganegaraan dan yang kedua adalah kajian semula undang-undang jika perlu.

Akhir kata, kita berpendapat dengan langkah-langkah ini Parlimen boleh memastikan bahawa pindaan kepada RUU kewarganegaraan bukan sahaja mempromosikan kesaksamaan gender dan keadilan sosial tetapi ia juga melindungi keselamatan serta kedaulatan negara secara berkesan. Sekian, Gerik mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: kasih Yang Berhormat Gerik saya jemput Yang Berhormat Sandakan.

12.58 tgh.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Terima kasih, Puan Speaker, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian dalam negeri dan kerajaan Malaysia yang akhirnya mengiktirafkan hak ibu warganegara Malaysia di luar negara, di mana pindaan ini adalah sangat bermakna untuk anak-anak yang dilahirkan di luar negara kepada ibu warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun Puan Speaker, saya ada beberapa pertanyaan untuk sebahagian daripada pindaan tersebut.

Yang pertama fasal tambahan di bawah pindaan perkara 18, yang menyatakan bahawa, *(1A) seseorang di bawah umur 18 tahun yang menjadi warganegara melalui pendaftaran hendaklah apabila mencapai umur 18 tahun mengangkat sumpah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan jika orang itu tidak mengangkat sumpah dalam 48 bulan selepas dia mencapai umur 18 tahun, dia hendaklah berhenti menjadi warganegara.*

Jadi mengapakah kerajaan mencipta lebih banyak kerja untuk seseorang yang berkenaan dan rakyat sedangkan sebelum itu seseorang itu telah boleh telah menjadi warganegara melalui pendaftaran. Jadi dia perlu buktikan bahawa dia tidak

memegang kerakyatan negara yang lain. Jadi inilah akan tambahan birokrasi yang tidak perlu.

Okay seterusnya pindaan berkenaan pada 26, di mana tarikh perkahwinan itu diganti oleh tarikh pemerolehan kewarganegaraan melalui pendaftaran. Jadi saya ingin bertanya kepada negeri dalam negeri sekiranya kerakyatan wanita berkenaan ditarik balik kerana dia bercerai dengan suami warganegara Malaysia kurang daripada dua tahun selepas mendapat kewarganegaraan Malaysia.

Jadi apakah akan berlaku kepada statusnya, adakah dia akan berhadapan dengan situasi untuk menjadi seorang tanpa kerakyatan. Jadi Puan Speaker sebagai seorang Ahli Parlimen dari Sabah saya juga sangat prihatin dengan isu pendatang tanpa izin dan juga tanpa kerakyatan yang sudah lama berlarutan di Sabah. Jadi tiada satu pindaan pun yang dicadangkan untuk menangani isu migran dan tanpa kerakyatan yang serius yang kami sedang berhadapan di Sabah.

Jadi saya perlu satu hala tuju daripada kerajaan bagaimana kami boleh menangani isu pendatang tanpa izin dan juga tanpa kewarganegaraan. Ia berdasarkan data daripada Kementerian Dalam Negeri pada awal tahun ini, terdapat sejumlah 136,055 orang di Sabah kini memegang kad IMM13, kad banci dan kad burung yang dikeluarkan oleh KDN sebelum ini. Jadi bolehkah KDN menyatakan dengan jelas apakah status sebenarnya golongan ini yang telah menetap di Sabah dalam tempoh yang agak lama?

Adakan mereka berhak untuk bekerja dan juga adakan mereka berhak untuk pergi ke sekolah awam dan juga menikmati perubatan awam atau kadar subsidi? Jadi ini adalah soalan semuanya yang kami ingin mendapatkan daripada kerajaan.

Jadi Puan Speaker, pusat khidmat rakyat di Sandakan juga menerima ratusan permohonan sepanjang lima tahun lepas berkenaan isu kewarganegaraan. Dalam kebanyakannya kes kanak-kanak tidak dapat didaftarkan sebagai warganegara Malaysia, kerana ibu bapa mereka tidak mendaftar perkahwinan mereka secara rasmi atau perkahwinan kampung. Jadi hanya disebabkan oleh fakta tersebut ibunya tidak ada dokumen dan beberapa kes yang di mana kanak-kanak atau bayi ditinggalkan oleh ibunya, mereka tidak mendapat kewarganegaraan walaupun sehingga aplikasi banyak kali telah disampaikan kepada JPN tetapi tiada apa status ataupun *update* dengan izin.

Juga saya ingin tanya mengenai anak angkat secara sah oleh ibu bapa Malaysia. Jadi apabila ada kes-kes seperti ini berlaku mereka sering kali akan diangkat oleh saudara mara – angkatan secara khas, tetapi mereka juga tidak dapat mendaftar sebagai warganegara Malaysia kerana ibu kandung mereka tidak dapat

ditemui atau pun tiada sebarang dokumen walaupun mereka telah diangkat secara sah untuk – banyak-banyak tahun sudah daripada umur bayi, juga ini pendaftaran secara tidak lancar.

Kami akan membaca dari surat khabar beberapa kes telah diluluskan melalui mahkamah tetapi soalan saya adalah berapa purata kes yang telah diluluskan? Jadi semua kanak-kanak dan belia ini dikatakan ditinggalkan sebagai tidak ada warganegara dalam masyarakat kita. Biar saya jelaskan saya tidak meminta mereka semua diberikan kerakyatan tetapi apa yang saya minta adalah *a way forward* dengan izin untuk golongan ini agar mereka tidak terus tersepit dalam situasi itu seumur hidup.

Jadi Puan Speaker, saya tidak hanya bercakap mengenai beberapa ratus kes ini, kami ada beberapa ratus ribu kes yang berpotensi yang sekarang berada di Sabah, kes yang sangat *similar*. Jadi ini adalah mengenai isu keselamatan negara juga sebab hampir kesemua mereka dilahirkan di Sabah dengan sijil lahir bukan warganegara. Malah mereka juga tidak ada sebarang dokumen.

Jadi saya faham, kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing Sabah (JKPWAS) serta Jawatankuasa Khas Status Kewarganegaraan (JKKSK) dalam tempoh berapa ketika ini. Persoalan saya adalah apakah hasil daripada mesyuarat daripada kedua-dua jawatankuasa ini dan apakah cara yang terbaik yang boleh kami diperolehi untuk bergerak ke hadapan, jadi kami perlukan jawapan.

Jadi Puan Speaker saya telah menyatakan semua ini berkali-kali mengenai isu migran dan juga kerakyatan, oleh itu kita mesti meneruskan isu ini dengan bersungguh-sungguh supaya kami boleh menangani semua isu ini. Jadi apabila kita menyelesaikan isu migran kita, Sabah benar-benar boleh bergerak ke hadapan sebagai sebuah negeri dengan yakin. Jadi oleh itu saya memohon dengan Kementerian Dalam Negeri menjawab semua soalan daripada Sandakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Sandakan. Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan sekarang jam telah menunjukkan pukul 1.05 tengah hari, saya menangguhkan mesyuarat sekarang dan akan bersambung semula jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.05 tgh.]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Alice Lau Kiong Yieng) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Saya jemput Yang Berhormat Kubang Pasu.

2.33 ptg.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Puan Yang di-Pertua, perbahasan ini amat penting kerana ia melibatkan pindaan Perlembagaan Persekutuan mengenai kewarganegaraan. Sesungguhnya kewarganegaraan ini adalah anugerah tertinggi bagi seseorang individu oleh negara. Sebab itu prosesnya perlu cermat dan teliti. Antara tujuan diwujudkan peruntukan kewarganegaraan ialah memelihara keselamatan dan kedaulatan negara. Melindungi hak individu dan akses kepada perkhidmatan, memelihara identiti bangsa, budaya dan negara, mengelakkan ketiadaan negara, *stateless*, seterusnya semangat cintakan tanah air.

Puan Yang di-Pertua, RUU Perlembagaan (Pindaan) 2024 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri KDN mengandungi 12 Fasal. Di sini saya hanya akan menyentuh beberapa Fasal yang penting dalam masa yang terhad ini.

Pertamanya, meminda Perkara 15(1) yang mewajibkan syarat tambahan bahawa pemohon mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam Bahasa Melayu. "Mencukupi" di sini sedikit sebanyak adalah objek *very subjective* dan perlu diperjelaskan. Pindaan ini penting bagi memastikan individu yang dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia mempunyai asas Bahasa Melayu yang merupakan salah satu identiti Malaysia, lambang jati diri masyarakat Malaysia dan satu alat perpaduan selaras dengan kedudukan dan taraf Bahasa Melayu yang telah termaktub di bawah Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan. Kubang Pasu menyokong.

Seterusnya, meminda Fasal 15(2), 19(1), 23(1) dan 26A dan Seksyen 9, Bahagian III, Jadual Kedua, yang mana umur bagi tujuan perolehan dan penamatan kewarganegaraan diturunkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

Seterusnya, memasukkan peruntukan baharu Perkara 18(1A) iaitu mana-mana orang di bawah umur 18 tahun memperoleh kewarganegaraan melalui pendaftaran, untuk mengangkat sumpah selepas mencapai umur 18 tahun dan perlu

mengangkat sumpah dalam tempoh 48 bulan, jika tidak, ia akan terhenti menjadi warganegara.

Seterusnya Puan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan boleh melalui Perintah, melucutkan kewarganegaraan mana-mana perempuan yang menjadi warganegara melalui pendaftaran di bawah Fasal 1, di bawah Perkara 15 jika berpuas hati bahawa perkahwinan yang disebabkan olehnya, perempuan itu didaftarkan, telah dibubarkan melainkan disebabkan kematian dalam tempoh dua tahun mulai daripada tarikh pemerolehan kewarganegaraan melalui pendaftaran. Ini dibuat bagi mengelakkan masalah kewujudan *marriage of convenient*, dengan izin, untuk mendapat kewarganegaraan.

Seterusnya, Bahagian II, Jadual Kedua meminda Perenggan 9, Seksyen 1, menamatkan pemberian kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang kepada anak pemastautin tetap. Bermakna, seorang kanak-kanak yang lahir di Persekutuan dan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya pada masa kelahiran itu bermastautin secara tetap di Persekutuan, tidak lagi layak untuk mendapat kewarganegaraan secara satu, kerana kuat kuasa undang-undang. Ini satu pindaan yang cukup baik.

Seterusnya, ini penting dan diperjuangkan oleh sebelah sana dan sebelah sini. Meminda Bahagian I, Jadual Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan hak yang sama kepada kanak-kanak yang lahir di luar Persekutuan, yang ibunya pada masa kelahiran itu seorang warganegara, untuk memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang. Sebelum pindaan ini, kanak-kanak yang lahir di luar Persekutuan hanya boleh memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang jika bapanya sahaja pada masa kelahiran, seorang warganegara.

Puan Yang di-Pertua, dalam perbahasan pindaan Perlembagaan mengenai kewarganegaraan ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara. Kalau ada masa, satu perkara sahaja. Tidak ada masa, satu perkara sahaja yang berhubung kait dengan subjek ini. Antaranya pertama, Kad Pengenalan palsu ataupun *fake IC*.

Soalan saya kepada Menteri KDN, berapakah anggaran jumlah Kad Pengenalan palsu yang berlegar ketika ini berdasarkan pada tangkapan yang dibuat terhadap Kad Pengenalan palsu? Isu ini memang serius dan merupakan masalah yang besar kepada negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila gulung.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]: Sedikit sahaja, gulung. Hendak gulung ini – yang dilaporkan oleh *The Star* pada 16 Julai

2024. Seorang lelaki warga Indonesia memiliki Kad Pengenalan palsu di penjara 20 tahun dan telah diperhatikan dalam masa lima tahun, 477 kes iaitu dari tahun 2019-kes Kad Pengenalan palsu ini telah dijumpai. Ini dilakukan oleh ejen-ejen yang bergerak secara mudah alih di Lembah Klang. Saya percaya angka ini hanyalah *the tip of the iceberg*. Sesungguhnya, angka sebenar lebih besar daripada itu.

Persoalannya, apa tindakan yang diambil oleh kerajaan- KDN dalam isu ini dan dengan itu, Kubang Pasu mencadangkan seperti berikut. Semua rakyat Malaysia mendaftar semula dan diberikan digital IC. Aplikasi biometrik mampu mengesan dan seterusnya, maklumat dihantar terus kepada JPN. Kita boleh belajar dari sebuah negara Jerman bagi melaksanakan projek ini.

Mereka yang mempunyai Kad Pengenalan Biru boleh dianggap sebagai warganegara, sungguhpun ia adalah palsu...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Masa sudah tamat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]: Puan Yang di-Pertua, ini gulung betul... *[Ketawa]* Tadi tak berapa hendak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Masa sudah tamat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]: Puan Yang di-Pertua, pindaan ini tepat pada masa dan mengikut kehendak semasa. Tahniah kepada Menteri KDN. Maka dengan itu, Kubang Pasu menyokong semua pindaan ini. Sekian, *Wabilahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu. Saya jemput Yang Berhormat Tawau.

2.39 ptg.

Tuan Lo Su Fui [Tawau]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Salam sejahtera Malaysia dan salam Sabah Maju Jaya.

Saya ingin mengalu-alukan rombongan daripada Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat, Jabatan Ketua Menteri Sabah yang diketuai oleh YB Datuk Limus Jury- Pembantu Menteri Kerja Raya Negeri Sabah, ahli rombongan MP Sipitang... *[Ketawa]*

■1440

Puan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri atas usaha beliau dalam menyelesaikan

banyak isu berkaitan kewarganegaraan di seluruh Malaysia, khususnya di Sabah. Kini, Menteri telah berjaya mengusulkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 yang merupakan satu langkah penting ke arah keadilan sosial dan penyelesaian pelbagai masalah kewarganegaraan.

Namun demikian, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada salah satu penyumbang utama kepada masalah kewarganegaraan Orang Asal di Sabah iaitu golongan anak-anak tanpa kewarganegaraan akibat perkahwinan tanpa Sijil Nikah walaupun bapanya merupakan Warganegara Malaysia, tetapi ibu merupakan warga asing.

Saya hairan dan ingin bertanya, kenapa dalam kes di mana bapa adalah warga asing dan ibu warganegara tanpa Sijil Nikah, anak mereka masih layak mendapat kewarganegaraan? Sedangkan menurut Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Perenggan 15(2), tidak menyebut keperluan Sijil Nikah, tetapi hanya menetapkan bahawa jika salah seorang ibu atau bapa adalah warganegara, anak tersebut layak mendapatkan kewarganegaraan.

Puan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan, saya bukan membela pendatang tanpa izin (PATI), tetapi saya memperjuangkan nasib anak-anak yang menjadi mangsa keadaan akibat masalah yang timbul akibat daripada kepincangan ini. Oleh itu, saya menyeru agar isu ini tidak dipolitikkan dan dipolemikkan. Kita harus melihatnya sebagai isu kemanusiaan di mana hak asasi anak-anak ini harus diutamakan.

Disebabkan mereka dianggap bukan warganegara, hak asasi mereka untuk belajar, mendapat perkhidmatan hospital dan bekerja dirampas. Sebagai manusia, mereka berhak mendapatkan pendidikan. Namun, hal ini dinafikan. Mereka juga tidak mempunyai peluang untuk bekerja secara sah, tidak boleh membuka akaun bank, menyumbang kepada KWSP atau dilindungi oleh SOCSO. Malah, walaupun ada yang bekerja, mereka sering dieksploitasi oleh segelintir majikan yang tidak bertanggungjawab.

Puan Yang di-Pertua, saya menyambut niat baik inisiatif kerajaan untuk memberi perlindungan, pendidikan dan pekerjaan kepada pemegang kad UNHCR yang warga asing di Semenanjung Malaysia. Namun, individu yang lahir di Malaysia dan bapa mereka merupakan warganegara berhadapan dengan isu prosedur kewarganegaraan, tetapi tidak diberi peluang yang sama.

Kita mesti memahami anak-anak ini tidak diminta untuk dilahirkan dalam keadaan sebegini. Mereka dilahirkan di sini, dibesarkan di sini dan tidak mengenali tanah air lain selain Malaysia. Justeru, menjadi tanggungjawab kita untuk

memastikan mereka tidak terus terpinggir agar tidak menjadi beban kepada negara. Sedangkan, mereka sebenarnya mampu menjadi penyumbang pembangunan ekonomi negara.

Oleh itu, saya sekali lagi menyeru agar hak mereka yang mempunyai bapa warganegara dikembalikan dengan memberikan pas belajar dan pas bekerja yang tidak mempengaruhi permohonan kewarganegaraan sementara menunggu keputusan permohonan.

Saya ingin tegaskan sekali lagi, perjuangan saya bukan membela PATI, tetapi Orang-orang Asal yang berhak mendapat kewarganegaraan dan saya berjuang bukan hanya untuk Sabah, tetapi demi kesejahteraan Malaysia.

*Tanpa dokumen anak merana,
Belajar bekerja tidak diterima,
Wahai Madani tolong mereka,
Agar Malaysia kekal sejahtera.*

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Tawau. Saya jemput Yang Berhormat Bukit Gantang.

2.44 ptg.

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Puan Speaker, rakan-rakan Ahli Parlimen. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam madani.

Saya amat berbangga dan sepatutnya rakyat Malaysia kena berbangga. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus melihat bahawa negara kita ini negara yang dihormati. Jika kita ke luar negara, kita bawa Pasport Malaysia. Negara-negara yang boleh membenarkan kita masuk tanpa visa ialah sebanyak 124 buah negara. Tidak perlu visa. *Global Passport Index* menunjukkan ranking Malaysia pada ranking yang kesepuluh. Bermakna, Warganegara Malaysia diterima pergi ke mana-mana pun. Sebab itu, ramai yang berminat untuk menjadi Warganegara Malaysia. Macam-macam cara mereka usahakan. Ada yang hendak membeli dan ada sindiket juga yang menjual pasport-pasport.

Fasal 10. Saya hendak sentuh kerana tajuknya itu penting iaitu telah dipinda kepada "*Sumpah Pelepasan, Kesetiaan dan Taat Setia.*" Mana-mana permohonan untuk menjadi warganegara, selain daripada prosedur yang telah ada, saya mencadangkan bahawa Kementerian Dalam Negeri perlu mengadakan kursus

ataupun syarat-syarat supaya pemohon-pemohon ini memahami, mengetahui bagaimana budaya di Malaysia ini.

Sebagai manifestasi kepentingan kesetiaan dan taat setia mendaulatkan negara ini, oleh itu kerajaan perlu memastikan siapa sahaja yang berhasrat menjadi warganegara perlulah bersedia untuk mendukung dan mempertahankan Rukun Negara sebagai cara hidup. Bukan hanya mengangkat sumpah, tetapi tidak memahami isi kandungannya.

Puan Yang di-Pertua, Fasal 7. Fasal 7 ialah untuk melepaskan Warganegara Malaysia ditambahkan dengan ada *screening* keselamatan. Bagi mereka yang hendak menyerahkan balik pasport Malaysia, patutnya kita buat *screening* supaya tidak ada isu-isu keselamatan dan mungkin ada hutang dan sebagainya, patut diselesaikan dahulu. Pindaan ini, bagi saya, adalah amat baik sekali kerana ia memberikan kuasa kerajaan untuk memastikan siapa sahaja yang melepaskan Warganegara Malaysia perlu disemak dan disiasat terlebih dahulu.

Saya ingin menyentuh Fasal 11 rang undang-undang meminda status ibu yang selama ini tidak boleh membawa anaknya sebagai warganegara, telah pun dipinda, iaitu salah seorang daripada ibu atau ayah Warganegara Malaysia, mereka akan layak menerima warganegara. Ini berita baik kepada semua kaum ibu, isteri-isteri yang mengahwini suaminya yang bukan negara Malaysia. Mereka boleh mendaftarkan anak mereka sebagai Warganegara Malaysia.

Saya yakin bahawa pihak kerajaan telah mengambil pertimbangan dari semua sudut khususnya sudut kemanusiaan dan implikasi yang bakal timbul sebelum pindaan ini dibuat.

Akhir sekali, saya mengharapkan agar pindaan Perlembagaan berkenaan kewarganegaraan ini dapat membentuk keseimbangan yang baik di antara penduduk dalam negara ini. Namun, sekiranya ada pertembungan antara kedua-dua pertimbangan tersebut, kerajaan haruslah mendahulukan pertimbangan keselamatan dan strategik...

■1450

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila gulung.

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]: Saya ucapkan tahniah kepada Menteri dan kementerian kerana berani membuat pindaan ini. Saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya jemput Yang Berhormat Jempol.

2.50 ptg.

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih Yang di-Pertua kerana memberikan peluang pada Jempol mengambil bahagian dalam perbahasan yang amat penting kali ini iaitu Akta Perlembagaan (Pindaan) 2024.

Puan Yang di-Pertua, pertama sekali Jempol ingin menarik perhatian Dewan kepada ketidakseimbangan yang wujud dalam Perkara 14 dan Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan.

Kita sedia maklum, seorang anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu Warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki bukan warganegara tidak mendapat kewarganegaraan secara automatik. Jempol berpandangan pindaan ini perlu dan wajar agar anak kepada ibu Warganegara Malaysia yang lahir di luar negara juga boleh mendapat kerakyatan secara automatik sejajar dengan hak kesamarataan berpandukan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, kerajaan harus memantau agar hak kerakyatan secara perundangan ini tidak disalahgunakan sehingga wujud kes dwi kewarganegaraan. Adalah jelas dasar Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf pemilikan lebih daripada satu kewarganegaraan.

Di bawah Perkara 24 Perlembagaan Persekutuan, jika didapati mana-mana Warganegara Malaysia mempunyai dwi kewarganegaraan maka Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan orang itu. Persoalan Jempol, apakah kerajaan mempunyai mekanisme untuk menyemak atau menyiasat rakyat Malaysia yang tinggal di luar Persekutuan memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara asing bagi mengelakkan terjadinya kes dwi kewarganegaraan?

Puan Yang di-Pertua, seterusnya pindaan Perkara 15(1)(c) Perlembagaan Persekutuan menetapkan syarat isteri yang memohon menjadi warganegara hendaklah mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam Bahasa Melayu. Seperti yang kita sedia maklum, syarat ini bukan sahaja berkaitan dengan keupayaan untuk berkomunikasi, tetapi juga sebagai simbol kesetiaan dan penghayatan terhadap identiti nasional. Mengusai Bahasa Melayu bukan sekadar formaliti, tetapi satu kewajipan yang memastikan bahawa setiap warganegara memahami asas budaya sejarah dan nilai yang kita pertahankan.

Persoalan Jempol, bagaimanakah kemahiran Bahasa Melayu ini akan diuji dan apakah mekanisme bagi memastikan penilaian ujian adalah selaras di setiap

lokasi temu duga bagi memastikan calon mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam Bahasa Melayu? Adakah di peringkat penilaian dan temu duga elemen seperti soalan sivik, sejarah dan kenegaraan seperti isu kontrak Perkara 153 dalam Perlembagaan termasuk dalam proses penilaian permohonan bagi memastikan pemohon benar-benar faham dan menghayati asas negara Malaysia.

Puan Yang di-Pertua, Jempol menyambut baik pindaan Perkara 18(1A) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa pemohon Warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 18 tahun hendaklah mengangkat sumpah berdasarkan Jadual Pertama dalam masa 48 bulan. Yang mana sekiranya gagal individu tersebut terhenti menjadi warganegara. Ini jelas menunjukkan ketegasan kerajaan agar setiap daripada pemohon yang menerima kewarganegaraan hendaklah mengikrarkan taat setia mereka kepada negara Malaysia yang tercinta ini.

Persoalan Jempol, apakah inisiatif kerajaan untuk memastikan mereka yang mendapat kewarganegaraan secara pendaftaran ini benar-benar faham akan maksud sumpah taat setia yang dilafazkan dan seterusnya menjadi seorang warganegara Persekutuan yang sebenar?

Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah [Indera Mahkota]: Jempol.

Dato' Haji Shamsulkahar bin Mohd Deli [Jempol]: Setia. Ya.

Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah [Indera Mahkota]: Terima kasih. Adakah maksud Jempol bila soal bahasa itu Yang Berhormat merujuk kepada suatu frasa yang sering kita gunakan, 'Bahasa Jiwa Bangsa'?

Dato' Haji Shamsulkahar bin Mohd Deli [Jempol]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Itulah asasnya 'Bahasa Jiwa Bangsa' bahawa bahasa itu penting. Sebagaimana kita lihat yang negara kita ini bahasa rasmi negara kita Bahasa Melayu dan dia memperjelaskan seperti yang dikatakan tadi 'Bahasa Jiwa Bangsa'. Terima kasih dan saya amat bersetuju...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila gulung.

Dato' Haji Shamsulkahar bin Mohd Deli [Jempol]: Akhir sekali Puan Yang di-Pertua, Jempol secara tegas menyatakan bahawa pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan berkaitan kewarganegaraan mesti dibuat dengan teliti kerana melibatkan aspek hak asasi manusia, tetapi juga daripada perspektif keselamatan dan masa depan negara kita. Jempol mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Saya jemput Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang dan sejahtera, apa khabar rakyat Malaysia, orang muda, 'Cik Puteh', saudara saudari sekalian.

Yang pertama sekali, rang undang-undang ini iaitu berhubung dengan pindaan Perkara 15(1) sekarang dimasukkan (c) di situ disebut, "*Pengetahuan yang mencukupi dalam bahasa Melayu.*" Kawan-kawan kita berucap malah saya terkejut sekali kawan belah sana berucap, mensyaratkan, memberi syarat ketat supaya perkataan- pengetahuan tentang Bahasa Melayu itu bukan dalam bentuk pengetahuan, tetapi dalam bentuk fasih. Fasih berbahasa Melayu, bukan pengetahuan yang mencukupi.

Sekarang ini saya dimaklumkan Jawatankuasa Temu Duga bila- belum pindaan, sekarang ini Seputeh, sekarang ini dia pergi temu duga, dia kata, temu duga kamu tanya apa tentang Bahasa Melayu? Dia kata kerajaan minta permudahkan.

Apa maksud "permudah"? Permudah kerana dia ada soalan yang ditanya itu 'A', 'B', 'C', 'D'. Cuba *you* baca 'E' itu *you* tanya 'A'- sudah pasti dia tak jawab. Ini lah satu perbuatan yang menyalahi undang-undang Perlembagaan, keluhuran Perlembagaan. Walaupun kebanyakan kita dah lupa tentang Rukun Negara, tetapi inilah kedaulatan undang-undang. Kita kena pastikan supaya mereka boleh fasih berbahasa Melayu.

Sekarang ini kita lihat rakyat Malaysia, saya pernah pergi satu negara saya tengok-tengok *passport* dia *passport* Malaysia. Saya tanya, "*Are you Malaysian?*" Dengan izin, dia kata, "*Yes*". Lepas itu saya tanya, "*Duduk di mana?*" "*I beg your pardon*" Dia kata. Dia tak faham. Saya tanya duduk di mana pun tak faham. *Are you Malaysian* dia faham, tapi bila tanya duduk di mana dia tak faham, tinggal di mana dia tak faham. Ini menunjukkan bahawa pemberian warganegara tentang penggunaan bahasa Melayu dibuat terlampau mudah.

Saya setuju. *Hat* yang ini saya dengan Jelutong bersama, kali pertama *you* bercakap kelmarin *you* ikhlas. Ikhlas ya? Iaitu mesti bagi syarat ketat sebab dia tahu semua akan diluluskan, kami- semua akan sokong, sudah pasti sebab apa, rang undang-undang ini telah pun dibincangkan di peringkat Majlis Raja-Raja. Majlis Raja-Raja minta diperketatkan.

Sudah pasti kami akan menyokong, kami akan menyokong Bajet. Kami sokong bukan main teruk, tapi peruntukan tak bagi. Tak guna betul!

Okey, mari tajuk ini balik- ini Speaker yang saya kasihi, ini penggunaan bahasa Melayu mesti diperketat. Saya syorkan Menteri yang dikasihi mesti diadakan kursus kalau nak kahwin kena ada *certificate* kursus kahwin. Kalau nak jadi

warganegara mesti ada *certificate* kursus bahasa Melayu, dia kena fasih bahasa Melayu tak boleh dipermudah yang itu. Jangan ada anak yang duduk di luar negara 18 tahun balik tergagap-gagap tak boleh cakap bahasa Melayu. Kita *Malaysian*, hari ini kita bukan buat pesta untuk bagi warganegara, kita nak tunjuk kepada dunia bahawa kita tak kejam macam negara-negara lain.

Saya ingin menyebut beberapa buah negara yang cukup kejam daripada segi warganegara, tapi saya tak mahu sebut sebab nak jaga air muka kerajaan dan sebagainya, tapi negara-negara ini walaupun negara ini negara membangun, tapi bahasa warganegara diperketat dengan begitu hebat. Banyak orang-orang di Malaysia, orang di Kuala Lumpur yang saya tak mahu sebut tempatlah sebab saya belajar di negara yang berkenaan, dia berkahwin dengan orang negara yang berkenaan, bila dia bercerai dia tak jadi warganegara cuma dia dapat pencen saja. Pencen negara yang berkenaan.

Dia syarat ketat, tapi hari ini kita telah menghebohkan seluruh dunia kehebatan kita bahawa kita memberi perlindungan kepada rakyat dunia, bukan ini-kalau rakyat Malaysia patutnya ada kaunter pendaftaran untuk tolong rakyat Malaysia, tak ada. Kita harap kebajikan dan sebagainya.

■1500

Macam DAP buat kaunter warganegara di *Penang* dan juga di Johor. Kalau boleh buat kaunter untuk rakyat yang kena banjir. Ramai yang kena banjir. Saya sudah minta kerajaan pertimbangkan bakul makanan kepada semua Ahli Parlimen.

Masa COVID-19 dulu Tan Sri Mahiaddin bagi kepada semua Ahli Parlimen termasuk pembangkang yang pernah duduk dalam Penggal yang lepas, tetapi sekarang ini kami hanya menengok sahaja, tetapi saya percaya kerajaan ini juga berperikemanusiaan terutama bila memindahkan warganegara. Jadi saya minta supaya kedaulatan undang-undang ini diperketat dengan fasih berbahasa Melayu.

Keduanya Yang Berhormat, sebelum tutup. Bila kita temu duga saya nak tanya, berapa kes yang kita tolak kerana gagal Bahasa Melayu- berapa kes? Sebab ini kita kata dia mesti pergi temu duga dan berapa kes yang telah ditolak kerana tidak fasih Bahasa Melayu? Yang saya tahu banyak percubaan yang telah dibuat. Soalan 'A', dia tanya 'E', 'E' tanya 'A' dia tidak boleh jawab. Jadi, tiba-tiba jadi warganegara. Jadi saya minta kerajaan melihat ini sebagai satu perkara yang perlu diberi perhatian.

Akhir sekali

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila gulung.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya patuh kepada undang-undang ya. Akhir sekali di peringkat *landing*.

Ini angkat sumpah Yang Berhormat. Angkat sumpah ini kepada siapa? Kalau hendak jadi *American* dia kena angkat sumpah, saya tidak pasti sama ada Perlembagaan Amerika ataupun *Bible*, tetapi ada sesetengah negara dia menggunakan tentang agama rasminya, tetapi di Malaysia ini angkat sumpah depan siapa? Apakah benda yang ada di hadapan mata? Adakah dia angkat sumpah itu betul-betul dia menjiwai Rukun Negara.

Saya ingat tiap-tiap orang ini mesti fasih Rukun Negara dan faham apa makna Rukun Negara supaya bila dia jadi rakyat Malaysia, dia ada sikap saling cinta mencintai ataupun dalam bahasa sosiologi dipanggil "*we feeling*", semangat kekitaan. Kalau tidak, kita akan lihat dua kelas warganegara yang berbeza, yang lain cuma cari makan, *hat* yang lain kita rakyat Malaysia ini sesetengah menghadapi kehidupan yang bermacam-macam.

Terima kasih Speaker. Saya hendak beritahu saya menyokong rang undang-undang ini. Saya akan menyokong juga Bajet, tetapi fikir balik kenapa kami dianaktirikan tentang peruntukan. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya jemput Yang Berhormat Bakri.

Seorang Ahli: Tak payah bagi.

3.02 ptg.

Tuan Tan Hong Pin [Bakri]: Terima kasih Yang Berhormat Puan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Perlembagaan yang melibatkan isu kewarganegaraan ini.

Sebelum saya masuk ke perbahasan saya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri ialah yang saya lihat yang paling rajin untuk menyelesaikan isu kewarganegaraan ini sehingga pada hari ini kita membawa satu rang undang-undang untuk membuat pindaan kepada Perlembagaan.

Yang Berhormat Puan Yang di-Pertua, saya lihat pindaan ini dapat menutup segala ataupun sebahagian besar kelemahan yang ada di sisi undang-undang. Malah di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan isu-isu di luar perundangan iaitu daripada segi pentadbiran dan juga tatakelola proses permohonan kewarganegaraan ini. Antaranya saya ingin mengutarakan dua masalah yang sering dijumpai semasa kami menangani di peringkat kawasan Parlimen.

Pertama adalah masalah yang dihadapi oleh isteri warga asing apabila suami mereka telah meninggal dunia. Dengan kata lain, mereka ini telah kehilangan penaja bagi meneruskan permohonan mereka. Jadi, saya lihat ini merupakan syarat yang utama iaitu mereka memerlukan sokongan penaja seorang warganegara dan sekiranya suami dia tidak ada, siapakah yang boleh menjadi penaja mereka?

Biasanya JPN akan meminta supaya cari adik-beradik mendiang suami mereka, tetapi masalah yang berlaku selalunya suami mereka tiada adik-beradik ataupun saudara mara yang sudi menjadi penaja kepada isteri warga asing ini. Maka masalah ini akan menjadi satu masalah- rukun ini tetangga, ini akan apa itu...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Tan Hong Pin [Bakri]: Bukan, masalah keluarga akan berlaku, masalah sosial akan berlaku.

Jadi saya cadangkan adakah kementerian atau pihak Jabatan Pendaftaran Negara boleh mempertimbangkan supaya penilaian berdasarkan tempoh tinggal dan sumbangan sosial seseorang pemohon itu iaitu kerajaan mempertimbangkan dasar untuk memberi laluan yang lebih mudah kepada isteri warga asing ini yang telah lama tinggal di Malaysia khususnya mereka yang telah menyesuaikan diri dengan budaya tempatan, bekerja di sini dan membesarkan anak-anak warga Malaysia.

Pengiktirafan ke atas tempoh tinggal mereka ini dan sumbangan mereka kepada masyarakat bolehlah menjadi asas yang kukuh untuk kelulusan permohonan kewarganegaraan mereka.

Kedua, adakah kerajaan bersedia untuk mengakui bahawa anak mereka boleh dijadikan sebagai penaja? Dalam beberapa kes, anak-anak mereka yang telah dewasa dan mereka merupakan warganegara Malaysia. Mereka mungkin boleh bertindak sebagai penaja untuk permohonan kewarganegaraan ibu mereka walaupun undang-undang sedia ada memerlukan saudara terdekat seperti adik-beradik suami yang meninggal dunia untuk menjadi penaja. Adalah baiknya kerajaan mengkaji semula syarat ini untuk membenarkan anak-anak dewasa menjadi penaja memandangkan mereka juga warganegara dan mereka mempunyai ikatan yang kuat dengan ibu mereka.

Ketiga, pengubalan dasar khas. Saya cadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan untuk menggubal dasar khas yang lebih fleksibel bagi membantu isteri warga asing ini. Contohnya, satu dasar khusus untuk diperkenalkan yang melindungi status kewarganegaraan isteri sekiranya suami mereka meninggal dunia sebelum proses kewarganegaraan mereka selesai.

Keperluan untuk perubahan dalam prosedur ini penting bagi memastikan supaya tiada keluarga yang musnah akibat kekurangan penaja atau ketiadaan sistem sokongan yang sesuai terutamanya apabila mereka telah lama menjadi sebahagian daripada masyarakat Malaysia...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila gulung.

Tuan Tan Hong Pin [Bakri]: Satu lagi isu, saya harap...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila gulung.

Tuan Tan Hong Pin [Bakri]: ...Bagi masa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila gulung

Tuan Tan Hong Pin [Bakri]: Ini penting untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri. Isu kenegaraan bagi anak-anak yang dinafikan hak mereka meskipun dilahirkan di Malaysia sering menimbulkan persoalan yang menyentuh keadilan dan kemanusiaan.

Perkara 14, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hak kewarganegaraan kepada mana-mana anak yang dilahirkan bapa atau ibu merupakan warganegara.

Masalahnya, sekiranya mereka dilahirkan di luar nikah ataupun kelambatan pendaftaran perkahwinan mereka, mereka tidak dinafikan kewarganegaraan mereka sekiranya bapa mereka merupakan warganegara. Jadi, soalan berkenaan dengan keputusan ujian DNA. Selama ini dibangkitkan dan jawapan beberapa kali telah diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri bahawa keputusan ujian DNA hanya diguna sebagai dokumen sokongan, tetapi bukan bukti untuk memohon kewarganegaraan.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah rasional di belakang ini? Mengapakah ujian DNA tidak digunakan? Saya bagi satu contoh iaitu permohonan...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tidak perlu bagi contoh lagi. Masa sudah tamat... [*Dewan riuh*]

Tuan Tan Hong Pin [Bakri]: ...Permohonan seorang anak di mana ayah dia telah meninggal sekarang, siapakah yang akan membantu untuk menyelesaikan masalah kewarganegaraan mereka? Saya harap Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Tan Hong Pin [Bakri]: Sebab saya lihat perkara ini tidak berlaku. Perkara ini tidak berlaku sekiranya keputusan ujian DNA diakui pada awal

permohonan mereka dan tidak akan berlaku mana permohonan mereka tergantung kerana bapa mereka telah meninggal dunia.

Saya harap perkara ini mendapat perhatian daripada pihak kementerian dan perkara inilah ditambah baik supaya inti pati atau semangat pindaan Perlembagaan kali ini dapat mencapai manfaat yang optimum. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Bakri. Saya jemput Yang Berhormat Tenggara.

3.09 ptg.

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1510

Tahniah kepada pihak kerajaan, Kementerian Dalam Negeri, Menteri ada dekat sini. Usaha meminda Perlembagaan dan saya yakin terpaksa melalui pelbagai perbincangan, mengambil maklum balas pelbagai pihak berkepentingan, masyarakat sivil, SUHAKAM, pakar perlembagaan bagi menambah baik kaedah pemberian taraf kewarganegaraan.

Isu kewarganegaraan rakyat negara ini semakin agak meruncing dan berikan pelbagai kesan negatiflah. Jika tidak ditangani dengan segera, Tenggara yakin pindaan Perlembagaan yang kita lakukan ini menjadi harapan baharulah untuk menyelesaikan sebahagian masalah kewarganegaraan. Ditambah pula ada berita-berita contohnya macam pada 27 Julai 2022, sejumlah 1.2 juta orang pelancong China ini masuk ke Malaysia tak keluar jadi, ini menjadi beban pada pemikiran masyarakat yang mungkin akan melibatkan juga hal-hal berkaitan dengan kewarganegaraan ini.

Jadi sudah sampai masanya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan lebih tegas membabitkan pemberian status kewarganegaraan dengan menetapkan syarat-syarat yang paling penting sebagaimana disebut oleh Arau tadi dan ramai kawan, wajib fasih dan menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Namun Tenggara berpendapat penguasaan Bahasa Melayu sahaja tidak mencukupi. Mereka wajib menguasai, menghayati, menjiwai, menghormati Rukun Negara juga.

- (i) Kepercayaan kepada Tuhan;
- (ii) Kesetiaan kepada Raja dan negara;
- (iii) Keluhuran Perlembagaan;
- (iv) Kedaulatan undang-undang; dan
- (v) Kesopanan serta kesusilaan.

Ini penting menjadi penanda aras terhadap mereka. Bukti yang mereka benar-benar ikhlas untuk menjadi rakyat Malaysia bukannya disebabkan faktor-faktor lain. Kalau kerajaan boleh bertegas dalam hal ini, Tenggara yakin dan percaya negara akan memiliki watannya yang berkualiti, mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.

Sekiranya mereka gagal patuh kepada Rukun Negara ini, sewajarnya kita juga memberi satu peruntukan undang-undang untuk menarik balik atau melucut kerakyatan yang diberikan dan beri mereka yang benar-benar layak sahaja. Ramai lagi yang mahu mohon menjadi warganegara Malaysia dan menjadi watan yang taat dan setia.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan taraf kewarganegaraan pastinya meningkatkan juga kos dan kadar subsidi yang akan diberikan kepada bakal-bakal ya, rakyat negara kita ini apabila pindaan ini berlaku yang dikeluarkan dan disediakan oleh pihak kerajaan. Bantuan kesihatan misalannya, perkhidmatan subsidi dan banyak lagi. Contohnya sejak dilahirkan, kerajaan yang prihatin ini salurkan bantuan kepada rakyat dan warganegara. Mungkin kita sendiri tidak sedar demi kesejahteraan... *[Bersalaman dengan Yang Berhormat Pontian]* Terima kasih Pontian.

Kos suntikan imunisasi misalannya ya. Daripada bayi seusia sebulan, hampir RM3,500 bagi seorang bagi mencegah segala penyakit. Contohnya seperti tuberkulosis, Hepatitis B, difteria, tetanus, batuk kokol, pertusis, polio, jangkitan akibat influenza B, campak, beguk, rubela dan sebagainya, penyakit-penyakit *pneumococcal invasive* dan kanser yang disebabkan oleh jangkitan *human papillomavirus* (HPV). Kesemua vaksin ini disediakan secara percuma di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan. Semua kanak-kanak warganegara dari lahir sehingga mencapai umur 15 tahun.

Bila tiba prasekolah, kerajaan bantu lagi dengan tubuh tabika, tadika KEMAS dan Perpaduan. Bagi pula bantuan persekolahan RM150 setahun untuk bantu ringankan beban ibu bapa. Di kali dengan 11 tahun, jumlahnya RM1,650. Pendidikan rendah dan menengah diberi pula percuma. Kerajaan tanggung hampir RM10,000 setiap murid. Jika didarab 11 tahun, jumlahnya RM110,000.

Bila anak sekolah, automatik tolak cukai ibu bapa sampai ada yang tak perlu bayar pun. Kalau nak disenaraikan memang panjang. Jika kita nak bandingkan pula sekolah kerajaan dan antarabangsa, yuran seorang pelajar sekolah antarabangsa

boleh cecah sehingga RM50,000 setahun. Jika ambil pula silibus *International Baccalaureate* (IB) macam sekolah IGB boleh sampai RM150,000 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, kalau didarab, tambah, tolak, bahagi semua ini, Menteri pun ada dekat sini. Hingga anak cecah umur 18 tahun, kerajaan belanja sehingga RM150,000 untuk seorang kanak-kanak rakyat Malaysia. Itu pun ada juga yang kata kerajaan tak prihatin ya.

Jadi, Kementerian Dalam Negeri sudah meluluskan hampir- saya dapat maklumat 14,000 permohonan kewarganegaraan sejak 2013. Paling banyak melibatkan permohonan kanak-kanak tidak sah taraf, anak jagaan dan anak angkat. Boleh kita bayangkan terdapat sebanyak RM14,000 orang kanak-kanak, jumlah subsidi, bantuan yang ditanggung oleh kerajaan mencecah hampir RM2.1 bilion.

Jadi, kita perlu lebih teliti dengan membuat keputusan hal-hal berkaitan dengan kewarganegaraan ini Tuan Yang di-Pertua, agar tidak merugikan negara dan kita bimbang ada yang akan mengambil kesempatan menangguk di air yang keruh untuk menjadi warganegara di negara kita. Jadi, itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua Tenggara mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Tenggara. Saya jemput Yang Berhormat Larut.

3.15 ptg.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Dalam Negeri kerana telah pun membentangkan satu akta yang paling mustahak bagi mana-mana negara. Isu kewarganegaraan ini adalah sesuatu isu yang besar. Ia merupakan isu kedaulatan.

Maka ia adalah merupakan sesuatu yang patut diambil kira oleh semua rakyat dalam Malaysia ini bahawa isu kewarganegaraan ini bukan sesuatu yang mudah. Kadangkala saya hairan apabila rakyat Malaysia kata kita kena bagi memudahkan untuk mendapat kewarganegaraan ini. Apakah yang kita mesti melayan orang luar yang hendak jadi warganegara?

Sepatutnya kita mesti menentukan segala apa yang kita lakukan ini mesti menjaga kedaulatan dan maruah sesiapa sahaja yang sudah menjadi rakyat Malaysia. Isu tentang lain yang dikatakan membantu, supaya dapat membantu, saya dengar rakan-rakan kata. Contohnya masalah yang ada di Sabah dan Sarawak. Isunya apa? Isunya mereka yang tidak mempunyai dokumen. Ini adalah sesuatu isu yang sudah lama.

Saya semasa memegang jawatan Menteri dalam Negeri, saya memikirkan kalau di Sabahlah yang menjadi isu besar, mengapa tidak kita mencari satu jalan untuk kita berikan kepada rakyat Sabah, Sarawak ini yang tak ada dokumen ini satu lagi IC yang telah pun ada dalam negara kita iaitu MyKAS sebagai contoh.

MyKAS ini adalah merupakan IC sementara. Tiap-tiap lima tahun dia kena *apply* balik semula. Selepas 15, 20 tahun kita rasa dia ini betul-betul layaklah kerana dia ikut, taat seperti apa yang dia lakukan, pada saya tak salah untuk dia *eligible* untuk dapatkan statusnya naik. Kalau daripada *green IC* atau MyKAS tadi, kita boleh untuk dia naikan taraf dia untuk menjadi PR ataupun *permanent resident*.

Akhirnya selepas beberapa tahun, itu boleh difikirkan bersama, dia boleh *eligible* untuk menjadi warganegara. Saya ingat isu ini adalah kerana nak memastikan supaya semua rakyat mesti atau sesiapa sahaja yang tinggal dalam negara mesti ada dokumen, mesti ada identiti kerana soal sekuriti sebagai contohnya. Saya faham bahawa Malaysia ini sebuah negara yang *poorest*, sempadannya mudah untuk dicerobohi.

Maka sebab itu apa yang dilakukan ini adalah sesuatu yang baik untuk masa depan negara dan pada saya, tidak salahnya untuk kami di sebelah sini kalau perkara yang baik ini akan kita sokong untuk kepentingan masa depan. Yang menghairankan saya ini adalah seperti tadi ada seorang...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: ...Ahli Parlimen Beruas jumpa saya. Ahli Parlimen Beruas jumpa saya. *"Tok, tengok Menteri ini mudah sahaja bagi warganegara. You dulu masa jadi Menteri, susah sangat."* Eh, apakah kerana...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Larut, minta laluan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: ...Memudahkan dan saya difahamkan betullah Menteri dah bagi 35,000 untuk orang yang tidak jadi warganegara, diberikan kewarganegaraan. Pada saya, siasatan telah pun dilakukan, *insya-Allah* bila siasatan telah dilakukan, boleh lulus, kita lulus *on merit*. Saya percaya bahawa Menteri beri kerana *merits* dia *eligible*. *Alhamdulillah*. Berikan tepukan kepada Menteri KDN ini... *[Tepuk]*

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Larut, laluan sikit.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Alamak, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tiada masa tambahan ya.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Sikit, sikit sahaja.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Apa dia?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Saya difahamkan bahawa 35,000 itu telah diberi sepanjang Menteri menjadi Menteri KDN. Saya ulang, sudah banyak lebih daripada 30,000. Jadi, nak menampakkan mudah dan murah nya kerakyatan warganegara Malaysia. Apakah pandangan Larut? Terima kasih...
[Dewan riuh]

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Ya. Tidak, tidak. Saya tidak beranggapan sebegitu rupa. Saya rasa Yang Berhormat Menteri lakukan kerana *merits*, ada. Mungkin siasatan telah pun dibuat bertahun-tahun, tetapi apa yang pasti, yang mesti kita lihat di sini adalah apabila seseorang itu telah diberikan dan kita sokong ini oleh kerana ibu atau masalah bapa, ibu yang melahirkan anaknya di luar negara itu, dulu-dulu kita tak bagi.

■1520

Sekarang, saya sokong. Kerana apa? Kerana Manifesto Perikatan Nasional mahu memberikan taraf anak-anak yang dilahirkan di luar sana itu sebagai warganegara... [Tepuk]

Cuma, kena ada mekanismenya. Bahawa selepas umur 18 tahun, dia kena *renounce* bahawa dia tidak lagi menjadi warganegara bapanya di luar negara. Yang saya baca ini ada tempoh empat tahun. Saya faham tempoh empat tahun itu terlampau panjang. Yang kita risau ini adalah kerana anak-anak ini sampai umur 18 tahun, dalam SPR secara automatik mereka boleh mengundi dan telah pun mengundi. Sampai umur 22 tahun, baru nak *renounce* ataupun dia tidak mahu menjadi warganegara Malaysia. Dia nak ikut bapa dia. Kan kita rugi?

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila gulung.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Orang telah pun mengundi-Speaker, sabar sekejap sebab saya rasa ini saya nak menyokong kerana akhirnya ini daripada PN yang akhir. Sebab itu, saya merasakan apa yang kita lakukan ini adalah sesuatu yang diberikan tanggungjawab kepada ibunya untuk memastikan bukan hanya hak dia untuk anak dia jadi warganegara, tetapi hak dia juga untuk menentukan sebagai rakyat Malaysia, sayangkan Malaysia supaya anaknya *renounce* secepat mungkin untuk terus menjadi warganegara. Itu satu. Mesti ada mekanisme yang boleh supaya tidak menyekat hak dia untuk mengundi dan dalam waktu yang sama tidak menjadikan sesuatu yang mungkin menyebabkan rakyat Malaysia marah kepada apa yang kita lakukan hari ini, satu.

Satu lagi yang saya dengar, semalam Ayer Hitam bangun, kata kita sokong. Ucap tahniah kepada Menteri kerana masalah kita hari ini adalah anak-anak PR ini. Mengapakah tidak secara automatik kita bagikan PR? Pada pandangan saya,

memang betul apa yang Menteri buat supaya ianya mesti mendaftar dan tidak diberikan secara automatik. Masalah hari ini yang timbulnya, oh anak itu nanti susah, perbelanjaan untuk belajar sekolah mahal, kalau dibandingkan dengan rakyat Malaysia. Itu hal lain.

Kalau kerajaan yang ada ini mahu melihat untuk membantu mereka ini, mudah saja. Turunkan kos perbelanjaan sekolah mereka, tetapi bukan untuk memberikan kewarganegaraan, status warganegara sewenang-wenangnyanya. Itu tak patut diberikan. *We do not want one day*, sesiapa sahaja yang menjadi *permanent resident* dalam negara kita ini dengan mudah-mudahnya untuk anak mereka dilahirkan automatik jadi warganegara dan tidak pun menghayati kerana dia lahir semata-mata kerana darah ataupun undang-undang yang telah pun kita berikan.

Sebab itu, saya ingin ucapkan tahniah kepada kerajaan hari ini melalui sahabat saya Yang Berhormat Senator ini, bahawa kalau dokumen-dokumen yang mesti kita lahirkan dalam negara ini paling besar sekali- adalah apa yang berlaku di Sabah dan Sarawak, kad burung-burung. Di Sabah, kad banci dan juga IMM13. Semalam, dibangkitkan oleh Semporna. Saya rasa ini boleh kita selesaikan dengan menubuhkan jawatankuasa dan akhirnya apa yang perlu kita berikan adalah identiti yang boleh diterima bukan hanya kerajaan tetapi juga boleh diguna pakai oleh segala agensi, bank, perniagaan yang boleh ada.

Tetapi, kalau kita nak naikkan tarafnya lagi, saya minta supaya Malaysia memperjuangkan dalam *United Nations*, sesuatu yang boleh kita bawa perjuangan untuk menentukan *the stateless citizen of the world* ini, diberikan taraf supaya mereka boleh pindah-randah daripada satu tempat ke satu tempat dengan menggunakan pasport *United Nations* dan tidak semata-mata diberikan sesuatu bebanan kepada Kerajaan Malaysia sebab kita ramai sangat. Kita ada daripada Rohingya. Kita ada di Sabah, kita ada di Sarawak, di seluruh negara ini. Ramai sangat orang sebegitu rupa.

Maka, sebab itu, hari ini saya ucapkan tahniah dan syabas dan kami bolehlah untuk menyokong tentang beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen PN adalah untuk menunjukkan penambahbaikan harus ada, mekanismenya harus diteliti kan secara yang baik. *Insyaa-Allah*, kami boleh menyokong. Terima kasih, Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih, Yang Berhormat Larut. Saya jemput Yang Berhormat Balik Pulau.

3.25 ptg.

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada Balik Pulau untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 di Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan khususnya Menteri Dalam Negeri dan seluruh warga KDN dalam kejayaan membentangkan rang undang-undang ini.

Pindaan RUU ini telah melalui satu proses yang panjang dan kompleks dan merupakan satu langkah yang amat berani daripada pihak kerajaan dalam memartabatkan identiti negara kita sambil memperbaiki masalah dalam sistem kewarganegaraan kita yang sedia ada. Pindaan RUU ini adalah penting bagi menampung keperluan semasa. Sudah tentu, tiba masanya untuk menuju ke hadapan dengan menjadi pindaan ini sebagai satu iltizam yang dapat merancakkan usaha kerajaan bahawa kerajaan ini prihatin dan kerajaan ini mengutamakan kepentingan rakyat.

Seksyen 14(1)(b) dan (1)(c). Pertama kali, saya mengalu-alukan pindaan ini yang merupakan kemenangan besar berikutan perolehan hak sama rata kepada golongan ibu berwarganegara Malaysia yang memberi hak penurunan kewarganegaraan secara automatik kepada anak mereka yang dilahirkan di luar negara. Sama seperti hak keistimewaan yang diperoleh oleh para bapa yang berwarganegara Malaysia.

Perkara ini membuktikan kerajaan komited untuk mengatasi isu berkaitan pemberian taraf kewarganegaraan dengan tekad. Setelah penantian begitu lama yang amat menggembirakan untuk melihat Kerajaan MADANI mengutamakan hak wanita Malaysia. Usaha ini memaparkan komitmen kerajaan dalam memastikan hak kesaksamaan gender ditegakkan secara adil. Namun begitu, saya mohon kepada pihak kerajaan untuk mempertimbangkan tarikh berkuat kuasa pindaan ini secara retrospektif kerana di luar sana ramai yang berharap dan berjuang bersama untuk memartabatkan pindaan ini dibuat.

Puan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Dalam Negeri dan pasukan beliau yang bertungkus-lumus menyelesaikan banyak kes tertunggak mengenai kemelut kewarganegaraan dan ada beberapa kes yang melalui pusat khidmat saya di Balik Pulau dan saya ingin menyampaikan salam terima kasih khususnya kepada Menteri Dalam Negeri. Tahniah.

Perkara 15(1), Bahasa Melayu. Selanjutnya, satu perkara yang saya ingin sentuh berkenaan dengan Perkara 15(1) yang ada pindaan memasukkan subseksyen (c) yang baharu. Ayat yang digunakan adalah '*mempunyai pengetahuan*

yang mencukupi dalam Bahasa Melayu’. Kita sebagai warganegara Malaysia tidak akan berkompromi mengenai status Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Oleh itu, saya menyeru agar pihak kementerian boleh menetapkan garis panduan yang terperinci mengenai tahap penguasaan dan pengetahuan Bahasa Melayu yang perlu untuk dijadikan penilaian bagi melayakkan seseorang individu itu mendapatkan kewarganegaraan. Satu tatacara yang jelas harus diwujudkan dalam proses itu supaya pelaksanaan dijalankan dengan lancar.

Artikel 15A, penurunan had umur daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Selain itu, berdasarkan Artikel 15A, pindaan terhadap peruntukan had umur daripada 21 kepada 18 tahun antara faktor-faktor adalah disebabkan umur 18 tahun merupakan umur kelayakan mengundi berdasarkan Akta Umur Dewasa 1971. Umur dewasa adalah umur 18 tahun. Pindaan ini sudah tentu dilaksanakan tepat pada masa.

Saya juga difahamkan, individu yang berada dalam kategori melebihi 18 tahun layak memohon di bawah Perkara 19. Cuma, saya mohon Menteri menjelaskan, adakah pindaan ini akan membawa risiko kepada pemohon yang menjadi mangsa kelewatan sekiranya terdapat birokrasi dalam proses permohonan kewarganegaraan mereka. Saya berharap, mereka tidak kehilangan cara untuk mendapatkan kewarganegaraan dan juga hak-hak asas.

Artikel 26(2). Akhir sekali, perkara yang ingin saya bangkitkan ialah mengenai Artikel 26(2) dengan cadangan meminda “*tarikh perkahwinan*” kepada “*tarikh mendapat kewarganegaraan*” untuk menangani isu *marriage of convenience*.

■1530

Saya difahamkan bahawa kerajaan tidak akan melucutkan kewarganegaraan jika ia mengakibatkan wanita teraniaya menjadi *stateless*. Saya mohon Menteri menjelaskan sekiranya timbul situasi di mana isteri telah melepaskan kewarganegaraan asalnya kerana Malaysia tidak menerima dwi kenegaraan, dua *citizenship*. Apakah rasional untuk menggantikan tarikh perkahwinan kepada tarikh mendapat kewarganegaraan untuk mengatasi isu *marriage of convenience*?

Memandangkan proses pemerolehan kewarganegaraan boleh mengambil masa sehingga 10 tahun dan mengambil kira rintangan birokrasi dalam proses ini. Saya percaya kerajaan pada setiap masa bertindak demi kepentingan rakyatnya dalam melaksanakan tanggungjawab yang melibatkan hak dan kebebasan asasi. Semua pihak berkepentingan mesti dilibat secara menyeluruh dan telus.

Puan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa pindaan ini membawa harapan baharu untuk masa depan negara kita dengan memperkukuhkan hak kewarganegaraan. Kita bukan sahaja memperbaiki kehidupan individu tetapi juga

memperkuh perpaduan nasional. Kita perlu melihat pindaan ini sebagai peluang untuk membela masyarakat yang lebih inklusif dan harmoni. Balik Pulau mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Saya jemput Yang Berhormat Bukit Gelugor.

3.31 ptg.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi saya peluang untuk memberi pandangan saya dan juga berbahas berkenaan dengan pindaan yang penting ini. Saya ada tiga perkara ingin saya bangunkan di sini.

Pertamanya, memandangkan Puan Speaker, bahawa pindaan ini berkenaan dengan kewarganegaraan kepada anak-anak, ibu-ibu yang di luar negara ini ataupun pindaan-pindaan ini tidak bersifat retrospektif. Isu-isu yang timbul dan saya berharap ini akan diberi satu jawapan yang komprehensif.

Pertamanya, adakah kerajaan akan memberi keutamaan kepada permohonan-permohonan yang *pending* ataupun belum diselesaikan yang dibuat sebelum pindaan-pindaan ini dibuat, dilaksanakan. Oleh sebab di bawah permohonan 15(2) ini kita perlu faham bahawa ini adalah secara *operation of law*.

Jadi, berkenaan dengan *pending applications*. Bolehkah kerajaan memberi satu garis masa berkenaan dengan berapa lama kah, *how long can we expect these outstanding cases, pending cases* dengan izin Puan Speaker untuk diselesaikan.

Keduanya Puan Speaker, adalah berkenaan dengan ibu-ibu yang masih berada di luar negara, di mana anak-anak mereka dilahirkan di sana. Adakah mereka akan diberi peluang untuk membuat permohonan-permohonan ataupun *registration* di luar negara melalui misi-misi luar negara.

Oleh sebab kita sedia maklum bahawa adalah kosnya agak tinggi untuk datang balik ke Malaysia bagi tujuan membuat permohonan. Jadi, adakah kerajaan telah pun membincangkan tentang perkara ini. Adakah apa-apa penyelesaian yang ingin ataupun dicadangkan untuk mengatasi masalah ini.

Ketiganya Puan Speaker, adalah berkenaan dengan beberapa pembahas telah pun menimbulkan isu PR. Di mana, isu PR ini merupakan satu perkara di mana sekarang melalui pindaan-pindaan ini, anak-anak kepada PR akan perlu dibuat permohonan secara pendaftaran.

Jadi, kita perlu peka di sini. *We have to be a bit sensitive here* dengan izin Puan Speaker. Oleh kerana kita sedia maklum bahawa anak-anak PR apa yang saya

panggil *genuine cases*. Ada kes-kes asli seperti Orang Asli, orang asal, generasi-generasi kaum India, kaum Cina. Di mana mereka telah pun berada ataupun menetap di Malaysia untuk beberapa lama, beberapa *generation*. Tetapi tidak mempunyai kewarganegaraan. *That is a fact*. Ini merupakan satu perkara yang kita harus menerima sebagai satu hakikat.

Jadi, untuk kes-kes asli ini ataupun kes-kes *genuine* ini, adakah kerajaan akan memberi keutamaan kepada kes-kes *genuine* ini. Bagaimanakah kerajaan bercadang untuk mengenal pasti kes-kes *genuine* ini dan memberi keutamaan? Bolehkah kerajaan beri garis masa berapa lamakah kes-kes ini akan diselesaikan.

Kita perlu ingat Puan Speaker bahawa statistik-statistik yang telah pun kami lihat. Kami lihat lebih kurang ada tiga juta lebih *foreigners* di Malaysia. Tetapi ini bukannya statistik PR yang asli. Bolehkah kerajaan memberi statistik-statistik berkenaan dengan bukan *foreigners* yang tidak mempunyai seperti *migrant workers* dan sebagainya. Tetapi bolehkah kerajaan memberi statistik berkenaan PR-PR yang layak ataupun anak-anak mereka layak untuk diberi kewarganegaraan. Itu sahaja Puan Speaker. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Pembahas terakhir hari ini saya jemput Yang Berhormat Santubong.

Tuan Haji Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak]: Puan Speaker, mengaluakan kehadiran.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila duduk. Yang Berhormat Santubong. Silakan.

3.36 ptg.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Santubong]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Puan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan RUU Perlembagaan (Pindaan) 2024 pada hari ini. Atas kapasiti saya sebagai Ahli Parlimen Santubong dan juga mewakili ahli *frontbench* daripada Gabungan Parti Sarawak.

Puan Yang di-Pertua, sejak sekian lama kita menyedari terdapat penambahbaikan yang perlu dibuat berhubung isu kewarganegaraan khususnya membabitkan hak anak-anak kepada wanita warganegara Malaysia yang berdepan

kesukaran dan masa depan yang tidak menentu ekoran perundangan sedia ada yang kurang peka terhadap kesaksamaan gender.

Justeru, pada hari ini seiring dengan usaha berterusan. Saya untuk merapatkan lagi jurang gender di Malaysia, saya ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu kerajaan membawa kepada cadangan pindaan perlembagaan ini terutamanya membabitkan pindaan kepada Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan yang akan membolehkan seorang anak kepada seorang wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan bukan warganegara mengetahui bahawa anak mereka turut layak bergelar seorang rakyat Malaysia.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Santubong, minta laluan boleh?

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Santubong]: Kalau cukup masa.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Dua minit tidak sampai. Satu minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tidak bagi laluan.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Santubong]: Puan Yang di-Pertua, saya telah didatangi oleh pelbagai pihak, individu mahupun pertubuhan serta pihak-pihak berkepentingan yang menggesa saya agar masalah ini diatasi.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Dua *second*, dua *second*.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Santubong]: Saya sendiri secara peribadi benar-benar menyokong hasrat ini dan secara konsisten telah membawa suara ini ke perbincangan peringkat tertinggi. Saya menghargai kerana pendirian ini turut dikongsi dan disokong oleh rakan-rakan Jemaah Menteri yang lain, khususnya yang wanita.

Puan Yang di-Pertua, saya juga gembira dan puas hati dengan pendirian kerajaan untuk mengekalkan peruntukan pada Jadual Kedua di bawah Perkara 19B Perlembagaan Persekutuan berhubung kanak-kanak baru lahir yang dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan ataupun dengan izin *foundlings*. Ini boleh mengelakkan kanak-kanak yang tidak berdosa ini daripada ditambah beban yang akan menyulitkan kehidupan mereka di kemudian hari.

Seterusnya, saya mewakili negeri Sarawak ingin merakamkan penghargaan juga kepada pihak Kementerian Dalam Negeri yang bersama-sama Kerajaan Negeri Sarawak menubuhkan pasukan petugas khas untuk menangani isu tanpa kewarganegaraan di Sarawak. Pasukan petugas khas ini bertujuan mempercepatkan

proses kewarganegaraan, khususnya bagi kanak-kanak dan komuniti orang asal Sarawak.

Kita menghargai peranan pasukan ini yang antaranya mengenal pasti individu tanpa kewarganegaraan di kawasan luar bandar Sarawak. Kedua, memberikan bantuan dalam pengurusan dokumentasi yang diperlukan. Ketiga, bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan NGO serta memantau kemajuan kes bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan penyelesaian.

Akhir sekali, saya menyokong penuh RUU Perlembagaan (Pindaan) 2024 ini dan menyeru semua rakan Ahli Dewan Rakyat untuk mengetepikan perbezaan ideologi kita dan melihat secara objektif terhadap rang undang-undang ini seterusnya turut bersama-sama kami untuk menyokong cadangan pindaan Perlembagaan.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat, ada masa lagi itu. Santubong.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Santubong]: Saya ada satu minit lebih. Saya boleh beri lah ya. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Peraturan 100, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Peraturan mesyuarat mana?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: 100. Memang tidak salah dan tidak dicatat, tidak dihalang dalam Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat untuk seorang Ahli Kabinet mengambil bahagian dalam perbahasan. Memang.

■1540

Tetapi dari segi moralnya Dato', Yang Berhormat, yang berucap ini adalah ahli Kabinet. Bil ini dibahaskan di dalam Kabinet dan Menteri itu adalah ahli Kabinet yang akan menjawab soal isu-isu yang dibangkitkan oleh ahli Kabinet. Dia dari segi peraturan memang tidak menghalang...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ya, kalau peraturan mesyuarat tidak menghalang...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tetapi sebab itu kebiasaan – sekejap Yang Berhormat. Sebab itu kebiasaannya Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tidak ada masalah. Jadi, sila duduk. Sekarang saya minta Menteri Dalam Negeri

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: ...*What is your ruling?*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: ...Untuk menjawab masa 40 minit.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat, boleh saya dapat laluan?

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang lain, sila duduk.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *What is your ruling?*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Saya sudah kata dia adalah

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat, tambah nilai lah. Tambah nilai sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: ...Sekarang sila duduk.

3.40 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bangun untuk tujuan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada 70 Ahli Dewan yang telah diberi peluang mengambil bahagian dan berbahas berkenaan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 berhubung dengan kewarganegaraan.

Setelah melalui proses yang agak panjang juga berlaku, saya percaya bahawa kita bersama pada hari ini akan mencipta satu sejarah apabila Rang Undang-undang Perlembagaan mengenai warganegara yang dibahas untuk kelulusan akan mencapai titik temunya, satu *clarity*. Sebahagian daripada perbahasan Ahli Yang Berhormat, sempat saya teliti, sebahagiannya diikuti oleh pegawai-pegawai saya yang membuat catatan dan kemudiannya mempersiapkan saya untuk penggulungan ini.

Pada Mac tahun ini, ketika saya membentangkan bacaan kali kedua, saya telah membuat beberapa *pledge*. Yang pertama, saya katakan bahawa saya akan berusaha untuk mempercepatkan, membuat keputusan mengenai permohonan dan saya meletakkan angka 17,000 pada Disember tahun ini bermula Januari.

Setakat semalam, saya masih menandatangani. Saya telah pun membuat keputusan 19,317 [*Tepuk*] dan dicampur dengan keputusan yang saya buat pada tahun lepas, jumlahnya menjadi totalnya 32,153. [*Tepuk*] Perlu saya angkat kepada pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kalau saya ambil *cut off* permohonan melebihi lima tahun — lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, sebelas, dua belas dan ke

atas, daripada 32,153 sebenarnya kelulusan yang melebihi tempoh lima tahun itu mewakili 80 peratus permohonan.

Untuk memulakan proses ini, saya kena merakamkan penghargaan kepada rakan saya, Sembrong. Pada ketika menjawat Menteri Dalam Negeri, beliau telah memulakan pengumpulan data permohonan secara sah, *legitimate* bagi membolehkan KDN kemudiannya mengatur strategi untuk menguruskannya secara sistematik. Sebelum daripada itu, tidak ada satu data yang terkumpul dengan mudah.

Bila ada satu data itu dimulakan oleh Sembrong, saya harus rakamkan dalam Dewan ini, itu memudahkan kerja-kerja ke depan. Kerana itu biar terakam dalam *Hansard* penghargaan saya buat rakan saya dari Sembrong. Saya *salute*. Terima kasih banyak. [*Tepuk*] Lebih terima kasih kerana beliau terbang jauh dari London untuk berada di sini hari ini. Terima kasih banyak.

Baik, saya juga menyebut bahawa bagi memastikan proses itu telus, kemas, rapi, objektif, maka kita akan bangunkan SOP terutama bagi perkara yang permohonan paling tinggi iaitu 15A, anak tidak sah taraf, anak angkat, anak jagaan dan 19(1) iaitu permohonan naturalisasi.

Jadi pada hari ini, saya hendak sebut bahawa SOP bagi kedua-dua fasal ini juga telah pun siap kita sediakan dan telah pun diberikan kelulusan oleh Jemaah Menteri. Jadi SOP juga sudah ada. Ini penting kerana saya tidak bermula dengan *vacuum*. Saya mewarisi pegawai-pegawai yang sama, sebahagian besar tidak berubah langsung. Masa Larut, masa Pagoh jadi Menteri, *team* yang sama yang saya warisi dan saya cuma perlu lanjutkan.

Sebab itu SOP ini bukan kita *develop*, bangunkan secara *vacuum*, tidak. Kerana ini akan menjawab persoalan yang banyak dibangkit oleh Yang Berhormat iaitu kalau permohonan itu ditolak, kenapa tidak beritahu alasan penolakan. Selepas daripada ini bila SOP dibangunkan, SOP ini akan menjawab persoalan paling *basic* untuk memohon warganegara "*where shall I begin?*", dengan izin.

Jadi dengan SOP dia akan tahu. Sebelum dia kemukakan permohonan, dia akan dipandukan dengan satu SOP, apakah dokumen yang perlu dia lengkapkan. Tanpa melengkapkan dokumen itu, pada peringkat awal dia memohon itu pun pegawai akan memaklumkan pada dia bahawa permohonan tidak lengkap. Tetapi kalau dia hendak kemuka juga, risikonya ialah permohonan itu mungkin berakhir dengan penolakan.

Jadi, dengan cara kita memberitahu lebih awal, maka pemohon akan lebih jelas berbanding sebelum ini kalau dia tunggu tujuh tahun, lapan tahun, hanya untuk

diberitahu pada tahun kelapan, dukacita permohonan anda gagal. Jadi, ini antara yang saya sebut di dalam Dewan pada Mac yang akan kita adakan.

Baik, perkara yang kedua ialah komitmen yang baru yang saya bagi hari ini. Setelah mendengar semua hujah Ahli-ahli Yang Berhormat ialah terhadap baki kes yang belum dibuat keputusan. Hari ini 17 Oktober, komitmen KDN adalah 17 Oktober daripada sekarang iaitu pada tahun hadapan. Kita akan selesaikan semua permohonan ini sebagai menandakan bahawa kita akan buka kitab baru menerima permohonan baru. Itu keupayaan yang saya set bahawa semua permohonan tertunggak yang belum dibuat keputusan, hari ini 17 Oktober, *by* 17 Oktober tahun depan semua kes itu akan kita buat keputusan.

Parlimen ini – saya akan bertanggungjawab kepada Ahli Parlimen bahawa apa yang saya lafaz mesti saya tunjukkan rekodnya. Menunjukkan kita hendak melakukan benda yang betul seperti disebut oleh rakan saya dari Larut. Terkandung dalam manifesto Perikatan Nasional juga sama dalam manifesto sebelah sini. Ada titik temu antara kita iaitu dalam perkara kewarganegaraan, kita hendak melakukan perkara yang betul. Berikan hak kepada yang berhak tanpa kita kompromi aspek perundangan, kita hendak *address* isu kemanusiaan dan hak asasi. Jadi ini tanggungjawab yang kita hendak laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sebut bahawa dalam kesemua pandangan yang diberikan, sangat saya hargai. Saya berada di sini waktu Kota Bharu memulakan ucapan semalam. Saya anggap ucapannya antara yang terbaik yang pernah – saya catat semua pandangan-pandangan beliau bahawa sebuah negara itu ada identitinya dan identiti negara ini adalah Perlembagaan dan ciri penting Perlembagaan itu adalah pada kedudukan warganegara.

Jadi, saya juga hargai kerana Pagoh dalam memberikan pandangannya ikut memberikan satu pendirian tentang satu generasi dan pemakaian secara retrospektif. Tentunya pasukan KDN melakukan kajian yang panjang. Pertama, pada akhir kajian kita mendapatkan kelulusan dasar Jemaah Menteri, itu kita dapat. Pindaan Perlembagaan mengenai warganegara mesti memenuhi dua lagi perkara iaitu Perkara 159, Kelulusan Majlis Raja-Raja. Kepada saya ada tiga Minit Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang kesemuanya memberikan maksud memberi perkenan kepada pindaan ini.

Menjawab sahabat saya daripada Semporna, peruntukan 161E Perlembagaan Persekutuan juga mengehendaki pindaan mengenai warganegara mesti juga mendapat persetujuan daripada Kerajaan Sabah dan Sarawak. Itu juga telah kita dapatkan persetujuan secara hitam putih. Jadi tertib itu kita penuhi. Sila.

Datuk Seri Panglima Mohd Shafie bin Apdal [Semporna]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Menteri Dalam Negeri atas penjelasan berhubung kait dengan restu ataupun kelulusan daripada tuan yang terutama.

■1550

Saya berharap dari segi di masa akan datang, fasal kalau kita melihat secara teliti Perlembagaan itu, 161E(2) – kelulusan daripada *state* perlu ada kedua-dua iaitu Sabah dan Sarawak. Kalau kita lihat dari segi TYT, tidak bererti bahawa TYT itu punya kuasa, saya bangkitkan semalam. Seharusnya menjadi amalan kita, bukan hanya *by convention* tetapi biasa dia kalau contohnya rang undang-undang yang ada, Agong tidak boleh tandatangan. Dia kena dibentangkan di Parlimen. *The Supreme is here to regulate policy*, undang-undang yang ada. Selepas itu, kita bahaskan, bincangkan, bawalah kepada Agong ataupun Majlis Raja-raja untuk membolehkan supaya mereka perakukan.

Kerana ini penting kepada kita. Saya tidak mahu nanti perkara-perkara yang mendatang akan berbangkit tentang perjalanan mengikut Perlembagaan tidak dipatuhi. Ini yang jelas, 161. *I'm quite very* – bukanlah - *I'm not a lawyer*, dengan izin Yang Berhormat Menteri. *But, I'm a very – as a policy maker*, enam penggal lebih dah. Tetapi saya tahu bagaimana perjalanan rang undang-undang kita gubal dan melaksanakannya.

Terima kasih banyak apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tentang perkara itu dan saya juga berharap dari segi jawatankuasa yang ada dibentuk. Satu di peringkat Sarawak, satu di peringkat negeri Sabah. Dalam usaha kita untuk menyelesaikan, mengatasi masalah yang dah begini lamanya, akan dapat diberi bukan hanya jaminan bahawa *they have the power* untuk membantu menyelesaikan masalah ini. Terima kasih banyak.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih rakan saya dari Semporna. Datuk Yang di-Pertua, saya teruskan dengan menggulung secara spesifik *by topic*, saya *go by* tema, *topical*. Perbahasan daripada 70 Ahli Yang Berhormat tentu mencakupi pelbagai perkara tetapi beredar di atas paksi yang sama. Pertama, isu kemahiran berbahasa Melayu. Pindaan ini menghendaki bahawa pindaan ini memasukkan bagi isteri warga asing yang memohon untuk jadi warganegara ini.

Sebelum ini, dia ada pada perkara 19(1) - Naturalisasi. Maknanya, bagi orang yang lahir sebelum 1957 ataupun menjadi – tinggal di negara ini sebelum 1963, mereka ini ada status PR. Bila mereka hendak mohon warganegara, 19(1) sudah

pun ada keperluan bahasa tetapi yang kita tambah ini adalah bagi permohonan yang baharu.

Baik. Saya hendak sebut, tadi ditanya. Sekarang ini bagi 10 calon bahasa, tiga gagal, tujuh berjaya. Sekarang, ini rekod kita. Tetapi ada satu yang saya sertai proses temu bahasa ini di Perak, ada yang umur 90 lebih. Saya tanya dia, kenapa hendak mohon warganegara? Dia kata, bila dapat IC, mudah mohon bantuan JKM dan bantuan-bantuan kerajaan.

Saya jadi belas simpati, okey. Kalau tanya dia, bolehkah makcik nyatakan nama penuh makcik dan asal usul makcik? Memang dia tak faham. Tetapi bila kita tunjuk gambar *Twin Tower*, boleh makcik terangkan di mana? Kuala Lumpur juga, dia boleh bagi tahu. Kalau kita tunjuk dia muruku, perayaan apa makanan ini? Deepavali. Kalau ditunjuk ketupat dan *sate* - Hari Raya. Dia faham.

Jadi, untuk itu umur 90, dia kata dia hendak mati di sini dan dia tujuan dapat IC adalah untuk memudahkan dapat bantuan kerajaan. Syarat bahasa itu, ujian bahasa bukan ujian bahasa verbatim standard macam temu duga biasa. Tetapi kita mainkan foto dan itu membantu. Jadi, yang kita ketat kan... [*Tepuk*] yang kita ketatkan adalah yang umur 40-an, 50-an, 60-an, yang ini dia mesti kuasai bahasa, bukan kita sahaja, syarat warganegara mesti kuasai bahasa. UK, US, Jerman mesti kuasai bahasa. Buat kita, disebut oleh Arau tadi, Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan segala macam. Perlembagaan Persekutuan itu bahasa Melayu, Rukun Negara juga. Jadi, kita akan dipandu oleh prinsip-prinsip ini dari segi bahasa.

Baik. Perkara kedua yang dibangkitkan— ini rakan saya dari Jerlun semalam. Walau dia Peguam Syarie tetapi semalam hujahnya bagus. Apa beza pengetahuan ‘mencukupi’, pengetahuan ‘asas’ dengan pengetahuan yang ‘memadai’? Jerlun, perkara tentang bahasa ini, 19(1)(c), 19(2)(c), 16(d), 16(a)(d) istilah diguna dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *adequate knowledge* (pengetahuan mencukupi), *elementary knowledge* (pengetahuan asas), *sufficient knowledge* e- *sufficient*, Indera Mahkota? *Malay College*, pembahas bahasa Melayu terbaik.

Dato’ Sri Saifuddin bin Abdullah [Indera Mahkota]: Mencukupi.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Mencukupi juga. Jadi, memadai, mencukupi, pengetahuan yang munasabah ini adalah perkara yang termaktub dalam Perlembagaan. Tetapi kita *simplified*, dengan izin, kita permudahkan. Sebab *audience* kita itu, kita kena realistik. Kalau dah umur 90, 80, jadi apa yang saya buat? Angka ini tidak besar pun, dia sekitar 2,000 lebih sahaja. Yang ini setelah saya turun di Ipoh, saya katakan bahawa mereka ini walaupun pemegang PR, lahir

sebelum 1957, tinggal di sini tanpa dokumen, yang itu kita berikan kelulusan warganegara dan mereka ada IC biru, itu saya buat. Baik, okey. Itu bahasa.

Perkara kedua adalah taraf anak-anak kepada pemastautin tetap. Datuk Yang di-Pertua, pemastautin ini ada dua. Satu, *local born*. Ada di sini sebelum 1957. Ada di sini sebelum pembentukan Malaysia ataupun dia dapat anak angkat tetapi terhenti setakat itu. Dia tidak mohon mengikut 15A. Jadi, dia kekal sebagai PR, *local born*.

Untuk rekod, permohonan warganegara daripada kelompok ini yang memohon untuk jadi warganegara ialah 10,000. Yang 10,000 ini, saya katakan bahawa kami di Kementerian Dalam Negeri akan buat keputusan dalam masa enam bulan daripada sekarang, mereka akan tahu status sama ada mereka layak atau tidak mendapat warganegara. Saya mengikat diri saya dan diri KDN, dua perkara. Pertama, semua kes berbaki kita akan selesaikan membuat keputusan. Boleh jadi dia berjaya, boleh jadi ditolak. Bergantung kepada syarat dan semua elemen kawalan dalam Perlembagaan. Yang penting, kepastian yang saya bagi jaminan, saya bagi adalah mereka tidak perlu menunggu lama-lama.

Jadi, ada dua taraf warganegara – pemastautin tetap. Satu, yang *local born*. Kalau kita selesaikan status warganegara bagi yang memohon ini, maka anak - anaknya itu akan menjadi warganegara secara kuat kuasa undang-undang.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Tetapi ada satu lagi kategori pemastautin tetap, jumlahnya lebih besar. Ia lebih besar, enam, tujuh kali ganda daripada jumlah yang ada, daripada kategori *local born PR holders*. Yang ini bila dia jadi PR, dia masih lagi menjadi warganegara asing. Dia warganegara Amerika, suami isteri tetapi lama bekerja di sini, dia dapat PR. Saya mewarisi legasi lama, dia PR dan bila anak dia lahir di sini, Perlembagaan Persekutuan sebelum kita pinda, anak warga asing pemegang PR ini, anak dia automatik menjadi warganegara. Tidak ada dalam kajian *team* KDN, satu negara di dunia, anak PR asing dapat automatik warganegara, tidak ada.

Kalau kita hari ini, suami isteri berpindah, katalah ke Australia, anak lahir, kewajipan kita mendaftar kelahiran itu di pejabat Pendaftaran Negara Australia. Dia akan tulis tempat lahir dan sebagainya, warganegara, kosong, tidak ada. Kita kena ambil yang itu pergi ke kedutaan kita di Australia, barulah kita dicatatkan sebagai warganegara, sebab kita warganegara Malaysia.

Tiba-tiba Perlembagaan yang ada sebelum kita pinda, PR bagi warga asing ini, dia masih lagi warganegara asing. Jadi, bila anak dia lahir di sini, anak dia akan

mengikut warganegara bapa atau emak. Kita tidak *recognize*, kita tak iktiraf dwi *citizen, dual citizenship*. Maka sebab itu, dengan pindaan ini, kalau anak dia lahir, kalau dia masih berminat menjadi warganegara, dia boleh mohon tetapi tidak secara kuat kuasa undang-undang.

Adapun anak-anak yang dilahirkan daripada pemegang PR yang *local born*, yang ini kita katakan bahawa angka yang memohon, saya tak anggap— yang belum memohon itu lebih kurang 30,000. Yang sudah memohon 10,000, menjadikan *local born PR holders* ini adalah 40,000. Biar kita uruskan yang 10,000 ini dahulu, bila masukkan permohonan dan di situlah kita akan guna pakai SOP yang telah kita bangunkan. Sila Ayer Hitam.

■1600

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniah. Disebabkan tindakan segera oleh Yang Berhormat Menteri, saya nampaknya daripada data itu, 19,000 kes telah diselesaikan untuk tahun ini. Tahniah. Daripada jumlah yang telah dibekalkan yang kita ketahui sehingga 1 Oktober, 17,000 kes itu, 67 peratus sudah selesai. Ini jumlah yang sangat besar. Ada 5,738 kes yang ditolak. Maksudnya, telah dibuat keputusan.

Saya menerima baik jaminan Yang Berhormat untuk kes yang tak selesai, keputusan akan diketahui dalam tempoh beberapa bulan. Bagus. Tapi, bagaimana dengan kes yang ini, yang *dok* tengah-tengah berkuat kuasa undang-undang ini, dia terpaksa? Apa tindakan yang dia perlu lakukan? Kalau sebelum itu, kita ada SOP seterusnya apa yang perlu dibuat. Tapi yang kes ini, dah ditolak.

Sepertimana yang saya bawa kes semalam, anak kepada *banker*, rakyat Malaysia, secara terus terang dilahirkan, dia nak mendaftarkan dia sebagai rakyat Malaysia kerana ibu kepada bayi ini adalah warganegara wanita Malaysia. Kalau ikut sekarang 15(2), tak payahlah, automatik dia akan dapat. Tapi, dalam kes ini, telah dilahirkan lebih awal. Jadi, dalam keadaan telah ditolak, saya rayu kepada Menteri, kalau kes ini juga dapat dilihat semula, maka kumpulan ini, kalau *genuine case*, saya rasa gunakan kuasa yang ada pada Menteri, sebelum berkuat kuasa undang-undang ini, kita selesaikan masalah. Kalau tidak, selepas 10 tahun dia akan jadi isu pula. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih rakan saya dari Ayer Hitam. Rakan-rakan kita yang punya pengalaman undang-undang, mereka faham. Proses yang kita hadapi sekarang, keadaan itu kita panggil sebagai *lacuna*.

Maknanya, sebelum kita memuktamadkan satu pindaan dan diwartakan untuk berkuat kuasa, akan ada vakum itu.

Jadi, yang saya nak tegaskan adalah — ini sekali gus menjawab persoalan umur 18. Sebab, macam Balik Pulau tadi tanya, apa jadi kalau masa dia mohon umur dia 16, tapi kalau KDN mengambil masa yang panjang, umur dia melepasi 18? Prinsip yang kita guna pakai adalah umur 18 itu adalah terpakai pada momen dia mengemukakan permohonan. Kalau selepas permohonan itu dibuat keputusan, dia telah pun melepasi 18, kita anggap umur pada masa dia memasukkan permohonan. Baik. Tapi, kalau dia melepasi umur itu, dan dia boleh memohon mengikut Perkara 19, naturalisasi. Itu dari segi ulasan had umur.

Jadi, saya nak jelaskan, Ayer Hitam, bahawa — satu lagi perkara yang dibangkitkan adalah berkenaan dengan anak Orang Asli, anak negeri Sabah dan Peribumi Sarawak. Kegusaran juga timbul dalam kalangan Orang Asli, anak negeri Sabah dan Peribumi Sarawak apabila frasa "*pemastautin tetap*" digugurkan sehingga menyebabkan golongan ini tidak akan mendapat kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang. Begitu kefahamannya.

Reaksi kita adalah, sepertimana termaktub dan terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan, bahawa Orang Asli, anak negeri Sabah dan Peribumi Sarawak ini ditafsirkan dengan jelas adalah seorang warganegara Malaysia secara kuat kuasa undang-undang mengikut 160(2) — Orang Asli; 161A(6)(a) — Peribumi Sarawak; dan Perkara 161A(6)(b) — anak negeri Sabah. Mereka adalah warganegara Malaysia secara kuat kuasa undang-undang. Jadi, pindaan tentang anak PR ini tak terpakai kepada tiga kelompok ini.

Baik, had umur 21 kepada 18. Had umur yang diturunkan sebenarnya tidak berkait dengan tempoh memproses permohonan warganegara dan tidak akan menyebabkan seorang itu hilang kelayakan untuk memohon warganegara sekalipun melebihi umur. Selagi mana keputusan bagi satu-satu permohonan belum dikeluarkan dan permohonan itu masih dalam proses, walaupun umur individu berkenaan sudah melebihi umur kelayakan, ia tidak menjejaskan permohonan sedia ada individu tersebut.

Itu yang paling akhir bangkitkan ini adalah Balik Pulau. Balik Pulau, cucu dia, saya belum selesai lagi, sebab lahir di Jerman kah mana. Ikut *turn* jugalah walaupun sama.

Pada masa yang sama, bagi memastikan proses warganegara dapat dilaksanakan dengan lebih baik, teratur dan efisien, kerajaan telah meneliti dan menambah baik prosedur-prosedur yang berkaitan dengan memproses permohonan

warganegara. Proses yang telah ditambah baik adalah prosedur pengendalian standard permohonan yang saya sebut tadi, 15A dan 19(1) dan dalam masa satu tahun, pemohon akan dapat tahu keputusan permohonannya.

Baik, isu angkat sumpah. Yang paling akhir bangkitkan tadi adalah Arau. Angkat sumpah taat setia, mengikut Jadual Pertama, merupakan mekanisme kawalan bagi melaksanakan peruntukan baharu iaitu Perkara 18(1A) yang menghendaki mana-mana orang yang di bawah umur 18 tahun memperoleh warganegara melalui pendaftaran mengangkat sumpah taat setia. Kegagalan untuk mengangkat sumpah dalam tempoh 48 bulan selepas mencapai umur 18 tahun, maka orang itu tersebut terhenti menjadi warganegara. Tempoh 48 bulan ini telah mengambil kira undang-undang warganegara lain yang masih mengekalkan umur 21 bagi seseorang warganegara tersebut melepaskan kewarganegaraan.

Adapun hal yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Larut adalah satu yang *legitimate*. Bermaksud, ketika kita katakan *cut of date* umur 18 adalah permulaan dia boleh memilih satu warganegara pada ketika dia memegang dua, tiba-tiba dia menggunakan hak dia untuk mengundi. Kalau dia menggunakan hak mengundi atas diri dia itu juga warganegara luar, Perlembagaan Persekutuan telah pun memberikan keputusan jelas.

Seorang yang menggunakan hak dia satu warganegara lain, maka kewarganegaraan dia gugur. Pada masa yang sama, kalau dia sudah pun menggunakan hak dia di sini ketika dia belum melepaskan satu lagi, itu satu perkara baharu yang kita harus teliti melalui, walaupun tidak dalam pindaan Perlembagaan tapi harus dijelaskan di dalam prosedur dan tatacara.

Hal inilah yang disebut pesanan oleh Majlis Raja-Raja bahawa KDN dalam mengemukakan pindaan ini harus menuruti, selepas pindaan ini, dengan mengadakan beberapa tatacara dan juga kaedah prosedur secara berkanun. Itu sangat jelas akan menjadi panduan kepada KDN.

Baik, yang seterusnya ialah perkara tentang retrospektif dan prospektif. Merujuk kepada perdebatan antara prinsip pro ataupun retro, pelaksanaan pindaan ini mengesyorkan untuk dilaksanakan secara prospektif, ke depan, kerana mengambil kira ia adalah amalan kebiasaan protokol pelaksanaan yang mempunyai proses dan prosedur biasa yang digunakan bagi mana-mana dasar atau perundangan yang mahu dikuatkuasakan.

Saya petik pandangan Profesor Dr. Kartini Aboo Talib, UKM 2023. Katanya, "*Apabila menyentuh tentang pendekatan deliverative, it's neither retro nor prospec.*"

la adalah pendekatan berhati-hati with measure and case by case". Dalam erti kata lain, semua *pending cases* perlu diteliti satu persatu dan dinilai kesesuaiannya.

Ketetapan polisi berhubung pelaksanaan secara prospektif ini juga dibuat dengan mengambil kira pelbagai implikasi dari aspek keselamatan dan keharmonian negara. Singapura, Australia, United Kingdom adalah antara negara yang melakukan pindaan yang sama dengan kita dan pemakaiannya adalah secara prospektif. UK 2001, Singapura 2004, Australia 2007.

Isu pelucutan. Pindaan ini menyebut bahawa pelucutan bagi seorang isteri warga asing yang pada peruntukan asal Perlembagaan menyebut isteri warga asing berkahwin dengan warga tempatan, berlaku perceraian, warganegara boleh dilucutkan dua tahun selepas perkahwinan. Lucutkan apa? Lucut warganegara. Dua tahun selepas perkahwinan.

Hakikatnya, dalam aturan sekarang, seorang isteri warga asing tidak akan mendapat warganegara dalam masa dua tahun perkahwinan. Tak dapat. Sebab, lima tahun pertama — ini disebut oleh Larut tadi — dia pegang *spouse visa*, pas pasangan. Lima tahun. Tahun keenam baru dia boleh mohon permit masuk, IC merah. Isteri warga asing kena pegang minimum dua tahun IC merah, barulah tahun kelapan dia boleh mohon menjadi warganegara.

■1610

Jadi kalau *flow* itu, tahun kelapan baru dapat warganegara. Perlembagaan asal sebelum kita pinda, pelucutan warganegara akibat perceraian ke atas isteri warga asing, boleh dilakukan setelah dua tahun perkahwinan. Sedangkan dua tahun dia tak akan dapat warganegara. Jadi kita pinda kepada ayat dua tahun selepas mendapat warganegara.

Baik, ada dua perkara saya kena sebut. Pertama, isteri warga asing bila dia berkahwin di sini dengan lelaki tempatan, kemudian dia tak pernah melepaskan kewarganegaraan dia. Kalau di Thailand, Thailand lah. Kalau Indonesia, Indonesia. Dia tak pernah lepaskan. Pada tahun kelapan, dia dapat warganegara maka dia ada dua warganegara. Maka, perceraian itu membawa kepada di bawah Perkara 26 Perlembagaan Persekutuan bahawa pemerintah boleh menimbangkan pelucutan atas sifat bahawa dua warganegara.

Katakanlah setelah dia mendapat warganegara Malaysia, dia lepaskan warganegara asal dia maka dia tinggal satu warganegara. Perlembagaan Persekutuan juga menyebut bahawa jika perlu perlucutan warganegara itu membawa kepada subjek berkenaan tidak menjadi warganegara mana-mana negara

maka perlucutan tidak boleh dilakukan. Itu dalam Perlembagaan Persekutuan. Jadi tak timbul seseorang isteri warga asing hilang warganegara akibat perceraian.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Keadaan yang kita nak uruskan ialah berkenaan dengan kalau berlaku keadaan *dual citizenship* ataupun perceraian yang kemudiannya dia dapat warganegara tapi kerana kita lucutkan warganegara, dia tak jadi mana-mana warganegara. Itu tak boleh. Dalam Perlembagaan Persekutuan dah ada.

Baik, apakah rasional di sebalik cadangan ini? Rekod KDN menceritakan segalanya. Isteri masa mula kahwin, isteri warga asing umur 21, pasangan dia 78. Bila dia dapat saja warganegara, dia terus failkan perceraian. Ini kita panggil *marriage of convenience*. Okey, jangan tanya saya dulu berapa banyak kes. Itu saya akan bagi jawapan bertulis. *[Ketawa]* Soalnya ada. Jadi kita kena kunci dulu keadaan ini.

Tan Sri, isteri warga asing umur 22, suami umur 80. Jadi keadaan ini, kita tak fikir perkahwinan ini atas cintalah sebab bila dapat saja, dia cerai. Dia dah dapat warganegara. So, kita kena *mitigate* isu ini, kerana itulah kita masukkan *caveat* itu dan itu memang peruntukan asal dalam Perlembagaan Persekutuan. Baik, itu perlucutan.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri, Beruas.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Perkara...

Tuan Yang di-Pertua: Beruas bangun.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Saya nak habis sikit satu ini sebelum saya bagi dia bercakap.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Menteri, boleh dapat satu penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Sebentar Beruas. Beruas duduk dulu. Duduk dulu. Habiskan ini dulu. *Sat* lagi Beruas bangun.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Baik. Saya nak sebut satu lagi...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Penjelasan tentang isteri...

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Menteri habiskan ini kejam saja.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu Beruas masuk.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Nanti saya bagi ya. Baik. Saya nak sebut umur sudah. Peribumi Sabah sudah. Pelucutan sudah, baik. Saya nak sebut satu lagi ialah perkara berkaitan dengan – Okey, yang selalu disebut termasuk oleh Bakri tadi. Okey, dah mudah, nak minta mudah lagi. Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Dato' Speaker, soalan saya tentang isteri warga asing...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Saya nak sebut di sini ya, okey. Seorang isteri warga asing...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau sebelum...

Tuan Yang di-Pertua: Beruas, tak boleh begini Beruas. Beruas, tak boleh.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Seorang isteri warga asing...

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Menteri jawab dulu.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sebelum ke topik baharu.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Isteri warga asing. Dia berkahwin lelaki tempatan, kemudian suami dia meninggal. Begitu keadaan spesifik yang itu. Maka dia tak ada *sponsor*. Dia masih ada opsyen memohon di bawah 19(1). Itu yang kami proses sekarang di KDN. Tak tertutup. Tak tertutup sebab kita kena begini ya, dalam Perlembagaan Persekutuan, bagaimana jalan mendapat kewarganegaraan? Mak atau ayah warganegara.

Kemudian, perkahwinan, institusi perkahwinan ini kita orang Timur. DNA penting. Jauh lebih penting institusi perkahwinan. Malaysia ini satu negara Islam agama rasmi. Kita pegang nilai dan budaya Timur. Amerika misalnya, DNA, biologi, anak sah warganegara. Kita tak boleh. Kalau kita runtuhkan institusi perkahwinan, kita pakai DNA maka ia nya kita buka satu *floodgate*. Akhirnya masa depan generasi kita jadi apa? Jadi kita kata hari ini, kita kena pertahankan institusi perkahwinan sebagai prasyarat utama kepada permohonan warganegara. [*Tepuk*] Adapun ujian DNA itu boleh menjadi sebagai *supporting evidence*. Saya fikir prinsip itu tak berubah ya – kerana itu, Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Menteri, saya nak tanya tentang yang kahwin secara sah. Terima kasih. Tan Sri Yang di-Pertua, memang saya pernah memberi pandangan bahawa amalan sekarang ini yang memerlukan isteri berada di Malaysia sampai 10 tahun baru boleh memohon kerakyatan, itu tidak mematuhi peruntukan Perlembagaan kita sekarang.

Walau bagaimanapun, memandangkan ia mengambil masa begitu panjang, sekurang-kurangnya lapan, 10 tahun sebelum seseorang isteri itu boleh memohon kerakyatan, berlakunya kes-kes di mana penceraian berlaku. Mereka sudah ada anak dan amalan sekarang ialah isteri tersebut perlu dipisahkan dari anak dan dihalau balik ke negara asal. Ini sangat zalim.

Apakah kedudukan isteri sedemikian selepas 10 tahun di Malaysia, ada anak di sini dan dihalau balik semata-mata kerana suaminya tidak menjadi *sponsor* dia

lagi. Apakah kedudukan isteri sedemikian yang sudah ada anak di Malaysia? Kalau boleh sekurang-kurangnya bagilah pemastautin tetap tapi bukan amalan sekarang.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Baik.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Mereka ini berkahwin secara sah. Semua secara sah.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Sebelum dia dapat warganegara, dia pegang pas pasangan. Okey. Kemudian, dia pegang permit masuk, IC merah. Kalau sebelum dia jadi warganegara, dia masih lagi sama ada pegang pas pasangan ataupun dia pegang permit masuk. Kalau dia ada dua ini, kenapa mesti dia dihalau? Tak ada isu dia dihalau kerana dia masih *legitimate* untuk tinggal di sini. Ya?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tak. Dia belum dapat lagi ini *red* IC. Maksudnya sudah berkahwin, susah untuk dapat *red* IC itu.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Betul.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi pas pasangan ini, kalau sudah bercerai, apakah kedudukan isteri ini? Sementara ini, apa yang saya terima aduan...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Biar, biar saya jelas. Saya faham. Saya jelas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: ...lalah mereka diminta balik.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Sebab itu Beruas, saya sebut proses ya. Jelas ya? Saya sebut proses. Lima tahun keberadaan dia di sini adalah pas pasangan. Tahun keenam, ketujuh adalah permit masuk. Okey? Kalau dua ini dia patuhi, dia duduk di sini walaupun berlaku penceraian. Tak timbullah soal dia dihalau. Jadi dia duduk situ dulu. Okey. Tapi oleh kerana kes itu spesifik, terus berunding dengan sayalah. Biar saya gulung sini, berlaku adil kepada yang lain.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Okey, baik.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Saya nak sebut bahawa ada jalannya dalam kes itu. Saya pun banyak menguruskan hal yang begitu. Jadi biasanya...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Harap Menteri faham hakikatnya selepas lima tahun nak mohon ia mengambil proses yang panjang kerana dulu bukan di bawah Menteri sekarang. Saya puji Menteri sekarang kerana semua permohonan kita cuba proses. Dulu bertahun-tahun, tak ada diproses.

Tuan Yang di-Pertua: Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi selepas 10 tahun pun tak dapat...
[Tidak jelas]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat ini spesifik Beruas.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Beruas jumpa Menteri sebentar ini.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Itu Beruas...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab tidak adil untuk semua yang lain.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Menteri.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya, baik. Sebab itu saya sebut SOP kita di bawah 19(1) ada jawapan kepada keadaan yang begitu. Baik. DNA, saya sudah jelaskan. Kemudian, sebab-sebab penolakan dalam satu keputusan tadi. Saya pergi satu *step* ke depan. Okey, yang ini saya terus-terang. Pengerusi SUHAKAM ada mencadangkan kepada saya, kalau kita nak *practice principle of universal justice*, prinsip keadilan sejagat kepada pemohon mesti diberitahu sebab munasabat penolakan. Baik.

Hal yang kita buat adalah kalau kita lengkapkan seawal SOP lagi, sebelum dia memasukkan permohonan, dia mesti patuhi beberapa prasyarat, *prerequisite* dan kalau kepatuhan itu dia buat maka tak ada masalah dari sudut proses permohonan. Kita tinggal nak semak dari segi kesahihan dokumen sebab ada sindiket penjualan bayi. Ada sindiket yang mengeluarkan sijil lahir. Itu semua *real*, nyata. Ini bukan satu cerita reka. Jadi macam mana kita nak kawal perkara ini? Kata penting di sini ialah kawalan, kawalan! Jangan sampai berlaku kita memberi warganegara berdasarkan kepada dokumen-dokumen yang tidak sah diperakukan mengikut undang-undang negara kita.

■1620

Kerana itu, buat masa sekarang kita anggap bahawa langkah mengadakan SOP untuk memberitahu kepada pemohon, syarat-syarat yang dia mesti sediakan sebelum dia kemukakan permohonan adalah langkah ke depan bagi mengurangkan – dia tidak mengetahui tentang sebab penolakan. Okey, maknanya seawal dia kemuka *tu*, pegawai akan memaklumkan kepada dia bahawa permohonan dia *ni* cacat kerana maklumat tak lengkap, umpamanya.

Baik. Sabah dan Sarawak – Burung-Burung, Kad Banci, IMM13. Sahabat saya, Semporna, sila maklum. Hal ini telah dibuat keputusan melalui Suruhanjaya Siasatan Diraja. Ada syor-syornya pun. Syornya itulah yang kita mulakan. Rakan saya, Larut telah memulakan jawatankuasa antara KDN dan Sarawak. Saya teruskan. Rakan saya dari Larut membentuk Jawatankuasa Pengurusan Warga

Asing (JKPWAS) antara KDN dengan Sabah, saya teruskan. Sebab itu syor spesifik dalam RCI mengenai warganegara. Baik, sekarang berjalan cantik.

Sarawak – malah Premier Sarawak bagi kami semua sokongan logistik. Kalau kami perlu helikopter, helikopter. Kalau kami perlu *four-wheel drive*, *four-wheel drive*. Kalau kami perlu bot, bot merentas sungai untuk sampai ke kawasan pendalaman di mana di situ komunitinya, pengetahuan tentang perlunya memiliki dokumen peribadi *tu*, mereka *tak* anggap penting. Tapi pendirian Kerajaan Sarawak adalah supaya mereka *tak* terlepas, mereka mesti diuruskan.

Jadi, Jabatan Pendaftaran Negara hantar pasukan *nun* sampai ke kawasan pendalaman. Berjumpa dengan tuan rumah, tanya tuan rumah apakah si polan, si polan anak buah dia lahir di sini sebagainya, pengesahan dibuat terus kita keluarkan dokumen pengenalan diri. Kita selesai dipuncanya lagi.

Begitu juga dengan Sabah. Jabatan Ketua Menteri, dia jalankan bancian. Dia ada komiti dia jalankan bancian. Kita berikan sepenuhnya. KDN, autoriti kita adalah menimbangkan satu proses permohonan. Tapi *establish the numbers* secara *legitimate*, kalau Bajau Laut, Bajau Laut-lah. Setakat ini, Majlis Keselamatan Negeri Sabah mengguna pakai data ESCOMM menjurus kepada Pala'u atau Bajau Laut. Jumlahnya mengikut data 2015 adalah 29,000. 6,000 daripadanya telah dikenal pasti sebagai warganegara Malaysia. Bahkan ada seorang *dah* jadi profesor *dah* mengajar di Universiti Malaysia Sabah. Baik, yang bakinya – bakinya kita kena uruskan.

Kita kena ada keberanian memberi identiti kepada kelompok ini. Saya biarkan kepada kerajaan negeri untuk buat keputusan tentang identiti ini. Tapi inisiatif kerajaan negeri saya harus hargai. Pertama, mereka *engage community* ini, buat yang mahu berpindah – tak mahu lagi tinggal atas air. Ada satu kawasan penempatan atas darat di mana kerajaan negeri *nak* bangunkan rumah.

Kalau ada yang *tak* mahu lagi teruskan cari rezeki di laut, kerajaan negeri adakan *engagement* dengan syarikat-syarikat ladang termasuk FELDA Sahabat untuk mereka menjadi *harvester*. Kalau mereka *tak* betah kerja di laut atau pun kerja di ladang, diberikan pula kursus-kursus dalam bidang-bidang kemahiran lain, ada. Anak-anak mereka yang kadang-kadang berada di tepi jalan, dikumpulkan, diletakkan di sebuah rumah penjagaan dengan penglibatan dua NGO yang memberikan mereka asas mengira dan asas penjagaan kesihatan diri.

Inisiatif ini dibuat tapi *tak* dihebahkan. Yang dihebahkan adalah "*rumah Bajau Laut dibakar*." Yang *tu* lebih mendominasi dada media. Malang sekali. Bila saya hadir mesyuarat JKPWAS dengan Ketua Menteri, Hajiji ternyata banyak inisiatif sudah mereka buat. Jadi, saya setuju dengan Keningau, dengan Tuaran dan dengan

Semporna bahawa hal kewarganegaraan di Sabah ini mesti kita uruskan *once and for all*. Kita kena ada satu kepastian tentang IMM13, Kad Burung-Burung atau kubur kad banci.

Baik. Ditanya sama ada *way forward* kita ini, kita harus juga uruskan soal dokumentasi mereka. Semporna tahu, IMM13 ini dikeluarkan *nun* kepada warganegara Filipina yang berstatus pelarian. Selain daripada Sijil Banci dikeluarkan ketika Program Pemutihan Pasukan Petugas Khas Persekutuan dan Kad Burung-Burung dikeluarkan pada tahun 70-an hingga 90-an.

Kita *inherit*, kita mewarisi hal itu dan nak menguruskan sekarang ini. Kad Burung-Burung dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah. Sijil Banci dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara semasa bancian 90, 91. IMM13 adalah regularisasi oleh kerajaan di mana semua pelarian termasuk yang memegang Sijil Banci, lulus dan Kad Burung-Burung memohon menukar IMM13.

Jadi, Tan Sri Yang di-Pertua, 10 saat yang terakhir.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal [Semporna]: Tan Sri Yang di-Pertua, kalau boleh minta izin sikit, ya.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal [Semporna]: Yang Berhormat telah menyentuh kes Sabah dan juga perkara yang kita bangkitkan yang *dah* pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri *stateless people tu*. Satu, dan Pala'u. Pala'u ni orang laut. Saya berharap bahawa kriteria dia, cara-cara di mana kerajaan negeri yang kita pertanggungjawabkan kerana kita – saya sedar seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, IMM13 itu masa perang *civil war* yang berlaku di Philippines dan juga Burung-Burung dilakukan oleh kerajaan negeri waktu itu. Kita tahu dan sedar bahawa mereka ini sama ada penduduk asal atau pun tidak. Berbangkit persoalan dia. Proses ini penting kepada kita, kita halusi kerana ada di antara anak-anak tempatan contohnya di pendalaman.

Bila saya menjelajah ke Keningau, saya menjelajah ke kawasan-kawasan ada anak-anak tempatan sama ada Dusun atau pun Murut yang tidak punya dokumen, masalah oleh kerana tadi disebut pun hubung kait dengan dia punya nikah dia, ya. Termasuk di kawasan pantai timur pun. Kadang itu nak tunggu imam yang ada tauliah. Tahulah pulau ini, bukan dekat sangat. Nak tunggu yang ada tauliah di pulau-pulau bukan ada. Berapa orang yang diberi tauliah oleh pihak berwajib untuk membolehkan supaya mereka diangkat nikah dan mempunyai sijil, yang ada?

Lepas itu nak daftar anak dilahirkan. Jauh daripada hospital terkadang itu. Jadi perkara-perkara – *the detail part of it*. Saya harap akan diambil perhitungan kerjasama di antara kerajaan negeri dan Persekutuan, yang ada untuk membolehkan – kita *tak* mahu nanti yang tak berhak mendapat keutamaan tapi yang berhak tak mendapat keutamaan termasuk di kawasan saya. Saya sebutkan semalam iaitu seorang — Enam orang anak – lima yang dapat, satu *tak* dapat. *Why the reason* Jabatan Pendaftaran tak bagi yang satu ini? *Dah* lima masuk universiti *dah*.

Saya setuju apa yang dah ada. Ada orang Pala'u dia pun bukan setakat menjadi profesor – johan qari kita di daerah – musabaqah. Mewakili Daerah Semporna ke peringkat negeri. Kita tahu bahawa perkara ini cukup penting bukan setakat untuk menjadi johan tapi untuk membolehkan mereka masuk ke hospital, membolehkan mereka masuk ke sekolah, masuk ke universiti.

Ini jauh penting termasuk untuk mendapat peluang pekerjaan kerana dokumen ini cukup penting. Jadi saya berharap, *the detail part of it*. Saya akan persoalkan nanti di Dewan Undangan Negeri bulan 11. *What have they done* tentang perkara-perkara ini untuk membolehkan kerana saya juga mempunyai jumlah seperti rakan saya daripada Keningau. Kita bincang tentang Pala'u ya, *the stateless people* yang ada. Hanya mungkin tadi disebut 29,000. Dia sebut dengan saya 39,000. Jadi kita – saya maklum dengan dia kalau sekiranya *detail is there, I don't mind to support*. *But it must be very proper*, yang berhak. Terima kasih banyak.

